

**10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**



**MESYUARAT KETIGA**

**PENGGAL KETIGA**

**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

---

---

**SHAH ALAM, 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

---

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Dato' Seri Amirudin bin Shari (Sungai Tua)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni (Sungai Kandis)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman (Sabak)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Mazwan bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri (Taman Medan)

**10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Rizam bin Ismail (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Zakaria bin Hj Hanafi (Semenyih)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Datuk Abdul Rashid bin Asari, P.S.D., S.M.S., J.P. (Selat Klang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, P.J.K. (Sementa)

**10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah (Dengkil)

**TIDAK HADIR (Dengan Maaf)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali  
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar, DMSM., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., JSM., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar, D.P.N. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman bin Idham (Gombak Setia)

**10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Salim Bin Soib @ Hamid, D.S.D.K., P.K.T.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

**10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Encik Muhajirih bin Ahmad  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
**Bentara**

Encik Mohamad Izad Shafiq bin Ahmad Mashudi  
Puan Nurul Liana binti Musa  
**Pelapor Perbahasan**

**10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**(TUAN TIMBALAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT)**

**Dewan dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Selamat pagi dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Keempat Belas pada 10 November 2020 dimulakan dengan bacaan doa.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN :** Bacaan Doa.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan urusan mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya persilakan Sungai Panjang untuk soalan yang pertama.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker. Soalan saya no. 88.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : SEKTOR PELANCONGAN NEGERI SELANGOR PASCA COVID-19**

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha dan tindakan Kerajaan Negeri dalam memulihkan Industri Pelancongan Pasca COVID-19?
- b) Nyatakan kumpulan-kumpulan sasar dalam pemulihan Industri Pelancongan di peringkat Negeri Selangor?
- c) Berapakah jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan untuk pemulihan Industri Pelancongan Pasca COVID-19?

**JAWAPAN:**

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih pada Yang Berhormat Sungai Panjang. Bertanya tentang masalah industri pelancongan dalam pasca COVID-19. Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor mengambil langkah proaktif bagi

## 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

membangun dan memulihkan semula industri ini dalam situasi COVID-19 seperti yang berikut. Pertama Pakej Rangsangan Ekonomi melalui bantuan *one-off* kepada pemandu pelancong/hos komuniti/penyelaras *homestay* berlesen sebanyak RM1,000.00 seorang. Kedua, Pakej Rangsangan Ekonomi melalui penerbitan subsidi “Baucar Pelancongan Negeri Selangor” dengan nilai bantuan peruntukan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2,000,000.00). Ketiga, penganjuran Kempen Promosi Pelancongan “Nak Bercuti? Pusing Selangor Dulu” yang memberi penekanan kepada pasaran domestik dengan menggunakan platform media sosial, digital dan atas talian. Keempat, aktiviti promosi pelancongan norma baharu melalui penglibatan di dalam program promosi pelancongan yang menggunakan platform digital dan atas talian seperti penganjuran program promosi *Selangor E-Travel Fair* dimana Tourism Selangor dapat berhubung dan berinteraksi bagi menyampaikan tawaran-tawaran serta maklumat terkini industri pelancongan di negeri Selangor kepada pihak agensi pelancongan, pengusaha produk pelancongan dan pihak berkaitan industri pelancongan lain serta para pelancong secara terus tanpa bersemuka. Kelima, penganjuran Program Jelajah Persona Negeri Selangor khusus bagi pasaran domestik seperti ke Negeri Pulau Pinang dan Terengganu. Keenam, kempen promosi pelancongan melalui medium pengiklanan ‘*Outdoor Billboard*’, ‘*Unipole*’ dan ‘*Digital Billboard*’ di beberapa kawasan yang terpilih seperti Johor, Kedah, Terengganu, Melaka, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Ketujuh, penganjuran program Familiarization Trip (FAM Trip) yang melibatkan pihak media, agensi pelancongan tempatan dan antarabangsa. Kelapan, penyediaan pakej pelancongan yang melibatkan integrasi promosi antara 9 Daerah dan 12 PBT di Negeri Selangor. Kesembilan, penganjuran Acara Pelancongan norma baharu yang menekankan SOP (*Standard Operation Procedure*) mengikut saranan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Untuk menjawab soalan yang kedua, kumpulan sasaran dalam pemulihan industri pelancongan di peringkat negeri Selangor adalah seperti berikut. Pertama, pengusaha hotel-hotel berlesen. Yang kedua, pengusaha homestay berlesen. Yang ketiga, pemandu pelancong. Keempat, pengusaha taman tema. Kelima, hos komuniti setempat. Keenam, IKS yang terlibat secara langsung dalam aktiviti pelancongan melalui kerjasama dengan Exco Pembangunan IKS. Ketujuh, pengusaha kraftangan. Kelapan, pengusaha Agensi Pelancongan.

Bagi tujuan pemulihan industri pelancongan, Kerajaan Negeri melalui Pakej Rancangan Ekonomi Selangor Prihatin telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan subsidi baucar pelancongan dengan nilai terbitan sebanyak RM 2 Juta (Dua Juta Ringgit) bagi membantu merancakkan semula industri pelancongan di dalam Negeri Selangor khususnya. Selain itu, inisiatif pemberian *one-off* sebanyak RM 1,000.00 (Satu Ribu Ringgit) kepada Pemandu Pelancong, Hos Komuniti Setempat dan pengusaha homestay telah diambil dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM553,000.00. Bagi merancakkan semula industri pelancongan, Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor telah memperuntukkan perbelanjaan sebanyak

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

RM2.9 Juta sehingga bulan Oktober 2020 bagi pelaksanaan Program Promosi dan Acara pelancongan termasuk pelaksanaan Kempen ‘Nak Bercuti? Pusing Selangor Dulu’. Sekian.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Soalan Tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sungai Panjang.

**Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO. Soalan tambahan saya adalah berkenaan dengan promosi ataupun acara yang dirancang dalam keadaan norma baharu. Saya mohon kalau boleh jelaskan apakah bentuk promosi yang dirancang ataupun yang akan dilaksanakan dalam keadaan norma baharu. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Panjang. Buat masa ini kita masih terikat kepada PKPB, banyak promosi pelancongan secara bersemuka kita tidak dapat jalankan. Oleh itu kita hanya boleh menjalankan secara online. Promosi *online*. Seperti yang saya telah sebutkan tadi kita telah pun membuat pengajuran program promosi *Selangor E-Travel Fair* di mana kita cuba mempromosi melalui internet dan juga mempromosi dengan bentuk lain tapi tidak secara beramai-ramai. Itu yang kita boleh buat. Kita harap selepas PKPB ini selesai kita akan melancarkan beberapa program promosi secara besar-besaran untuk promote negeri Selangor supaya orang Malaysia dari negeri lain dapat datang ke Selangor untuk melancong.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kota Damansara.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker. Di Kota Damansara setahu saya ada *Kota Damansara Community Forest*. Adakah selain dari lokasi ini yang dikenal pasti oleh pihak Kerajaan Negeri yang boleh digunakan untuk mempromosi Kota Damansara itu sendiri.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Buat masa ini kita tiada perancangan untuk mempromosi *Community Forest* di Kota Damansara. Tapi buat masa ini kita ada beberapa lokasi tempat melibatkan hutan simpan yang menarik seperti Sungai Congkak dan juga Sungai Kanching di Gombak dan lain-lain tempat yang sebelum itu telah pun kita promosi tapi untuk yang *Kota Damansara Community Forest* ini kita akan ambil perhatian kerana saya dapat sekarang ini ramai orang melibatkan aktiviti *hiking* ini kebanyakan pergi ke Kota Damansara kerana dia telah menjadi satu tarikan

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

bukan sahaja pelancong tapi pada mereka yang suka *hiking*, mereka selalu ke sana. Saya akan ambil perhatian. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER : Soalan seterusnya. Permatang.**

**Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Soalan saya no. 89.**

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN (N09 PERMATANG)**

#### **TAJUK : BANTUAN ANAK ISTIMEWA (ANIS)**

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa lamakah tempoh masa sesuatu permohonan ANIS diproses?
- b) Mohon nyatakan jumlah peruntukkan serta keberkesanan Bantuan Anak Istimewa (ANiS) dalam tahun 2020 terutama dalam membantu golongan berkenaan dalam pandemik COVID-19

#### **JAWAPAN:**

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Permatang. Yang Berhormat Permatang bertanya mengenai permohonan Anak Istimewa Negeri Selangor. Bagaimana ia diproses dan keberkesanannya. Tuan Timbalan Speaker, ingin saya maklumkan bahawa program Anak Istimewa Selangor ini kita mulakan pada 2019. Sebagai projek perintis yang ditadbir daripada pejabat Jawatankuasa Tetap Kebajikan dan maknanya bermula di pejabat saya. Jadi setelah kita melaksanakan dan lebih memahami tentang permohonan-permohonan ini pada tahun 2020 projek ini telah mula dilaksanakan oleh YAWAS. Pembayarannya dan sebagainya. Jadi peruntukan itu diletakkan di bawah YAWAS tetapi pejabat saya dan saya sendiri masih lagi meneliti permohonan tersebut kerana kita masih lagi dalam proses penambahbaikan. Untuk makluman Yang Berhormat Permatang, bantuan Anak Istimewa Selangor yang sekarang di proses di YAWAS sekarang mengambil masa 15 hingga 26 hari bekerja.**

Proses permohonan Anak Istimewa Selangor meliputi tiga (3) fasa. Pertama, proses pendaftaran dan penyemakan permohonan ke dalam sistem yang dilaksanakan oleh YAWAS mengambil masa 3 hingga 5 hari bekerja dengan dokumen permohonan yang lengkap. Sekiranya dokumen permohonan tidak lengkap, borang permohonan akan

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

dipulangkan semula kepada pihak Pusat Khidmat Masyarakat dan ini akan mengambil masa yang lebih lama bergantung kepada jangka masa dokumen dilengkapkan. Antara dokumen-dokumen yang diperlukan termasuklah sebut harga pusat terapi/ alat sokongan/ ubatan atau nutrisi makanan dari farmasi dan juga memerlukan pengesahan sama ada menggunakan surat rujukan daripada pegawai perubatan ataupun menggunakan kad OKU itu sendiri. Dalam fasa ini juga pemohon boleh menyemak permohonan yang telah didaftarkan dalam sistem dan status permohonan berjaya atau tidak berdasarkan syarat permohonan.

Fasa 2, proses kelulusan oleh pihak pejabat Y.B. Pengurus Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita Dan Keluarga sehingga 7 hingga 14 hari bekerja. Proses ini melibatkan penyemakan senarai pemohon yang layak berdasarkan kategori ketidakupayaan untuk kelulusan jumlah amaun yang perlu dibayar kepada penerima. Biasanya walaupun kita telah meluluskan secara prinsip maksimum sebanyak RM5,000.00 seorang anak istimewa namun oleh sebab ramainya yang memohon maka biasanya kita hanya memberi 50% daripada permohonan mereka. Proses ketiga adalah proses pembayaran kepada pemohon yang lulus dan pembayaran dibuat oleh pihak YAWAS secara *Electronics Fund Transfer* (EFT) ke akaun penerima iaitu ibu bapanya dalam tempoh 5 hingga 7 hari bekerja.

Program Bantuan Khas Anak Istimewa Selangor ini telah mula diperkenalkan dengan peruntukan dana berjumlah RM500,000.00 dan program ini diteruskan pada tahun 2020 dengan jumlah penerima manfaat sehingga kini adalah sebanyak 146 orang penerima dari tahun 2020. Permohonan tahun 2019, 291 telah diluluskan. Dan secara keseluruhan program ini bukan sahaja dapat membantu golongan anak istimewa dalam menghadapi situasi pandemik COVID-19, namun pelaksanaan program yang dilaksanakan berterusan secara tidak langsung menzahirkan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap golongan istimewa ini selaras dengan objektif awal pelaksanaan program Bantuan Khas AnIS seperti berikut. Pertama, membantu meringankan tanggungan kos sara hidup, pemulihan dan pendidikan anak-anak OKU yang ditanggung oleh ibu bapa/penjaga yang memohon. Kedua, membantu meringankan beban ibu bapa/penjaga anak-anak OKU bagi menanggung kos saringan/kesihatan anak-anak OKU yang biasanya mengambil tempoh masa panjang di hospital kerajaan. Dan ketiga, membantu mengurangkan beban ibu bapa/ penjaga anak-anak OKU yang ingin membeli peralatan khas bagi tujuan pemulihan anak-anak OKU. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sijangkang.**

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya nak kepastian yang disebutkan oleh EXCO tadi adalah surat rujukan boleh digunakan juga sebagai pembuktian permohonan. Cuma, surat rujukan ini, sebab kadang-kadang dia tak sampai kepada *final diagnosis* ya, sebahagian besarnya

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

adalah *just a provisional diagnosis*, saya tak pasti sama ada itu mencukupi ataupun, sebab ada permohonan-permohonan yang kadang-kadang sekadar *provisional diagnosis* ni tidak dapat diguna pakai ataupun diterima. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Ya, terima kasih Yang Berhormat Sijangkang. Memang betul, kadang-kadang bila ada kad OKU itu, *it helps* ya, ia membantu sangat kerana di situ sudah jelas bahawa proses diagnosis itu telah tamat. Masalah kita adalah apabila, seperti yang biasa disebut Yang Berhormat Sijangkang, mereka tidak mendaftar dan apabila mereka memohon bantuan, kita perlu surat rujukan. Biasanya surat rujukan yang diberi ini bukan sangat dalam bentuk *diagnosis* tetapi keperluan ya, kerana biasanya, itu sebabnya dokumentasi itu perlu diteliti oleh orang yang faham. Itu sebab pada peringkat awal, saya sendiri melihatnya, bila dia memberi, menjelaskan tentang kecacatan, masalah yang dihadapi yang penting kita nak itu adalah rujukan melalui keperluan. Misalnya keperluan, alat peralatan tertentu dan sebagainya, daripada pihak doktor ataupun pihak mereka yang berurusan dengan anak-anak istimewa ya. Ini yang kita perlukan dan memang kita perlu membuat verifikasi, saya sendiri menelefon ya, doktor ataupun pakar misalnya, *Audiologist* nya, juga *Speech Therapy* nya, *Occupational Therapy* nya, untuk mendapat maklumat selanjutnya ya. Jadi, memang ini lah proses yang kami sedang lalui dan di dalam penambahbaikan Yang Berhormat, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Soalan berikutnya, Subang Jaya.

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, soalan Subang Jaya nombor 90.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE (N31 SUBANG JAYA)**

#### **TAJUK : LRA SUNGAI RASAU**

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan jadual terperinci setiap tahap pembinaan LRA Sg Rasau.
- b) Apakah tahap pelaksanaannya pada masa sekarang?
- c) Adakah projek ini akan tergendala?

#### **JAWAPAN:**

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, Yang Berhormat Subang Jaya yang bertanyakan soalan berhubung dengan status pembinaan ataupun pembangunan Loji Rawatan Air Sungai Rasau. Untuk maklumat Yang Berhormat, loji, pembangunan Loji Rawatan Air Sungai Rasau ini adalah di peringkat keboleh kajian, keboleh laksanaan ataupun *feasibility study* yang dibuat oleh Jurutera Perunding yang dilantik oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor dan dijangka akan siap dalam bulan November ini dan seterusnya pihak Air Selangor juga telah pun mula memanggil tender bagi *Owners Engineer* bagi menyediakan kajian ataupun dokumen terperinci berhubung dengan spesifikasi dan juga perolehan sistem di sana. Projek ini adalah projek yang penting bagi, dalam perancangan 30 tahun pembangunan bekalan air Negeri Selangor dan kita bukan, *failure is not an option* lah. Kegagalan itu bukan satu pilihan ya. Ini projek yang penting yang kita akan laksanakan bukan sahaja kita tergендala sebenarnya, bukan tergендala, kita awalkan. Kita telah pun menetapkan tarikh untuk siap projek ini pada 2024 iaitu lebih kurang empat (4) tahun daripada sekarang untuk siap dengan kapasiti setakat ini ya, kajian, berdasarkan kajian sekarang ini 700,000,000 liter sehari, yang memang tujuannya dikhususkan untuk agihan bekalan air ke wilayah ataupun daerah Klang. Wilayah ni makna dia, wilayah ikut air lah, bukan daerah kita ni ya, ikut daerah air, bekalan air. Itu di, untuk Klang. Dan juga cadangan kita juga untuk Rasau Fasa 2 akan siap 2028 juga dengan kapasiti yang sama 700,000,000 liter untuk, ini untuk agihan ke wilayah Petaling. Ini merupakan projek yang penting bagi Kerajaan Negeri untuk dilaksanakan. Untuk makluman Yang Berhormat juga, kerja-kerja pengdetailan atau perincian berhubung dengan pelaksanaan ini akan bermula sebagaimana yang saya sebut tadi selepas selesai kajian keboleh laksanaan itu, dan kita akan, aspek satu lagi selain daripada aspek teknikal, ialah aspek kewangan yang mana ia juga merupakan pembiayaan ya, ia membawakan satu yang penting sebab itu kita akan meneliti pelaksanaan kerja-kerja huluan sumber air ataupun *sources of works, source* punya *work* kerana memerlukan geran, dana geran daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM500 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-12. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE :** Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Pandamaran.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Cuma nak tanya, apabila LRA Sungai Rasau telah siap dibina, adakah saluran ini daripada SSP1, SSP2 dan SSP3 ya, dari Sungai Selangor akan diteruskan salur ke Klang ataupun diberhentikan? Saya difahamkan, Klang, daerah Klang adalah air, bekalan air adalah daripada Sungai Selangor dan Rantau Panjang.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Sebagaimana yang saya sebutkan dalam membahas, ataupun penggulungan ucapan Belanjawan baru-baru ini, bahawa pembangunan sistem bekalan air di Negeri Selangor bukan sahaja memberi tumpuan kepada loji-loji rawatan, dia dalam bersekali juga dengan isu pengagihan, ataupun

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

sistem pengagihannya iaitu retikulasi. Jadi, dan untuk tujuan ini, kita akan melihat keseluruhan sistem yang ada terutamanya sistem paipnya, dan juga kolam-kolam imbangan, kolam utama dan kolam-kolam perkhidmatan yang perlu dinaiktarafkan. Contohnya, macam yang, antara kolam imbangan yang penting bagi Klang ini ialah di Lipat Kajang. Lipat Kajang ini memang termasuk dalam kerangka untuk dinaiktarafkan supaya kapasitinya lebih besar dan dapat meningkatkan simpanan air kepada tahap yang lebih tinggi. Ini maknanya bukanlah sahaja loji rawatan. Loji rawatan ini penting ya, kita ada sasaran kita, setiap tahun berapa banyak kapasiti ataupun, yang kita tingkatkan. Sekarang ini kita ada sekitar 5,000 juta liter sehari keperluan kita. Dalam masa dua (2) tahun lagi, tiga (3) tahun lagi meningkat daripada 6,500 kepada 7,000. Berapa tahun ini ke depan? Ini, saya ingat setiap lima (5) tahun kita tengok, ada peningkatan di sekitar 1,000, 800                          ke 1,000 juta liter setiap lima (5) tahun. Jadi, kita ada sasaran itu, itu kita akan bangunkan tetapi yang penting juga ialah untuk kita mengadakan *interconnectivity* itu. Kesinambungan antara kolam-kolam utama ini supaya dapat diagihkan dengan sekata atau dengan teratur di seluruh Selangor, walaupun di mana dia berada, loji rawatan. Memang di peringkat awal ni, kita bagi tumpuan daerah-daerah yang perlu macam Labuhan Dagang di Kuala Langat, Sungai Rasau ini di Klang tetapi akhirnya, sistemnya ialah menghubungkan semua-semua kolam-kolam ini supaya kita tidak ada isu di mana pun air itu dirawat, air dapat diagihkan dengan sekata di seluruh negeri. Itu yang, tujuan kita ya. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Soalan berikutnya, Taman Templer. Tidak hadir. Berikutnya, Sabak.

**Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN :**                          Dari Sabak ke Sungai Tua, soalan saya nombor 92. Terima kasih.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN (N02 SABAK)**

#### **TAJUK : LEMBU-LEMBU KORBAN AIDUL ADHA**

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah nilai seekor lembu yang diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk ibadah korban tahun 2020 dan apakah kaedah pemberian kepada pembekal?

#### **JAWAPAN:**

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Yang Berhormat Sabak, Tuan Timbalan Speaker. Soalan daripada Yang Berhormat Sabak ini berhubung dengan isu ataupun program lembu-lembu korban Aidiladha. Sabak bertanyakan soalan mengenai nilai lembu ni dan sebagainya dan juga apakah kaedah pemberian. Untuk makluman Yang Berhormat, dia, nilai lembu ni setakat yang ketika saya menguruskannya di bawah Jawatankuasa Pelaksanaan lembu korban Negeri Selangor ini yang memang kita adakan program ini setiap tahun dan ini adalah program yang kita adakan bagi kita tolong membantu rakyat Negeri Selangor dapat melaksanakan ibadah korban ini yang merupakan satu ibadah korban yang penting pada Hari Raya Haji ya, Hari Raya Korban. Dan ini memang diputuskan setiap tahun oleh Mesyuarat MMKN, Mesyuarat Kerajaan Negeri, Mesyuarat EXCO dan untuk tahun lepas, untuk tahun ini, lembunya ialah pada harga RM5,150.00 seekor. Ini untuk tahun ini, tahun lepas RM5,200.00, ia kurang RM50.00.00, untuk tahun ini. Proses pelantikan pembekal-pembekal ini memang kita buat secara tender terbuka yang dipantau oleh Jawatankuasa dan diurussetiakan, dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor yang merupakan anak syarikat Kerajaan Negeri, bertanggungjawab penuh untuk melaksanakan tender terbuka, ini memang kita iklankan dalam surat-surat khabar untuk, dan kita menerima banyak permohonan untuk membekalkan lembu-lembu ini dan kita ada kriteria-kriteria yang kita telah tetapkan, yang diputuskan oleh Jawatankuasa termasuklah pendaftaran dengan SSM, mempunyai pendaftaran dengan veterinar, Jabatan-jabatan Veterinar dan juga mempunyai kandangnya di Negeri Selangor. Itu antara beberapa perkara. Kalau kandangnya di luar Selangor, kita tak benarkan ya. Itu antara perkara yang kita telah buat dan telah dilaksanakan dengan baik sejak sistem kita perkemaskin daripada setahun ke setahun, kita telah mendapat maklum balas yang baik pelaksanaan projek ini dan akan, *InshaAllah*, kita akan laksanakan setiap tahun lah dan mungkin untuk tahun depan ni, kita akan pertimbangkan nanti, kita akan bawa dalam Mesyuarat EXCO untuk timbang, untuk masukkan juga kambing korban sebagai salah satu, selain daripada lembu lah. Itu kita akan pertimbangkan pada tahun depan lah. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD. FAKHRULRAZI BIN MOHD. MOKHTAR :** Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Meru.

**Y.B. TUAN MOHD. FAKHRULRAZI BIN MOHD. MOKHTAR :** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya nak bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, macam tahun lepas, ADUN-ADUN dibenarkan untuk memilih ataupun melihat sendiri lembu korban yang bakal diserahkan tetapi tahun ini, saya nampak perkara itu tidak berlaku tapi ada juga ADUN-ADUN yang diberi peluang untuk memilih. Jadi, ada *double standard* di situ. Mungkin boleh beri penjelasan sikit.

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Sebenarnya tidak, perubahan hanya sedikit berbanding tahun lepas, tahun ini dengan tahun lepas. Iaitu, tahun lepas kita dapati satu punca, ada sedikit masalah daripada pembekal ialah, kita, bila kita buka, *open*, terlalu terbuka ada yang pembekal hanya menerima bekalan, hanya dapat membekal lima (5) ekor sahaja, ada yang dua (2) ekor, ada tiga (3), ada pula yang sampai 5, 60 ekor. Jadi, kita rasa agak tak seimbang untuk mengelakkan daripada kos penghantaran dan sebagainya, kita tetapkan *limit* setiap pembekal itu 30 ekor. Jadi, sebenarnya boleh pilih daripada pembekal yang kalau tidak silap saya, pembekal pun dalam 30 pembekal seluruh Selangor, setiap pembekal 30 ekor. Sebenarnya Yang Berhormat boleh memilih daripada tempat yang kita sediakan ini, untuk memilih daripada situ kecuali kalau dia dah penuh lah. Kalau dia tinggal lima (5) ekor lagi, tak boleh nak pilih dah. Jadi, kalau yang dia, kalau pergi awal memang ada 30 ekor tu boleh dipilih oleh Yang Berhormat kerana setiap yang Ahli-ahli Yang Berhormat dapat dalam, kalau tak silap saya dalam lima (5) ekor ya? Empat (4) ekor ya, empat (4) ekor, ok. Jadi, ini kaedah yang kita buat, kita nak bahagikan seimbang tapi saya ada juga menerima aduan perkara ini dan kita akan teliti semula untuk tahun depan supaya sistemnya akan diperkemaskan lagi lah untuk mengelakkan daripada perkara-perkara begini lah, terima kasih.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Pelabuhan Klang.

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker. Saya nak bertanya kepada Yang Berhormat Pandan Indah, bolehkah disyaratkan selepas ini, kandang-kandang lembu, yang hendak membekalkan lembu korban ini mestilah mengikut peraturan ataupun SOP Pengurusan Sisa Najis yang tidak dilepaskan ke dalam sungai terus, dia mesti ada sisa, sebab kita dah pergi tengok kandang-kandang lembu itu ada yang memang tidak mengikut standard ataupun piawaian yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar dan sudah tentunya sekarang mesti ditetapkan oleh LUAS.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Ya, saya pun maklum mengenai perkara ini yang berlaku terutamanya di kawasan-kawasan ternakan yang terletak di bawah TKPM. TKPM ini yang diuruskan oleh Jabatan Veterinar. Jabatan Veterinar, ini lebih mudah untuk kita lebih mengawal lah sebab dia memang tertakluk di bawah peruntukan ataupun kawalan-kawalan di bawah TKPM, di bawah Veterinar ini, mereka memang menetapkan mesti pengurusan najis lembu ini mesti diurus dengan baik, tetapi di luar kawasan ini, ini yang menjadi sedikit masalah dan di kawasan-kawasan yang rizab sungai memang tidak ada yang kita benarkan, luluskan. Yang ada pun *illegal*, yang itu tidak ada yang membekalnya, duduk kandangnya di kawasan rizab sungai, tak ada. Cuma di kawasan yang lain tu, saya nak sebut, kawasan persendirian setakat ini kita belum letakkan syarat itu dan kita mungkin akan pertimbangkan untuk

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

diuruskan supaya menjaga juga kebersihan, keselamatan alam sekitar kita. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD. SHAID BIN ROSLI :** Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Jeram.

**Y.B. TUAN MOHD. SHAID BIN ROSLI :** Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO, saya ucap tahniah lah, program ini dapat diteruskan setiap tahun, tetapi saya nampak dua (2) tahun sebelum ini lebih bagus daripada segi prosesnya berbanding dengan tahun lepas, kerana tahun lepas ya lah, tahun ini? Sekejap, tahun ini, di mana telah ditetapkan, contohnya untuk setiap DUN di mana tempat mengambilnya. Saya terpaksa menjawab dengan pengusaha di kawasan saya sendiri di mana saya tak boleh nak ambil di kawasan dalam Kuala Selangor, ambilnya di Kuala Langat. Jadi, macam mana, sistem apa yang diguna pakai? Kalau kita sebenarnya di DUN, di Parlimen Kuala Selangor ni sepatutnya kita boleh sahaja ambil pembekal di kawasan kita sekiranya diberi ruang untuk kita sendiri yang mencari jadi, secara tak langsung kita membantu pengusaha di kawasan kita. Jadi, ini kita sampai ke Kuala Langat kita nak pergi mencari ni, macam tak kena. Adakah tahun depan akan diperbaiki sistem ini? Terima kasih.

**Y.B TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Sebenarnya mungkin di saat-saat akhir ada isu, sebenarnya niat awalnya, tujuan awal kita memang kita hendak menetapkan supaya Ahli-ahli Yang Berhormat semua mengambil di kawasan ataupun di daerah masing-masing. Itu tujuan asal kita, memang itu tujuannya sebab pengalaman kita 2 tahun lepas ada yang duduk di Sabak bernam pergi ambil lembu di Kuala Langat. Jadi banyak kes-kes yang begini ada yang sampai ke Hulu Langat dan beberapa kosnya dan kekangan tahun ini pula dari segi pergerakan daerah antara daerah pun jadi isu. Memang niatnya begitu Cuma saya rasa ada sedikit isu teknikal menyebabkan ada yang terpaksa ambil di luar pada saat akhir. Saya akan pastikan tahun hadapan tidak berlaku perkara ini, kita bagi keutamaan kawasan yang paling dekat dengan tempat-tempat Yang Berhormat semua itu lebih memudahkan daripada segi pergerakan lembu-lembu ini. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Soalan Sungai Burong telah dijawab bersekali dengan soalan ke-27. Soalan Berikutnya Pelabuhan Klang.

**Y.B TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, soalan Pelabuhan Klang adalah 94.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : PROJEK LOJI RAWATAN AIR (LRA) LANGAT 2**

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Berapakah peratusan kemajuan keseluruhan projek loji rawatan air Langat 2 sehingga kini?
  - Bilakah projek loji rawatan air Langat 2 akan siap sepenuhnya?
  - Adakah Kerajaan Negeri dapat menyenaraikan kawasan-kawasan yang bakal menikmati bekalan air daripada loji rawatan air Langat 2?

**JAWAPAN:**

**Y.B TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Berturut-turut ya. Terima kasih Yang Berhormat Pelabuhan Klang dan juga Tuan Timbalan Speaker. Pelabuhan Klang bertanyakan soalan berhubung Loji Rawatan Air Langat 2 di mana pertanyaan mengenai kemajuannya hingga kini dan bila akan siap sepenuhnya dan kawasan-kawasan yang bakal menikmati bekalan air daripada Loji Rawatan Air Langat 2. Sehingga 30 September 2020, pembinaan LRA Langat 2 telah siap 100% Loji Rawatan. Pada 21 Disember 2019, untuk Fasa 1 ini *Stream B* yang berkapasiti 565 juta liter sehari (JLH) telah ditaliahkan dan beroperasi. Walau bagaimanapun sehingga kini hanya 430 JLH sahaja dapat diagihkan kepada pengguna . Manakala *Stream A*, Fasa 1 ada *Stream A* dan *Stream B*. *Stream A* pula yang juga berkapasiti 565 JLH di jadual akan diserahkan, sepatutnya telah diserahkan daripada segi Loji Rawatannya kepada Air Selangor pada 30 Oktober 2020. Keseluruhan projek pembangunan LRA Langat 2 termasuk pembinaan kolam-kolam perkhidmatan dan sistem agihan mempunyai 23 pakej untuk menyalurkan bekalan air dari LRA Langat 2 ini Cuma masih belum siap sepenuhnya sistem retikulasinya. Sehingga September 2020, kemajuan kerja adalah 30.43%. Sistem Agihan Bekalan Air Skim Langat 2 terbahagi kepada 2 koridor iaitu Koridor Utara dan Koridor Barat, ini dari segi pengagihan air, tadi *Stream A* dan *Stream B* ini adalah Loji Rawatannya manakala Koridor Utara dan Koridor Barat ialah pengagihannya. Sehingga akhir September 2020, kemajuan kerja bagi kerja-kerja ini mengikut koridor agihan adalah seperti berikut. Koridor Barat sasarannya siap agihannya pada Disember 2022 untuk Koridor Utara adalah pada Disember 2023. Keseluruhan projek pembangunan Skim LRA Langat 2 dijadualkan siap sepenuhnya pada 31 Disember 2023 maknanya Koridor Utara ini yang *last* untuk siapkan keseluruhan projek ataupun Loji rawatan Air Langat

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

2 Fasa 1. Kawasan yang bakal mendapat bekalan air dari Loji Rawatan Air Langat 2 adalah seperti berikut. Untuk Wilayah Petaling iaitu kawasan yang akan menerima manfaat daripada air ini Loji Rawatan Air Langat 2 adalah Puchong, Jalan Klang Lama, Petaling Jaya Selatan (PJS), Subang Jaya, Seri Kembangan dan Serdang. Yang kedua ialah Gombak, Setiawangsa, Desa Tun Hussein Onn, Ulu Klang dan Ampang. Yang ketiga Hulu Langat, Jalan Hulu Langat dan Sungai Lui dan yang keempat ialah Kuala Lumpur, MINDEF dan Keramat. Itu jawapannya, terima kasih.

**Y.B TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Tuan Timbalan Speaker bolehkah saya bertanya, adakah Projek Langat itu dikira sebagai aset air kepada Kerajaan Pusat dan lepas itu Kerajaan Negeri kena bayar sewa atau apa. Kalau begitu berapa banyak agaknya kita kena bayar setiap tahun. Terima kasih.

**Y.B TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Memang benar Yang Berhormat Sungai Pelek. Sebenarnya projek ini adalah projek di bawah Kerajaan Persekutuan yang diletak di bawah aset air berhad. Jadi kita sebenarnya hanya menyewa untuk Langat 2 ini Loji Rawatan Air Langat 2 ini kita memang menyewa untuk 45 tahun daripada PAAP ini bagi kita menguruskan bekalan air. Kita tidak memiliki aset ini jadi memang pembiayaan pun memang mereka tanggung sepenuhnya kita hanya menyewa untuk digunakan, itu untuk bagi Loji Rawatan Air Langat 2 ini. Sekian, terima kasih. Saya tidak ingat berapa nanti saya akan dapatkan itu terlalu terperinci kita akan dapatkan kosnya. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Soalan berikutnya, Balakong.

**Y.B PUAN WONG SIEW KI :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Soalan saya 95.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

#### **TAJUK : KEMUDAHAN WI-FI PERCUMA**

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah strategi kerajaan akan diamalkan untuk memajukan capaian internat di luar bandar dan kawasan pedalaman supaya mengoptimumkan pengajaran dan pembelajaran dalam talian?

- b) Adakah kerajaan berniat untuk membekalkan perkhidmatan Wi-Fi percuma kepada pusat-pusat pengajian di dalam Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

**Y.B TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Yang Berhormat Balakong. Balakong bertanyakan soalan berhubung dengan kemudahan Wi-Fi percuma. Balakong ingin mengetahui strategik Kerajaan untuk memajukan capaian *internet* di luar bandar dan di kawasan pendalaman dan bahagian keduanya adakah akan membekalkan Wi-Fi percuma ini di Pusat-Pusat Pengajian di Negeri Selangor. Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan pembangunan infra digital ini di Negeri Selangor ini kita berada pada tahap yang amat menarik sekali kerana sejajar dengan Pembangunan Smart Selangor, inisiatif Smart Selangor yang kita akan laksanakan sehingga 2025. Maka keperluan untuk mengadakan jaringan capaian *internet* yang tinggi ini ataupun *broadband* kelajuan tinggi ini adalah menjadi satu kewajipan, menjadi satu benda yang wajib yang perlu dilaksanakan. Oleh itu dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia serta Syarikat-syarikat Telekomunikasi yang lain Negeri Selangor dalam proses untuk menyediakan apa yang disebutkan sebagai *Selangor Connectivity Master Pelan*, saya tidak tahu terjemah bahasa Melayu apa Pelan Induk saya cari perkataan *connectivity* ini tidak ada yang sesuai tiada penyambungan perkataannya. Jadi *Master Pelan* yang merupakan satu kita dalam proses pelaksanaan ini yang sedang disiapkan dan ini akan menyediakan Pelan Keseluruhan Pembangunan Rangkaian Telekomunikasi bagi seluruh Selangor. Ini merupakan satu pelan yang penting yang kita akan buat pada 2021 hingga 2025 yang akan menyediakan rangkaian-rangkaian telekomunikasi dan *hight speed* nya *broadband*. Bukan sahaja untuk kegunaan Smart Selangor tetapi juga untuk kegunaan semua untuk rakyat dan untuk industri di Negeri Selangor. Dengan kerjasama dengan SKMM kerana mereka pun mempunyai program yang Pembangunan Pelan Fiberisasi dan Kesalinghubungan Kebangsaan (*National Fiberisation and Connectivity Plan -NFCP*) yang telah dibangunkan dengan jendela, ada perkataan jendela yang sedang diusahakan oleh SKMM dan juga kita dengan kerjasama dengan *telco* juga sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dalam ucapannya berhubung dengan juga kerjasama kita dengan Telekom Malaysia yang akan menyiapkan rangkaian fiber 100% mereka dan akan siap sepenuhnya pada penghujung 2021 atau awal 2022. Jadi semua ini akan digabungkan di bawah *Selangor Connectivity Master Pelan* untuk kita pastikan jurang kesenjangan digital ini antara penduduk bandar dan luar bandar ini akan dapat dikurangkan di kecilkan bagi memastikan Pembangunan Selangor depan dilaksanakan dengan terbaik. Berhubung dengan pelaksanaan Wi-Fi percuma ini memang di bawah penajaran baru kita telah menetapkan 5 klauster, salah satunya adalah pendidikan. Dengan sebab itu lah kita akan berikan juga tumpuan tempat-tempat pendidikan di Negeri Selangor dan buat masa ini kita telah pun menyediakan Wi-Fi Smart Selangor kepada Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Selangor

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

(STDC), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Universiti Selangor (UNISEL) dan juga perpustakaan-perpustakaan di bawah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) di seluruh Negeri Selangor dan kita akan pertimbangkan lagi tempat-tempat pendidikan yang lain dari semasa ke semasa mengikut kepada keperluan. Terima kasih.

**Y.B DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sungai Panjang.

**Y.B DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN :** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker dan terima kasih EXCO. Berkenaan dengan WI-FI percuma soalan tambahan saya adalah berkenaan dengan penyelenggaraan dan juga bagaimana kaedah bagi memastikan bahawa Wi-Fi, *hotspot-hotspot* yang sedia ada ini supaya ia berfungsi sebab ada banyak yang tidak berfungsi dengan sebaiknya. Terima kasih.

**Y.B TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Sebenarnya saya telah menjawab di dalam penggulungan ucapan ... Yang Berhormat tidak ada tidak mendengar. Saya telah menerangkan bahawa apa langkah-langkah baru yang kita ambil. Antaranya kita telah menamatkan perkhidmatan-perkhidmatan yang menggunakan *backhaul* ini yang daripada copper ini ataupun *steamyx* kita telah membatalkan. Sekarang ini kita punya pelaksanaan Wi-Fi kita ataupun sistem *broadband* kita hanya berdasarkan kepada *fiber* dan juga kalau *microwave* pun dengan kelajuan 100 *mega bytes per second* tidak lah kurang daripada itu. Ini kita telah disyaratkan di bawah penajaran baharu yang kita tetapkan 2 bulan lepas. Sekarang ini semua AP kita, *access point* kita mesti dengan Telekom sahaja sekarang ini, Telekom Malaysia dengan SmartSel yang menguruskan Wi-Fi Smart Selangor kita dan sistemnya ialah penggunaan *fiber* dan kalau *microwave* pun kalau di tempatnya masih belum ada *access* lagi tetapi rancangan yang saya sebut tadi *by end of the year*, sampai hujung tahun hadapan atau awal tahun 2022 memang *fully fiber* untuk semua tempat di seluruh Selangor kerana Telekom akan siap *backbone* nya pada akhir tahun depan atau awal tahun 2022 supaya kita dapat pertahankan ataupun melaksanakan *high speed broadband* ini 1MG ini di semua tempat paling kurang untuk dibawa juga saya sudah sebut juga *access point* kita pada tahun ini ialah sasaran kita ialah sekitar 800 lebih dalam pembinaan. Kita akan cuba lengkapkan 1100 *access point*, setiap satu *access point* boleh di *access* 30 pelanggan setiap masa, pada masa yang serentak. Maknanya 33 ribu boleh *access* dalam masa serentak 1 jam. Kalau masa dah habis 1 jam dia boleh masuk balik bukan bermakna terhenti dia boleh *login* semula untuk menggunakan kalau tidak ada orang lain yang pakai. Jadi tahun hadapan kita akan tambah lagi untuk kita tingkatkan lagi penggunaan WSS ataupun WI-FI SmartSelangor untuk rakyat Negeri Selangor.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Soalan Rawang telah dijawab bersekali dengan soalan ke 60. Soalan berikutnya Dusun Tua.

**10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**Y.B TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF :** Soalan saya nombor 97.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : KAJI SELIDIK KE ATAS KDEBWM**

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah hasil penemuan kaji selidik yang dilakukan Syarikat Merdeka Strategic Development Centre Sdn. Bhd. ke atas prestasi Syarikat KDEB Waste Management Sdn. Bhd. (KDEBWM)?

**JAWAPAN:**

**Y.B TUAN NG SZE HAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat Dusun Tua bertanya apakah hasil penemuan kaji selidik yang dilakukan Syarikat Merdeka Strategic Development Centre Sdn. Bhd ke atas prestasi Syarikat KDEB Waste Management Sdn. Bhd. (KDEBWM). Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, fokus bagi kaji selidik prestasi KDEB Waste Management adalah untuk memantau prestasi konsesi pengurusan sisa pepejal di Selangor khasnya KDEB Waste Management yang mengambil alih keseluruhan pengurusan sisa pepejal di kawasan PBT. Hasil penemuan kajian mendapati bahawa pelanggan mempunyai tahap pengetahuan yang rendah terhadap KDEB Waste Management namun prestasi KDEB Waste Management pada tahap yang memuaskan iaitu pada tahap 77% secara keseluruhan. Empat perkhidmatan utama KDEB Waste Management yang diukur iaitu perkhidmatan kutipan sampah domestik, kutipan sampah pukal, pemotongan rumput dan pembersihan parit. Prestasi kutipan sampah domestik dan pemotongan rumput memuaskan dengan lebih 70% yang berpuas hati. Namun bagi perkhidmatan kutipan sampah pukal dan pembersihan perparitan, prestasinya agak rendah dengan hanya separuh berpuas hati ekoran tahap pengetahuan terhadap jadual yang juga agak rendah. Terima kasih.

**Y.B TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF :** Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Dusun Tua.

**Y.B TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF :** Boleh saya tahu Yang Berhormat EXCO yang dikatakan separuh yang berpuas hati itu berapa peratus dan apakah puncanya jika ada.

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Separuh tu bermaksud lebih kurang 50 peratus dan maksud utama dan salah satu maksud utama adalah orang awam tidak sedar agar jadual kutipan sampah pukal dan satu sebab lagi adalah sampah yang kita nampak di merata tempat adalah bukan semuanya sisa pepejal yang diurus oleh KDEB Waste Management dan kebanyakannya tapak sampah haram adalah sisa industri atau pun sisa *contructions* dan orang awam tidak dapat bezakan adakah ini bawah bidang kuasa KDEB Waste Management atau pun bukan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Pelabuhan Kelang

**Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Terima Kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, bolehkah selepas ini dikaji semula tentang pemberian kontrak kepada KDEB nya KDEB ini KDEB hanya buat kutipan sahaja, pembersihan atau pun pemotongan rumput serah balik kepada pihak PBT sebab kita melihat prestasi pembersihan dan pemotongan rumput ini amat-amat mengecewakan dan ini lah adalah alasan-alasan KDEB ini bukan kawasan dia lah ini bukan sampah dia lah susah lebih baik pulangkan balik kepada PBT pembersihan atau pun pemotongan rumput sebab ini terlampau banyak *complain* yang kita dapat terhadap prestasi KDEB menguruskan pembersihan dan juga pemotongan rumput boleh atau tidak Kerajaan Negeri buat semula KDEB hanya untuk kutipan sampah domestik sahaja, dan kemudian mungkin selepas ini akan menguruskan sampah sisa kilang dan pembersihan pemotongan rumput kerja-kerja yang rutin ini diserahkan semula kepada PBT.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Kontrak KDEB Waste Management sama PBT adalah selama 7 tahun, selepas 7 tahun kontrak itu boleh dikaji semula dan cadangan Yang Berhormat Pelabuhan Kelang ini akan dikaji oleh Kerajaan Negeri Selangor selepas tamat kontrak.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kampung Tunku

**Y.B. PUAN LIM YI WEI :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, tadi Yang Berhormat Exco telah sebut tentang orang ramai tidak tahu akan jadual pengutipan sampah dan jenis-jenis sampah yang dikutip, di sesetengah PBT misalnya di Pulau Pinang biasanya di taman perumahan ada papan tanda dengan jadual kutipan sampah dia akan senaraikan hari-hari dan apakah pendapat Yang Berhormat Exco kalau kami di Selangor juga mengikuti cara ini supaya orang awam tidak keliru lagi, terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Dari peninjauan saya sendiri saya nampak sebenarnya ada papan tanda di banyak tempat semua tempat ada papan tanda berkenaan jadual kutipan tetapi ia ada kemungkinan orang awam dia tak nampak atau tidak berperhatian kepada papan tanda tersebut dan saya nampak papan tanda sahaja tidak mencukupi kita perlu mengadakan kempen kesedaran yang lebih sempurna seperti melalui sosial media dan cara lain untuk meningkatkan lagi kesederhan.

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**Y. B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE** : Soalan tambahan

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sentosa

**Y. B. TUAN GUNARAJAH A/L GEORGE**: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, apakah tindakan Kerajaan Negeri pada, kalau kita diberitahu 77 peratus sahaja pencapaian prestasi oleh KDEB apakah tindakan Kerajaan Negeri atas kontraktor-kontraktor yang telah memberikan kontrak mereka kepada Sub-sub Kontraktor, ini yang akibat masalah pembersihan atau pun apa yang kita hadapi sekarang, terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Kontraktor kutipan sampah atau pun pembersihan adalah dilantik oleh KDEB Waste Management sendiri sekiranya berlakunya seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sentosa itu Sub, Sub, Sub, Sub, itu sebenarnya tidak dibenarkan. Sekiranya ada kes seperti macam ini, saya berharap Yang Berhormat Sentosa boleh beri maklumat Kerajaan Negeri atau pun terus kepada KDEB Waste Management untuk tindakan selanjutnya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Subang Jaya

**Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE** : Terima Kasih Tuan Timbalan Speaker, akhirnya nampak Subang Jaya, terima kasih Yang Berhormat Exco memang apa yang dikatakan bahawa hanya 50 peratus berpuas hati berkenaan pembersihan parit dan sampah pukal ini adalah benar Cuma saya nak tanya, sama ada terdapat ke tak usaha untuk memantau dengan betul-betul apa yang berlaku di tapak sebab saya tak berapa percaya bahawa masalah nya di kalangan rakyat yang tidak tahu jadual sahaja di kawasan terdapat sampah-sampah pukal yang boleh duduk dekat sana untuk tiga minggu pun tak dikutip jadi ini bukan masalah sudah tak tahu jadual sebab pastinya pada masa dalam 3 minggu itu kontraktor pasti akan lalu jalan itu tetapi mengapa perlu tunggu seminggu, 3 minggu pun tak dikutip saya rasa perkara ini perlu diteliti, terima kasih.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Ya, ini memang merupakan satu kelemahan dan Kerajaan Negeri telah memberi arahan kepada KDEB Waste Management supaya *supervisor-supervisor* dapat membuat dapat memantau kontrak yang dilantik oleh KDEB Waste Management dan kajian seperti macam ini juga akan dibuat pada masa depan untuk menjadi satu KPI, KPI perkhidmatan prestasi perkhidmatan bagi KDEB Waste Management.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Soalan berikutnya, Jeram

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, soalan saya soalan 98.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : LOT TANAH LIDI**

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap tanah pemilikan individu yang telah dijual kepada pembeli dengan konsep menjual tanah lot lidi?
- b) Adakah dasar pemilikan tanah boleh ditukar secara lot diperbaharui dengan dasar yang baru bagi memberi peluang kepada generasi baru mempunyai tanah?

**JAWAPAN:**

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR :** Terima kasih Speaker, sedikit sebanyak saya telah menjawab soalan ini ketika penggulungan dalam sesi pengurusan atau pun B namun begitu saya ingin menjelaskan jawapan lebih rinci.

- a) Pihak Kerajaan Negeri tidak pernah mengiktiraf penjualan dan pemilikan tanah lot lidi di Negeri Selangor. Ini kerana, penjualan tanah lot lidi jelas melanggar syarat nyata tanah itu sendiri di mana tanah-tanah lot lidi yang dijual adalah bersyarat nyata "Pertanian" yang tidak dipohon tukar syarat atau pecah sempadan di Pejabat Tanah dan Daerah. Penjualan tanah secara lot lidi ini mengundang pelbagai masalah kepada pembeli berikutnya ketidaaan geran individu dan urusan jual beli hanyalah berdasarkan "Surat Ikatan Amanah" sahaja. Bagi membendung aktiviti penjualan lot ini secara berterusan atau berleluasa tanpa mengikut syarat-syarat pembangunan dan pendaftaran hakmilik yang dibenarkan di mana akan memberi kesan langsung kepada pembeli, Mesyuarat Penyelaras Pentadbir Tanah / Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor Bil. 1/2018 yang telah dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pada 16 Julai 2018 telah bersetuju untuk menolak semua permohonan Pendaftaran Surat Ikatan Amanah atas semua sebab bagi kesemua lot-lot kecil tanah pertanian di Negeri Selangor. Penolakan ini adalah terpakai di semua Pejabat Tanah Daerah dan Pejabat Tanah dan Galian Selangor sehingga satu dasar baru dirangka oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Walau bagaimanapun, tiada sebarang halangan untuk mendaftarkan Surat Ikatan Amanah ini bagi kategori tanah selain tanah pertanian. Selain itu juga, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor serta Pejabat Daerah dan Tanah turut melaksanakan pelbagai sesi hebahan dan pemakluman kepada orang ramai berkaitan risiko pembelian tanah secara lot lidi yang tidak diiktiraf ini.

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

- b) Pelupusan tanah Kerajaan melalui pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara adalah tertakluk kepada individu atau badan-badan yang layak yang dinyatakan di bawah Seksyen 43 Kanun Tanah Negara termasuk generasi baru yang berumur 18 tahun dan ke atas. Kerajaan Negeri telah mengeluarkan Dasar Baharu Pemberimilikan Tanah Kerajaan Di Negeri Selangor melalui Pekeliling Pengarah Tanah Galian Selangor Bilangan 3/2020. Selain daripada permohonan pemberimilikan boleh dikemukakan secara individu, permohonan pemberimilikan juga dikemukakan secara berkelompok mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Semua permohonan boleh dikemukakan ke Pejabat Daerah dan Tanah yang berkenaan untuk diangkat bagi pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sijangkang

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, apakah peranan yang boleh dimainkan oleh Kerajaan Negeri pada sudut kawalan dan juga penguatkuasaan kerana saya dapat di kawasan saya masih lagi berlaku saya tak tahu sama ada kelulusan sebelum 2018 atau pun hari ini dibuat secara yang tidak *legal* tetapi berlaku sebab tanah-tanah pertanian yang dulunya kelapa sawit telah dibersihkan dan kemudian diletakan penanda-penanda lot dan dah mula pun dia buat rumah dan ini berterusan saya dapat mungkin Kerajaan Negeri boleh maklumkan, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR SELANGOR :** Terima kasih Yang Berhormat, di pihak Kerajaan Negeri kawalan yang dia boleh buat ialah untuk menolak sebagaimana yang dibuat oleh keputusan PTGS atau pun Majlis Pelarasian tadi menolak *trust deed* atau pun Surat Ikatan Amanah yang ingin dibuat di Pejabat Tanah dan Galian sebelum pecah bahagian diluluskan. Jadi bila *trust deed* itu ditolak maknanya proses-proses seterusnya itu tidak berlaku, apa yang berlaku sebelum ini apabila Ikatan Amanah itu mampu didaftarkan mereka telah menggunakan dokumen tersebut seolah-olah Kerajaan Negeri atau Pejabat Tanah dan Galian telah meluluskan untuk pengasingan tanah-tanah tersebut, itu kekangan yang boleh kita buat selain kedua saya percaya melalui aduan-aduan orang awam dan tetapi sebahagian daripada mereka ini memang agak licik dan telah beroperasi bukan baru telah lama dan telah mengakibatkan kerugian berpuluhan-puluhan ada sebahagian mereka ditipu kerana mungkin menawarkan harga yang sangat tidak munasabah dengan harga pasaran dan yang keduanya menawarkan tanah-tanah yang akhirnya tidak menjadi milik dan akhirnya kalau kita lapor kepada pihak Polis dan sebagainya ini semua jatuh kepada *commercial crime* dengan izin, dan akhirnya orang itu duit tak dapat mungkin yang melakukan kesalahan itu akan didakwa dan dibawa ke mahkamah kalau cukup bukti akan masuk penjara tetapi kehilangan wang itu memang satu berterusan dan amat menyediakan kawalan kita dia buat dengan menghalang *trust deed* itu, tapi kalau ada laporan-laporan tertentu kita boleh maklum tapi masyarakat sendiri sebenarnya kena

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

tahu rakyat sendiri kena faham bahawa ada risiko-risiko ini kalau membeli dengan kadar yang terlalu murah yang tidak masuk akal dan memecah meah lot seperti mana yang disebut Lot Lidi tadi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Soalan berikutnya, Sentosa.

**Y. B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, soalan saya No.99

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE (N48 SENTOSA)**

#### **TAJUK : WARGA TUA TIDAK ADA SUMBER KEWANGAN SELEPAS BERSARA**

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu golongan ini yang tidak layak untuk bantuan kebajikan masyarakat?

#### **JAWAPAN:**

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Tuan Timbalan Speaker,

- a) Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor (JKMNS) telah menyediakan bantuan di bawah Skim Bantuan Kewangan Persekutuan iaitu Bantuan Orang Tua singkatan dikenali (BOT) yang diberikan kepada golongan warga emas yang memenuhi syarat kelayak yang telah ditetapkan.

Bantuan BOT ini diberikan dengan nilai RM350.00 sebulan seorang sebagai saraan hidup kepada warga emas yang memerlukan bantuan dalam komuniti berdasarkan Paras Garis Kemiskinan Kerajaan Persekutuan yang telah ditetapkan iaitu RM960.00 dengan syarat kelayakan seperti berikut:-

1. Berumur 60 tahun ke atas;
2. Tiada sumber pendapatan untuk menyara hidup; dan
3. Tiada keluarga atau mempunyai keluarga yang tidak berkemampuan untuk memberi sumbangan.

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

Dalam pada itu, Tuan Timbalan Speaker, walau bagaimana pun bantuan untuk warga emas yang tinggal di institusi kendalian JKM seperti Rumah Sri Kenangan di Cheras Rumah Ehsan Kuala Kubu Baharu atau Pusat Jagaan Harian atau berkediaman yang memberi kemudahan atau perkhidmatan secara percuma adalah tidak layak menerima bantuan ini. Bagi golongan warga emas yang tidak layak menerima BOT, warga emas berkenaan bolah dipertimbangkan untuk menerima Bantuan Am yang disediakan melalui Skim Bantuan Kewangan Negeri dengan nilai kadar RM350.00 atau RM300.00 atau RM250.00 sebulan seorang mengikut keadaan dan kelayakan semasa warga emas berkenaan. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri Selangor turut menyediakan Skim Mesra Usia Emas (SMUE) kepada golongan warga emas dengan mendaftar di Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) yang memberi manfaat kepada mereka melalui pemberian baucer membeli belah sebanyak RM100.00 yang boleh digunakan di pasaraya-pasaraya terpilih di kawasan mereka mengikut bulan kelahiran ahli SMUE berkenaan dan terkini bantuan khairat kematian kepada keluarganya RM500.00.

**Y. B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE :** Soalan tambahan

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sentosa

**Y. B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, Terima kasih Yang Berhormat Exco boleh tak Kerajaan Negeri memikirkan atau merancang satu pelan atau suatu program seperti Skim atau Skim Pencen atau Skim Insurans yang untuk terutamanya untuk golongan-golongan yang untuk pekerja Swasta kita tahu pekerja Kerajaan ada pencen dan sebagainya. Banyak pekerja Swasta tidak ada Skim Pencen, boleh tak kita merancang sesuatu supaya golongan yang akan menjadi warga emas ini dapat boleh menyertai satu program macam Program TAWAS setiap tahun kita masukkan RM100.00, mereka pun boleh menyumbang RM100.00 dan bila menjangkau umur 60 mereka boleh mendapatkan macam Skim setiap tahun ada sedikit pulangan duit, terima kasih.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Terima kasih Yang Berhormat Sentosa sangat prihatin, memang prihatin dengan masyarakat cadangan tersebut mungkin kita ambil maklum dan kita bincangkan sedalam-dalamnya dengan kemampuan Kerajaan Negeri, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Seri Setia

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker, saya nak bertanya Yang Berhormat bantuan orang tua ini permohonannya di mana, ambil diambil Jabatan Kebajikan Masyarakat, atau Pejabat Pusat Khidmat di Pejabat EXCO sendiri atau *online*, macam mana.

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Terima kasih Yang Berhormat Seri Setia, di JKM, Jabatan Kebajikan Masyarakat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Soalan berikutnya Sabak.

**Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN** : Soalan saya 100.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN  
(N02 SABAK)**

**TAJUK : HUBUNGAN ANTARA JABATAN-JABATAN KERAJAAN DI PERINGKAT PUSAT**

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- (a) Selepas rampasan kuasa di peringkat pusat apakah EXCO masih mempunyai hubungan baik bersama Jabatan - Jabatan Kerajaan di peringkat pusat khususnya yang berkaitan pertanian?

### **JAWAPAN:**

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM** : Terima kasih Yang Berhormat Sabak, Tuan Timbalan Speaker sebab soalannya begitu bagus sekali tulisannya, saya nak baca la soalan ini dan tukar ayat. Selepas rampasan kuasa di peringkat Pusat, apakah EXCO masih mempunyai hubungan baik bersama jabatan-jabatan kerajaan di peringkat Pusat khususnya yang berkaitan pertanian. Ini daripada Sabak sendiri bukan saya tambah ya.

Untuk makluman Yang Berhormat, Yang Berhormat Sabak, di peringkat Jawatankuasa Tetap Pertanian, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, kita mempunyai 10 Jawatankuasa yang ada di bawah STANCO itu dan 9, 6 daripadanya adalah daripada agensi jabatan di peringkat GLC, di peringkat Persekutuan dan itu termasuklah FAMA, Lembaga Pertubuhan Peladang, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia, MARDI, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan IDA ataupun Barat Laut Selangor yang menguruskan pembangunan kawasan padi kita. Ini semua adalah agensi dan jabatan ataupun daripada agensi daripada persekutuan dan jabatan-jabatan yang ada ialah Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perikanan dan kita satu-satunya agensi kita adalah Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor.

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

*Alhamdulillah* setakat yang saya semenjak jawatan sebagai Ahli EXCO yang terlibat langsung dengan pertanian saya tidak ada sebarang masalah dengan agensi atau jabatan Persekutuan ini dan semuanya memberi kerja sama yang sangat baik walaupun ketika Pakatan Harapan memerintah di peringkat Persekutuan dan sekarang ini pun saya tetap menerima sokongan dan bantuan kerjasama yang cukup baik dan saya harap begitu kerana kami di sini di bawah Jawatankuasa Tetap sentiasa memberi tumpuan kepada perkara-perkara yang boleh memberikan sokongan atau bantuan kepada kemajuan pertanian dan bukan agenda-agenda politik. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Soalan seterusnya Seri Setia.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Soalan IOI, 101.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR (N32 SERI SETIA)**

#### **TAJUK : TANAH TERBIAR**

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- (a) Apakah terdapat cara mengatasi penggunaan tanah terbiar milik kerajaan atau pemaju yang menjadi kegunaan sesuatu pihak yang akan menimbulkan permasalahan di kemudian hari?

#### **JAWAPAN:**

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Seri Setia. Untuk Speaker, untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah mengarahkan Pejabat Tanah untuk mengenal pasti tanah-tanah Kerajaan yang boleh dilupuskan secara pemberimanilikan sama ada melalui pemberimanilikan biasa atau melalui tender terbuka. Selain itu bagi tanah-tanah rizab Kerajaan yang masih belum digunakan bagi tujuan dirizabkan, pelupusan secara Lesen Pendudukan Sementara untuk tempoh setahun atau Pajakan Tanah Rizab untuk tempoh maksimum 21 tahun boleh dipertimbangkan bagi aktiviti yang menyokong dan bersesuaian dengan syarat guna tanah sekeliling. Ini bagi memastikan tanah Kerajaan atau tanah rizab Kerajaan digunakan sebaiknya. Namun kadangkala terdapat bantahan daripada individu serta badan-badan berkaitan yang menghalang pembangunan dilaksanakan atas faktor pengekalan zoning kawasan yang ditetapkan, walhal penggunaan tanah rizab diluluskan bersifat sementara selagi ia belum dibangunkan bagi tujuan perizaban.

Manakala bagi tanah milik pemaju yang menimbulkan permasalahan, Kerajaan Negeri boleh mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 125 hingga 130,

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

Kanun Tanah Negara sekiranya pelanggaran syarat nyata tanah jelas dilakukan dan tanah dilucut hak kan sekiranya tindakan cepat untuk memastikan remedii pelanggaran syarat tidak dilaksanakan oleh pemilik tanah. Walau bagaimanapun, terdapat halangan bagi melaksanakan penguatkuasaan ke atas hak milik yang diberi milik sebelum Kanun Tanah Negara atau tanah hak milik yang tidak jelas kategori dan syarat nyata kegunaan tanahnya. Pelucutan hak hanya boleh dibuat setelah membayar apa-apa pampasan yang dipersetujui atau ditentukan di bawah Seksyen 434 Kanun Tanah Negara. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Seri Setia.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Terima kasih Yang Amat Berhormat Sungai Tua. Saya, masalahnya saya nak tanya macam tempoh hari yang saya hantar tentang tanah Perbadanan Aset Kereta Api. Tanah ini adalah hak milik Perbadanan Aset Kereta Api. Jadi kerana aktiviti-aktiviti yang tidak sihat berlaku di situ dah beberapa tahun lamanya, jadi apakah tindakan Kerajaan Negeri sendiri yang pertama. Yang kedua, tanah yang terbiar tetapi dalam masa yang sama dia melibatkan persendirian yang masih dalam kes mahkamah dan ada pula rumah yang dibina secara haram.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih. Kita kena kembali kepada Kanun Tanah sebagai rujukan untuk melihat isu-isu tanah ini selagi ia tanah Kerajaan atau tanah hak milik begitu lah yang saya sebutkan sedikit sebanyak. Kalau ikut tanah itu Perbadanan Aset Kereta Api maknanya Perbadanan Aset Kereta Api akan bertanggungjawab ke atas apa yang berlaku. Katakanlah ada aktiviti yang kurang sihat, pembuangan sampah haram, kilang haram, pencemaran dan sebagainya, pihak Kerajaan Negeri boleh mengeluarkan borang yang dipanggil Borang 8A ke 7A, 7A, 8ni, 8A untuk rampasan, 7A kita akan untuk mereka remedii ataupun membetulkan tanah-tanah tersebut kembali kepada keadaan dengan masa yang sesuai. Selepas itu baru lah kita tawarkan atau kita *submit* Borang 8A di mana Borang 8A itu adalah perampasan tanah oleh pihak Kerajaan.

Namun kita terpaksa mengambil proses, tapi bila melibatkan perkara-perkara yang tidak memberikan nampak kesan seperti pencemaran dan sebagainya, akhirnya kita terpaksa memberikan ingatan-ingatan kepada tanah-tanah hak milik ini supaya mereka mengambil tindakan yang sewajarnya dan ia bolehlah dimaklumkan kepada Pejabat Tanah dan Pejabat Tanah kalau tahu hal tersebut harus memaklumkan bukan kepada tuan punya tanah ke atas aktiviti-aktiviti yang kurang sihat, ataupun aktiviti-aktiviti yang dianggap kod membahayakan keadaan sekeliling. Begitu lah kalau menjadi kepada tanah hak milik yang dirujuk Yang Berhormat tadi adalah tanah Perbadanan Aset Kereta Api dan tanah milik individu, prosesnya hampir sama kerana miliknya siapa. Miliknya jabatan mana? Miliknya individu mana, miliknya syarikat

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

mana? Dia siapa badan pengawalnya, kalau tanah Kerajaan, badan pengawal adalah Kerajaan Negeri di bawah Setiausaha Kerajaan Negeri ataupun agensi yang kita tetapkan, kalau hak milik dia ada gerannya dan ada nama-nama tertentu, untuk rujukan itu ia milik Perbadanan Aset Kereta Api dan pasukan atau agensi itu lah yang harus mengawal selia dan menentukan nasib tanah-tanah mereka. Terima kasih.

**Y.B. DATO' AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Soalan tambahan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Banting.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Timbalan Speaker. Selalunya pegawai kerajaan mengambil satu pendekatan ataupun interpretasi undang-undang yang agak konservatif di mana pengeluaran Notis 7A ataupun 8A tertakluk kepada pemahamannya sangat ketat syarat nyata di dalam geran tanah. Sebenarnya dalam Kanun Tanah Negara dan geran tanah yang lama sebelum didigitalisasikan, ada termaktub bahawa menjadi tanggungjawab kepada tuan punya tanah untuk menjaga keceriaan tanah dia di mana dia tidak boleh menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk dan juga pemilik tanah yang bersebelahan. Cuma dalam geran tanah yang ada sekarang ini syarat nyata itu telah diringkaskan. Pelanggaran Syarat Nyata Tanah ditakrif sebagai anggaran syarat yang ada di dalam geran tanah itu. *The forth corner of the paper*. Yang menyatakan bahawa sekiranya terlanggar syarat tanah pertanian digunakan membina kilang, membina rumah dan sebagainya itu langgar syarat tapi selebihnya dari segi tidak dinyatakan dengan jelas.

Dan dengan itu untuk Pegawai mengeluarkan Notis 7A ataupun 8A, mereka agak *reluctant* untuk melakukan perkara itu. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sama ada mungkin kita mengambil *approach* yang sedikit liberal ataupun kita menggunakan, memastikan syarat-syarat nyata kita itu diterangkan dengan lebih terperinci untuk memastikan tuan punya tanah memang faham dan tahu hak dan tanggung jawab dia. Sekian.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Yang Berhormat. Saya kira hal yang berkenaan itu kalau dia lebih ringkas, dia lebih baik untuk kita mentafsirkan tapi pentafsiran itu harus tepat dan juga *detail* lah. So, selepas ini ia mungkin boleh diselaraskan di bawah pengurusan tanah ataupun STANCO tanah melihat isu-isu sebab kita ada *real issue* Yang Berhormat. Antara *real issue* kita ialah kawasan kita hampir 70% telah menjadi kawasan perbandaran ataupun *urban*. Bila masuk kawasan-kawasan tersebut ada satu plot tanah yang tidak terjaga akhirnya ia menimbulkan masalah yang lain, kalau masalah pandangan mata pun menyemakkan mata apatah lagi masalah seperti penyakit berjangkit, denggi dan sebagainya ini satu debat yang panjang dulu, adakah kita boleh ceroboh atau tak boleh ceroboh? Adakah

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

Kerajaan boleh masuk atau tak boleh masuk rumah terbiar? Nanti masing-masing ada bantahan dan sebagainya.

Justeru saya percaya cadangan Yang Berhormat itu boleh diambil kira, kita akan masukkan dalam Mesyuarat STANCO untuk melihat batas-batas itu kerana *finally* bila hak milik sementara dan hak milik yang dimiliki itu ataupun hak milik sesuatu tanah itu sudah milik apa tah lagi suatu ketika dulu boleh milik selama-lamanya, bukan 99 tahun, jadi Kerajaan tidak mempunyai ruang yang begitu besar untuk *interval* ataupun menceroboh ataupun masuk ke satu ruang peribadi ataupun ke hak-hak peribadi. Kita akan ambil kira cadangan Banting.

**Y.B. DATO' AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sijangkang.

**Y.B. DATO' AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Dalam pembentangan Pakej Rangsangan Ekonomi dalam Sidang yang lalu, pihak Kerajaan ada menyebutkan bahawa sasaran 300 ekar tanah terbiar milik kerajaan ataupun anak syarikat ataupun yang tidak digunakan akan dibangunkan sebagai projek pertanian dan saya kira itu antara penyelesaian yang sangat baik kalau dapat dilakukan oleh Kerajaan dan saya mahukan status yang telah sehingga kini penggunaan tanah terbiar ini untuk tujuan pertanian. Terima kasih.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih, daripada pelarasang yang dibuat Yang Berhormat Pandan Indah kita dapat setakat ini angka yang kita dapat adalah lebih kurang satu ribu ekar, satu ribu ekar tanah-tanah Kerajaan, tanah-tanah anak syarikat Kerajaan Negeri yang boleh dibangunkan ataupun yang belum dibangunkan dan ada potensi kita sedang kenal pasti dan *InsyaAllah* tahun 2021 kita boleh mulakan untuk meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara kita melalui Program *Food Security* yang terkandung dalam ucapan Belanjawan saya dan tidak ketinggalan dalam Pakej Rangsangan Ke 3 yang dibentangkan Julai lalu. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Soalan berikutnya, Pandamaran.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Soalan saya nombor 102.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE (N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : TIBI**

## 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- (a) Nyatakan statistik penyakit Tibi di Selangor mengikut daerah.
- (b) Apakah tindakan yang telah diambil untuk mengawal penyakit ini.

### JAWAPAN:

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Terima kasih Yang Berhormat Pandamaran. Yang Berhormat Timbalan Speaker. Pandamaran telah bertanya statistik penyakit Tibi di Selangor mengikut daerah dan apakah tindakan yang telah diambil untuk mengawal penyakit Tibi. Untuk makluman Yang Berhormat Pandamaran, Negeri Selangor telah mendaftarkan sebanyak 3,585 kes Tibi bagi tahun 2020. Mengikut daerah,

Daerah	Bil Kes
Petaling	949
Hulu Langat	799
Klang	599
Gombak	583
Kuala Langat	181
Hulu Selangor	152
Kuala Selangor	135
Sepang	129
Sabak Bernam	58
<b>JUMLAH</b>	<b>3,585</b>

Apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan kita?

- i) Pengesanan kes secara aktif (*active case detection*) dan saringan/pemeriksaan kontak dipergiatkan apabila terdapat kes positif.
- ii) Pendidikan masyarakat tentang tanda-tanda awal penyakit Tibi dan kepentingan untuk menamatkan rawatan dengan sempurna bila diagnosis ada Tibi makan masa enam bulan.
- iii) Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan insentif Tibi sebanyak RM800.00 untuk setiap pesakit yang disahkan menghidapi Tibi oleh pengamal perubatan kerajaan atau swasta, insentif ini bertujuan untuk membantu menampung kos perjalanan kos pesakit Tibi yang berulang alik ke hospital atau klinik untuk mendapatkan rawatan. Elaun yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah terbuka kepada semua pesakit Tibi yang tinggal di Selangor. Ini berikutan daripada maklum balas yang kita dapat daripada pengamal perubatan iaitu kebanyakan yang tidak menghabiskan, menamatkan rawatan oleh sebab ketidakmampuan mereka

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

berulang alik ke Pusat Kesihatan dan sebagainya. Dan juga Kerajaan telah menyediakan elau sebanyak RM250.00 melalui Badan Bukan Kerajaan (NGO) *Malaysian Association for the Prevention of Tuberculosis* juga untuk pesakit Tibi diberi melalui MAPTB ini.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kota Damansara.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Setahu saya dulu kita ada sebut berkaitan dengan penyakit Tibi di kalangan pendatang asing. Saya tak tahu sama ada ini masih merupakan cabaran bagi Kerajaan Negeri Selangor sekiranya ada apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk menangani penyakit di kalangan pendatang asing?

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Baik, Yang Berhormat Kota Damansara. Masalah kita adalah mereka tidak datang ke klinik-klinik kesihatan untuk mendapatkan rawatan kerana kos atau mereka terpaksa menanggung kos yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan bagi mereka yang bukan warga negara kita. Setakat ini kita menunggu sekiranya ada mereka ini datang dan telah didiagnosis mendapat penyakit tibi, Kerajaan Negeri tidak keberatan untuk membantu mereka untuk mendapatkan rawatan. Tapi masalahnya kita tidak ada nama, tidak ada lokasi dan tidak ada orang yang menguruskan mereka ini. Setakat ini, kita ada klinik-klinik yang diuruskan oleh NGO-NGO tertentu. Dan sekiranya pihak mereka merujuk pendatang-pendatang asing yang sudah ada tibi ini ya, dan *InsyaAllah* kita akan memikirkan apa seterusnya apa patut kita lakukan untuk membendung penyakit tibi di kalangan mereka. Kerana kita tahu bahawa kehadiran mereka di dalam masyarakat dalam masa panjang boleh menjadi punca jangkitan penyakit tibi, terima kasih.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE :** Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Pandamaran.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE :** Cuma Pandamaran ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, adakah pesakit yang telah didaftarkan 3,585 kes ini adalah kebanyakan warga negara atau bukan warga negara. Dan kebanyakan saya difahamkan bukan warga negara, mereka tak berani datang ke KK atau pun KKKM untuk merawat. Jadi, jika tidak mereka tidak datang ke merawat, jadi akan merebak kepada warganegara. Jadi apakah tindakan daripada Kerajaan Negeri jika Persekutuan tidak ambil tindakan, terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Terima kasih Yang Berhormat Pandamaran. Inilah yang tadi saya sebut yang ada 3,585 yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan atau Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, adalah mereka

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

yang warganegara kita ya. Malah antara syarat yang kita letakkan untuk mendapat bantuan RM800 ini mesti warganegara ya. Kita akan berbincang balik dengan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor melihat betul-betul berapa sebenarnya jumlah yang ada dan kita akan menyelaraskan balik dalam perkara ini InsyaAllah, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Soalan Kota Anggerik telah dijawab bersekali dengan soalan ke-7. Dan berikutnya soalan Kampung Tunku telah dijawab bersekali dengan soalan ke-47. Soalan berikutnya Kota Damansara.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Soalan Kota Damansara 105.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR (N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK: TERDAPAT BANJIR DI KAWASAN KAMPUNG AKIBAT PEMBANGUNAN TANPA KEBENARAN**

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah tindakan Kerajaan untuk menyelesaikan masalah tersebut?.

### **JAWAPAN:**

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Yang Berhormat Kota Damansara yang bertanyakan berhubung isu banjir di kawasan kampung akibat pembangunan tanpa kebenaran. Jadi perkataan di sini ialah tanpa kebenaran ya. Jadi pembangunan begini ada banyak tempat yang berlaku dalam penelitian saya. Sama ada dengan jabatan-jabatan yang berkaitan dengan banjir, JPS terutamanya. Didapati banyak keadaan begini berlaku yang punca utamanya ialah masalah longkang-longkang dalaman mereka yang dibina secara tidak mengikut kelulusan di bawah KM menyebabkan longkang-longkang ini tidak dapat berfungsi secara mana saliran air yang lain. Apa yang berlaku ialah *invert level* longkang ini apabila tidak di kalau dibuat secara permohonan yang bawah kebenaran perancang, tentulah Jabatan-jabatan teknikal ini akan mengulas dan melihat keseluruhan pelaksanaan sistem saliran. Tapi bila dibuat dengan tidak ada kebenaran, makna longkang-longkang dibuat semata-mata hendak mengalirkan air tetapi tidak memahami aliran air ini berlaku, *invert level* dia kena betul. Atau pun dasar longkang itu di alur keluar adalah mesti lebih rendah daripada punca tempat bermulanya saliran itu. Tapi apa yang berlaku adalah *the other way round*. Saya dapati banyak perkara ini berlaku di tempat-tempat yang tidak dibangunkan secara terancang. Menyebabkan air tidak

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

dapat mengalir dan tentulah akan berlaku banjir, ini yang kita kaji. Saya telah menyusun beberapa lawatan ke PBT-PBT. Setakat ini saya dah melawat 4, tapi sebab kekangan ini PKPB ini, maka terpaksa tangguhkan. Saya dah melawat Majlis Perbandaran Klang, Majlis Bandar Raya Shah Alam, Majlis Perbandaran Kajang, satu lagi saya ingat, Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Saya telah melawat 4 PBT ini dan untuk menyelaras aspek berhubung dengan aspek banjir ini.

Dan saya dapat banyak perkara yang sebelum ini tidak dapat dikenal pasti contohnya longkang-longkang yang tidak ada tuan. Ini berlaku dan kita telah berjaya selesaikan dan juga ada laporan-laporan yang tidak sampai kepada JPS. Kita JPS ini, mereka adalah urus setia kepada *task force* banjir Selangor. Tetapi laporan-laporan banjir yang melibatkan kawasan PBT, ada yang tidak dilaporkan. Jadi bila saya turun itu, baru saya dapat laporan-laporan ini dan saya telah maklumkan kepada semua pihak PBT supaya hadir terutamanya hadir dalam mesyuarat *task force* banjir dan juga melaporkan secara berkala isu banjir ini untuk kita dapat melihat secara menyeluruh pelaksanaan. Terutama di kampung-kampung sebegini, walaupun terletak di kawasan-kawasan PBT tapi kadang-kadang di bawah luar skop penyelenggaraan mereka. Dan juga memerlukan bantuan dari Pejabat Daerah. Pejabat Daerah pula tak ada duit untuk pelaksanaan projek-projek begini. Jadi saya sedang teliti dan melihat bagaimana kaedah terbaik penyelesaian, kita tidak boleh abaikan walaupun pembangunan mereka ini tidak mendapat kebenaran merancang, tapi isu banjir ini akan menyebabkan kemusnahan kepada harta benda dan juga kepayahan kepada rakyat kita. Kita akan ambil langkah-langkah yang sesuai yang perlu untuk mengurangkan beban ini. Dan tentulah perkara ini bukan satu perkara yang dapat diselesaikan sehari dua, memerlukan masa dan pelaksanaan. Sebagaimana yang semalam saya akan jawab nanti dalam ulasan-ulasan berhubung banjir terutama di Sungai Serai yang nanti saya akan jawab nanti. Yang melibatkan banyak perkara dan tapi kita bukan tidak ambil peduli, kita akan mengambil langkah-langkah kekangan yang banyak ini, kita akan cuba hadapi dan cuba selesaikan satu persatu bagi menyelesaikan masalah banjir ini, terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Soalan tambahan

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Kawasan Ijok ini memang masalah banjir. Setiap kampung, setiap pekan, hujan tempat lain pun Ijok banjir. Jadi yang saya hendak tanya kepada Yang Berhormat EXCO, ada satu kawasan itu, mereka bina parit tapi yang jadi masalah tarikh siap lewat. Nombor dua, parit itu, bila saya tengok longkang besar air tak mengalir. Di sebelah pekan Ijok, banyak masyarakat sekeliling, pekebun, memberi datang kepada Pejabat saya dia *complaint*. Jadi ini secara pemantauan pembinaan pembangunan untuk banjir, untuk longkang-longkang ini saya haraplah Kerajaan Negeri Selangor pantaulah. Bila saya hendak *contact* kontraktor itu, itu bukan kontraktor tempatan,

## 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

bila saya minta hendak jumpa *engineer* dari Majlis, dia hantar dia punya *technician*. Sebab saya hendak dapat penjelasan kenapa parit yang baru bina tapi air tak mengalir, air tertakung di dalam parit. Ini menimbulkan masalah kesihatan alam sekitar. Sila beri penjelasan.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Saya akan teliti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ijok ini. Dia ada beberapa isu di sini pertama terutama di kawasan Ijok ini saya sudah banyak kali melihat dan melawat. Ada dua punca utama, utamanya ialah kawasan rendah dan kebanyakannya yang dikatakan parit ini, yang dibuat ini dia dipanggil istilahnya ialah *borrow pit*, *borrow pit* ini berfungsi sebagai kolam takungan sebenarnya. Dia nampak macam parit, tapi dia sebenarnya kolam takungan. Dan airnya perlu di pam ke dalam sungai. Ini antara perkara-perkara yang berlaku di kawasan-kawasan rendah termasuklah yang saya melawat di Sungai Langat ini, di kawasan Sungai Serai ini, di Sungai Betong dan juga di Batu 10 waktu itu. Dia kebanyakannya kawasan ini kawasan yang rendah. Dan mereka kalau buat longkang pun dia tidak akan dapat mengalirkan air ke sungai kecuali ada sistem pam. Sebab itu, kita membangunkan sistem pam dan juga *borrow pit* yang saya sebutkan tadi untuk menahan air.

Yang keduanya ialah *maintenance*, *maintenance* parit kita, kita tidak mempunyai kemampuan untuk hendak *maintain every 2 month or 3 month*. Dia sebab kosnya yang tinggi dan juga satu lagi saya hendak maklumkan di sini, terutama di kawasan luar bandar ini, dia banyakkan tanaman mereka menggunakan baja. Dia baja-baja ini akan mengalir ke sungai, pokok-pokok tumbuh cepat. Kadang kita buat sebab itu saya sudah beritahu JPS, contohnya *maintenance* parit, kalau boleh tolak ke hujung sikit bulan 8, bulan 9 ketika hampir dengan musim hujan, tengkujuh kerana apa, itu dapat membantu dari segi aliran air kerana pokok-pokok sekejap saja tumbuh. Kalau kita buat awal bulan 5, bulan 4 dia akan tumbuh dalam masa 2 bulan dah penuh dengan tumbuh-tumbuhan. Jadi mereka tidak mampu dengan kekangan kewangan untuk buat banyak kali. Ini antara perkara-perkara yang telah pun kita masukkan dalam jadual kita untuk pastikan begitu. Ini antara beberapa perkara yang saya sebutkan tadi, yang menjadi isu. Tapi saya bukan mencari alasan tak hendak jawab ya, saya memberitahu ada isunya tapi kita akan cari kaedah terbaik bagaimana dapat kita selesaikan dan memakan masa. Dan juga kadang-kadang melibatkan PBT, ini pun mereka ada skop mereka dan bukan semua isu banjir ini di bawah tanggungjawab JPS. Tadi dia di bawah *task force* ya, tapi juga memerlukan kerjasama daripada pihak PBT dan juga pihak Pejabat Daerah untuk kita selesaikan, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sungai Pelek.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Tuan Timbalan Speaker, saya ambil kesempatan ini minta tolonglah daripada EXCO di mana kawasan DUN Sungai Pelek, kita ada merupakan kawasan pertanian. Jadi banyak sungai yang telah lama tidak dikendalikan oleh JPS dan sebagainya, selalu banjir. Jadi bolehkah kadang-kadang

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

ada pemilik tanah atau pun petani dia tak boleh tunggu bajet daripada JPS, dia minta dia buat kerja dengan tanggung kos sendiri. Jadi mintalah EXCO memberi kebenaran melalui JPS kepada petani-petani atau pun pemilik tanah yang sanggup membuat kerja itu secara tanggung sendiri.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Untuk sementara begitu, kita boleh timbangkan kalau tanah di kawasan sendirilah ya. Untuk dia menguruskan itu, kita tak ada masalah, tapi kalau boleh kita adakan perbincangan dulu supaya kita dapat bentangkan kepada mereka daripada segi spesifikasi supaya dia membuat itu tidaklah akan menyebabkan lebih kepayahan kepada orang lain pula nanti. Jadi kita hendak tengok kepada keseluruhan, sebab isu banjir ini bukan melibatkan satu tuan ya. Dia melibatkan ramai supaya spesifikasi pelaksanaan itu dapat diatur dengan baiklah.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW :** Saya faham tetapi saya bangkitkan isu ini kerana isu ini sudah berlarutan, sudah lama sangat tapi masih tidak selesai di kawasan DUN Sungai Pelek.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Timbalan Speaker, satu soalan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ya, Kota Damansara.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Ok, saya dengar dengan teliti jawapan yang EXCO kata kita kena fokus tentang parit-parit yang tanpa kebenaran ini. Di Kampung Melayu Subang, kita ada projek Pelepas Sungai Pelepas. Ada satu lot itu, Lot 3424 Jalan Merbau, ini mungkin punca utama di kawasan Kampung Melayu Subang menyebabkan banjir. Harap Yang Berhormat Kerajaan Negeri dapat melihat fokus kepada lot tersebut ya.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Ya, itu agak khusus saya akan *take note* apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Damansara itu. Satu perkara lagi saya hendak sebut sistem saliran ini yang di kawasan yang dibangunkan tanpa kebenaran. Saya telah meneliti beberapa, antaranya di Subang Jaya ada satu yang bukan kawasan kampunglah tapi kawasan yang dibangunkan tidak mengikut di kawasan Jalan Subang. Ketika saya menjadi Ahli Majlis, saya membuat kajian kita dapati sistem saliran rangkaian, salirannya agak dibuat secara tidak teratur dan kos untuk hendak membetulkan kawasan itu sahaja, RM8 Juta, RM8 Juta. Kenapa sistem saliran ini dia tidak mengikut kaedah yang betul, air itu tidak mengalir. Jadi bila hendak betulkan semua longkang-longkang ini, dia berkait satu dengan lain. Dia tidak boleh ada pemisahan antara longkang-longkang ini untuk supaya dia dapat mengalir. Jadi kos itu sahaja hendak bangun RM8 Juta, jadi saya yakin kalau sebarang, kalau berkaitan dengan pembetulan *invert level* longkang-longkang ini bukan satu perkara yang mudah dan murah itu tindakan. Dan kita akan melihat yang kaedah yang lainlah yang ada yang mungkin kolam takungan. Itu pun perlukan tanah juga untuk kita simpan air dulu di situ sebelum kita dapat alirkannya. Itu mungkin satu kaedah yang kita

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

perlu tengoklah. Kalau kita hendak betulkan longkang ini saya yakin kosnya sangat-sangat tinggi. Tapi kita akan tengoklah ya, case by case lah, tengok lah macam mana.

**TUAN SPEAKER :** Baik, terima kasih Yang Berhormat Pandan Indah. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan mesyuarat seterusnya, sambungan Usul No. 16 Tahun 2020, Usul Peruntukan Pembangunan 2021.

**TUAN SPEAKER :** Ya saya mempersilakan Yang Berhormat Dusun Tua, sebelum Yang Berhormat Dusun Tua menyambung perbahasan saya ingin maklumkan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Peruntukan Pembangunan ini saya hanya berikan 5 minit sahaja, silakan.

**Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF :** Terima kasih Tuan Speaker jadi menyambung daripada yang semalam. Telah saya terangkan bahawa dua kawasan yang sebenarnya harus diberi perhatian dalam hal yang melibatkan banjir di kawasan Hulu Langat itu adalah dua. Satu pertama Kampung Sungai Serai yang kedua ialah Kampung Batu 10. Dan kedua-dua ini saya belum nampak apa-apa peruntukan di dalam bajet untuk tahun ini sedangkan kita tahu di Batu 10 yang amat diperlukan adalah *automated pump house* dan Ban untuk membantu mengepam keluar air. Ini apa yang JPS maklumkan yang perlu dilakukan untuk jangka masa pendek. Sementara di Sungai Serai, JPS juga telah memaklumkan memerlukan kolam takungan. Ini adalah pelan-pelan jangka pendek yang sepatutnya boleh kita bantu, dan saya mengharapkan Negeri boleh bantu dan seterusnya di VOT P13, di bawah Kod Projek P.K 5 dan saya melihat di bawah pengurusan Saliran Mesra Alam, banyak kolam-kolam yang dinaiktaraf yang di selenggara oleh JPS saya lihat senarainya ada beberapa. Namun saya ingin juga bertanya kepada Kerajaan bagaimana kita nak menyelesaikan masalah di mana terdapat kolam-kolam takungan yang terdapat di kawasan-kawasan perumahan, saya yakin banyak di Kajang sebab ia di bawah Majlis Perbandaran Kajang itu banyak, di tempat lain mungkin juga banyak dan kolam-kolam ini sebenarnya sepatutnya di selenggara oleh JPS namun sehingga hari ini keadaannya masih tergantung. Dia macam nikah gantung tak bertali, nikah tak bertali pula, ia macam gantung tak bertali. Tak tahu siapa punya, orang taman tak boleh nak jaga, JPS menyatakan bukan dia punya, Majlis PBT mengatakan bukan dia punya, pemaju langsung dah tak ingat apa ceritanya. Jadi bagaimana kerajaan nak menyelesaikan masalah ini, supaya agar penyelenggaraan itu dapat diberikan kepada pihak yang betul-betul mampu dan yang sepatutnya bertanggung jawab. Sebab kalau tidak dibiarkan tak bergantung begini sampai bila-bila kolam itu akan kekal tak bertuan. Kalau nasibnya baik, diselenggara dibantu oleh penduduk untuk dibersihkan dan kebanyakannya terbiar dan akhirnya membawa lagi banyak masalah-masalah yang tidak kita ingin. Saya juga ingin menyentuh di VOT P01, kita lompat balik P.K 16 saya lihat banyak pembangunan projek bekalan air. Saya juga ingin bertanya kepada

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

Kerajaan berkenaan dengan isu air di Sungai Lui. Memang kalau tengok pada beberapa projek paip yang sudah mula ke arah menuju ke Tekali, ada yang mula dah menuju ke Batu 18 yang ini kita hargai, tapi kita juga ingin tahu berkenaan dengan Sungai Lui ini. Yang sering kali mengalami masalah tidak ada air diakibatkan oleh tekanan air. Ini yang biasanya kita bagitahu. Namun kita nak tahu juga apa penyelesaian yang ada dirancang atau yang akan dilakukan sebab yang ini juga kita tidak nampak di dalam mana-mana bahagian dalam bajet. Dan akhir sekali saya ingin menyentuh tentang VOT P12, di bawah P.K 1 di mana pelbagai program pembangunan jalan. Di sini ada tentang memasang lampu di Daerah Hulu Langat. Yang ini saya amat bersetuju dan tertarik dengan cadangan Pelabuhan Klang tentang memasang lampu solar itu tadi. Saya rasa sudah masanya kita mula melihat ke arah pembangunan lampu solar ini dan tidak lagi bergantung pada lampu-lampu kabel. Terutamanya di kawasan-kawasan yang agak pedalaman yang mungkin sukar untuk sampai wayar-wayar dan sebagainya. Saya bagi contoh di kawasan Sungai Tekali, Di DUN Dusun Tua. Saya sendiri telah mengambil inisiatif dengan peruntukan begitu terhad, untuk memasang lampu-lampu solar bagi memastikan jalan-jalan kampung itu cerah. Ini kita terpaksa buat walaupun dengan peruntukan yang tak banyak dan sepatutnya kita harapkan ini adalah kerajaan yang melakukan perkara ini walaupun ada kesukaran, mesti ada penyelesaiannya. Jadi saya harap ada usaha ke arah ini dan mungkin Kerajaan Negeri kena mempertimbangkan untuk ke arah menggunakan lampu solar, bukan sahaja jangan di Pelabuhan Klang sahaja. Pelabuhan Klang dapat macam-macam, saya harap di seluruh Negeri Selangor kalau boleh kita mula pakai lampu solar ini, jadi itu sahaja saya yang ingin saya bawakan, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Saya bagi Sijangkang dulu.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Tuan Speaker untuk memberikan ruangan kepada saya untuk membahaskan perbelanjaan pembangunan. Mungkin ada beberapa perkara yang ingin saya sentuh pertamanya adalah berkaitan dengan P.K 1 berkaitan dengan Perindustrian dan Pelaburan. Mahu tidak mahu kita katakan bahawa Negeri Selangor adalah Negeri yang maju dan juga semalam kita telah meluluskan pewartaan Majlis Perbandaran Kuala Langat dan beberapa isu yang berlaku sebelum ini yang rakyat di Kuala Langat bawa dan saya bawa ke dalam sidang ini berkaitan dengan Perindustrian. Saya melihat bahawa walaupun Kerajaan Negeri telah meng-klastrerisasi kan pembangunan-pembangunan termasuklah pelaburan ataupun perindustrian di Negeri Selangor ini, beberapa isu yang dibangkitkan ia akhirnya memberikan satu natijah yang saya kira Pembangunan kita tidak tolak tetapi pembangunan ini harus dilihat daripada sudut kesan kepada alam sekitar. Bermula dengan isu kitaran industri kitar semula plastik, kemudian kilang bateri dan hari ini kilang kertas pula, saya kira ini harus dilihat dan saya melihat kilang-kilang yang membangun di Kuala Langat ini banyak memerlukan air. Yang saya kira hari ini Selangor dengan keadaan hubungan jalan raya yang begitu baik. Apatah lagi bila siap nanti WCE ataupun Lebuh Raya Pantai Barat nanti dia akan menghubungkan hubungan paling mudah daripada Utara ke Selatan di Negeri Selangor ini. Dan saya

## 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

harapkan supaya ada satu bentuk kelestarian pembangunan di setiap daerah. Mungkin perindustrian tidak sahaja tertumpu pada Kuala Langat dan semalam juga disebutkan oleh Hulu Kelang bahawa kekayaan kita bukan hanya bergantung kepada hanya kekuatan pembangunan, ekonomi tetapi semua juzuk-juzuk di daerah itu ada kekayaannya sendiri termasuklah hutan. Sebab itu saya merasakan bahawa Hutan Simpan Kuala Langat ini harus terus dikekalkan dan harus dilihat daripada sudut akhirnya jangan ia menyebabkan alam sekitar kita akan terkesan. Yang kedua adalah saya mengambil kesempatan di sini untuk melihat P.K 4 Sosial berkaitan dengan Pembangunan khususnya Hal Ehwal Orang Asli. Kuala Langat ini antara Kampung yang banyak Kampung Orang Asli yang banyak bukan sahaja di Negeri Selangor tetapi juga di negara kita dan juga jumlah penduduk yang begitu ramai. Dengan peruntukan RM500 Ribu yang diintukkan untuk tahun depan saya kira ianya adalah peruntukan yang terlalu sedikit, apa salahnya kalau kita mengambil peruntukan yang agak lebih daripada itu untuk membangunkan Hal Ehwal Orang Asli ni. Kita sedia maklum ada Jabatan Kemajuan Orang Asli tetapi saya kira peranan kalau Selangor dapat mainkan memberikan manfaat yang cukup baik. Terutamanya untuk sosial dan juga pendidikan. Saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan tahniah ada seorang pelajar orang Asli daripada Kampung Judah yang bernama Nur Sazunisa Anjang yang baru-baru ini mendapat tawaran untuk masuk ke IPT. Jadi saya ingat ini satu pencapaian yang baik. Bermakna kalau kita bersungguh, maka kita boleh bangunkan sebenarnya Orang-orang Asli ini. Kalau hari ini kita lihat, secara mata kasar saya sangat jauh tertinggal daripada sudut pendidikan mereka. Bermakna mereka juga sebenarnya, berkemampuan untuk kita bangunkan daripada sudut pendidikannya. Perkara yang ketiga adalah berkaitan dengan P.K 9 Perbandaran berkaitan dengan Pengurusan Sisa Pepejal yang diintukkan sebanyak RM5.6 Juta di situ dan saya kira ini mungkin peruntukan yang diintukkan untuk Pengurusan Sampah Domestik di kawasan-kawasan Desa ataupun di Kampung-kampung. Terutamanya kepada beberapa Majlis, dulu Majlis Daerah Kuala Langat, Kuala Selangor, Sabak Bernam dan Hulu Selangor. Dan saya kira antara beberapa rintihan dan kita juga maklum isu pembuangan sampah domestik ini menjadi isu yang tidak ada penyelesaian bagi saya sering ditukar tempat jadi pusat longgokan bukan sahaja domestik macam-macam juga akhirnya sebahagian daripada domestik juga dibakar dan respons daripada, ada respons yang mengatakan bahawa mereka tidak mampu untuk mengutip ataupun menyelesaikan dengan secara tuntas. Sebab antaranya adalah sebab peruntukan yang sedikit. Mungkin seminggu sekali begitu hanya dikutip tetapi jumlah longgokan yang begitu banyak. Saya harapkan ada peruntukan yang lebih besar daripada ini supaya akhirnya ia tidak menjadi fitnah isu penyelesaian sampah di kawasan-kawasan itu sendiri. Perkara yang seterusnya yang saya nak sebutkan adalah berkaitan dengan Perpustakaan. Yang saya lihat dalam P.K 14 14014 Peruntukan Khas Perpustakaan Taman Seri Medan, Kuala Langat yang saya kira pembangunan untuk Perpustakaan Taman Seri Medan ini adalah peruntukan dahulunya adalah peruntukan di bawah Perpustakaan Negeri Selangor yang mana ada dua pilot projek iaitu di Seri Setia dan juga Kuala Langat. Saya ingat Seri Setia dah selesai dah, dah bangun dah, dah cantik dah. Tapi Kuala Langat nampaknya

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

masih lagi belum selesai dan saya ingat masa saya sebagai sebahagian daripada kerajaan negeri sehingga pada hari ini sekurang-kurangnya dah lebih daripada dua tahun masih belum selesai lagi. Saya dimaklumkan adalah proses-proses pembangunan yang masih belum selesai daripada ..

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat pendekkan.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Pendekkan ya. Jadi saya harapkan ini dapat di ambil tindakan dengan secara tuntas. Kemudian berkaitan dengan isu peduli rakyat, terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang akan memberikan semula sumbangan RM500 dalam Skim Usia Emas dan kita mempunyai pengalaman yang agak lama dan antara beberapa perkara ataupun isu yang bangkit saya ingat isu penyelewengan pemberian RM1,000.00 sebelum ini, ini menjadi pengajaran kepada kita dan saya harapkan matlamat akhirnya duit *cash* akan sampai kepada keluarga si mati untuk pengurusan jenazah itu dapat diselesaikan dan tidak ada penyelewengan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri baru-baru ini dapat memulangkan, saya pun tak sangka tapi saya dapat beberapa ribu hasil daripada penggunaan lebih duit saya dulu yang saya terpaksa, biasanya kita dahulukan, beri kepada keluarga si mati itu sendiri. Dan akhirnya saya minta supaya Kerajaan Negeri melihat ada satu batang jalan, Jalan Nangka di Kampung Medan, kawasan saya. Yang mempunyai rizab jalan, tetapi di dalam rizab jalan itu juga mempunyai saya tak tahu sama ada *borrow pit* juga yang disebutkan oleh Pandan Indah tetapi paritnya agak besar dan mengaliri saliran air-air daripada taman tetapi kedua-dua parit itu dia tidak lurus dia melengong kalau daripada pelan yang diberikan oleh JKR. Jadi jalan itu adalah jalan utama untuk pelajar-pelajar pergi ke sekolah menengah ataupun di seberang jalan federal. Jadi saya dimaklumkan JKR boleh bantu untuk lebarkan jalan itu tetapi isu parit ini ia telah menggunakan sebahagian besar daripada rizab dan saya harap mungkin parit ini dapat di naiktarafkan dan jalan ini juga dapat dilebarkan ataupun dibetulkan *alingment* dia jalan ini dapat dilebatkan. Jadi saya ingat terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Meru.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Ya terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas berkaitan dengan Belanjawan Pembangunan untuk 2021. Saya ringkaskan bahawa P.01, Pejabat Menteri Besar Kod Projek 07002 Menaik taraf Infrastruktur Sukan. Memandangkan kemudahan sukan amat kurang di Meru, saya memohon untuk membuat pembaikan di beberapa kawasan khususnya di padang bola sepak yang cukup uzur khususnya di Taman Meru 4 dan juga padang bola di Pekan Kapar sebagai tempat riadah dan juga ditanah JKR di Pekan Meru dan pada ketika ini tidak diselenggara supaya menjadi tempat riadah dan juga memperbaiki beberapa gelanggang futsal yang bagi saya setakat rekod saya tahu tiada langsung pembaikan yang penah dilakukan khususnya di Jalan Hamzah Kampung Budiman yang perlu

## 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

pembaikan segera. Dan ini amat penting kalau kita lihat di Meru sendiri sebenarnya ramai atlet-atlet yang telah dilahirkan dan bukan sahaja dalam bidang sukan yang saya maksudkan ini termasuk juga dalam bidang sukan permotoran. Ada atlet yang ada di Meru, yang sampai di peringkat Antarabangsa, yang mungkin pihak negeri tidak sedar tetapi saya maklumkan boleh datang kita ada trak yang bagus untuk dibangunkan. Kod Projek 13004 Pendidikan Adat Melayu Bahasa Kesenian Budaya dan Warisan muka surat 199. Yang mana suka saya maklumkan di sini betapa pentingnya warga kita mengetahui sejarah dan pendedahan kepada warga Selangor tentang sejarah dan adat dan budaya Selangor khususnya kepada pelajar, kakitangan awam termasuk juga kepada wakil-wakil rakyat supaya lebih memahami dan melahirkan rasa cinta kepada Negeri.

Dan seperti mana yang kita sedia maklum, di dalam Dewan ini pun bukan semuanya lahir di negeri Selangor, jadi bila kita telah menjadi wakil rakyat di negeri Selangor, seharusnya kita memahami sejarah dan juga keperluan di negeri itu sendiri supaya kita tidak mencorak sejarah baru atau pun tidak merosakkan sejarah yang sedia ada. Mengenang jasa dan pejuang-pejuang terdahulu di dalam negeri Selangor yang mana kalau kita lihat baru-baru ini bagaimana jalan di Kuala Lumpur, Jalan Raja Laut, walaupun sebahagian jalan telah ditukar dengan nama Palestin, walaupun hendak hargai negara Palestin, itu satu *part* yang lain tapi bagi saya perkara ini sedikit demi sedikit akan menghilangkan nama tokoh-tokoh besar di dalam negeri Selangor itu sendiri yang perlu sama-sama kita hayati. Banyak lagi nama-nama jalan orang putih yang boleh kita tukar, tapi kenapa hendak tukar nama tokoh-tokoh negeri Selangor sendiri yang kita bimbang akan menghilangkan nama-nama besar ini di persada sejarah Malaysia itu sendiri. Sebagai contoh juga kita lihat, bagaimana, berapa ramai di antara kita mengetahui Lukut, Negeri Sembilan itu sebenarnya adalah asalnya di bawah pentadbiran negeri Selangor, ada sejarahnya bagaimana ia terpisah, ia ada kaitan juga dengan Semenyih, saya rasa tidak perlu selesaikan di sini. Semenyih itu asalnya Negeri Sembilan, Negeri Sembilan. Lukut itu asalnya Selangor ada hasil bijih di situ, hasil bijih di situ, tetapi ada konflik politik dan sebagainya.

Mungkin zaman dulu pun ada Perikatan Nasional juga kita tidak tahu yang menyebabkan ada konflik yang berlaku. Jangan tenung macam itu, bahaya. Ya, yang menyebabkan ramai di kalangan kita tidak tahu sejarah sebab kita tidak pernah diberikan perhatian tentang sejarah-sejarah ini sendiri. Dan juga berkaitan hendak memperkasakan galeri, apa, Muzium Galeri Diraja yang ada di Klang, ramai di kalangan kita tidak tahu, saya yakin di dalam Dewan ini, Ahli-Ahli Yang Berhormat pun tidak pernah sampai pun, Muzium Galeri Diraja, dekat situ banyak sejarah yang boleh kita pelajari, yang menarik yang boleh kita lihat yang boleh kita kongsi bersama untuk disampaikan kepada generasi muda supaya mereka tahu tentang sejarah, supaya datang rasa cinta kepada negeri kita. Kod 14005 – perpustakaan baru di Klang, muka surat 200. Suka saya hendak menyatakan, saya menyokong penuh pembinaan perpustakaan ini, cuma saya tak pasti di mana. Cuma saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk pihak kerajaan juga melihat perpustakaan di Meru yang

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

cukup uzur, yang hanya menumpang di Dewan MPK di Pekan Meru, yang saya tengok tidak diuruskan dengan baik dan perlu pembaikan dan juga *upgrade* supaya dapat menarik ramai lagi untuk sama-sama mengimarahkan, mengimarahkan perpustakaan tersebut.

Okay, P.12 JKR, Kod Projek: 1301302, meningkatkan aspek keselamatan jalan di daerah Klang, muka surat 219, memandangkan banyak persimpangan di Meru, beberapa kawasan *hotspot* sering berlaku kemalangan antaranya Jalan Kopi, Jalan Nanas dan Jalan Jambu, cadangkan jalan-jalan tersebut disediakan bonggol bagi mengurangkan kemalangan dan menaikkan papan tanda amaran dan juga papan tanda *divider* khususnya di hadapan Masjid Asy-Syarif di pekan Meru yang mana banyak berlaku kemalangan sebab tidak ada papan tanda di situ. Lepas itu, malam pun tidak berapa *clear* menyebabkan mudah berlaku kemalangan. Kod Projek: 0304300, muka surat 225, memandangkan Meru telah menjadi kawasan industri, kerosakan jalan sering berlaku dan amat mudah rosak walaupun telah diperbaiki sebab telah dilalui oleh lori-lori berat. Mencadangkan beberapa jalan utama amat perlu dinaiktarafkan terutama di Jalan Manan, daripada Klang Sentral ke Aman Perdana yang menjadi tanggungjawab JKR negeri. Persiaran Hamzah Alang yang di bawah tanggungan JKR pusat juga amat perlu diperbaiki, perlu kerajaan negeri mencari solusi sementara untuk diperbaiki sebelum JKR *federal* atau JKR pusat melakukan tanggungjawab mereka. Dan saya sedikit kecewa apabila melihat kepada belanjawan tahun 2021, Meru tiada langsung sebarang peruntukan untuk menaiktaraf jalan.

Walaupun Jalan Manan yang saya sebut tadi ada pembaikan, tetapi pembaikan itu tidak bertahan lama disebabkan tidak naik taraf hanya sekadar tampalan biasa sahaja yang menyebabkan tidak sampai seminggu ia telah rosak. Dan beberapa cadangan perlu difikirkan untuk mengatasi masalah yang berkaitan juga, yang mana penguatkuasaan lebih tegas atas aktiviti-aktiviti yang menceroboh rizab jalan dan parit seperti perniagaan komersial dan gerai yang turut membuang sampah ke dalam sistem perparitan dan menghalang kerja-kerja penyelenggaraan daripada JKR dan juga agensi berkaitan dan juga JPS. Mohon kelulusan juga, projek naiktaraf Jalan Missing Link, Klang Sentral, Meru, Kapar melalui Hamzah Alang, terdapat juga isu-isu penyelenggaraan perparitan yang bertindih antara agensi-agensi seperti JPS, JKR dan PBT yang menimbulkan banyak permasalahan dan membantutkan proses pembaikan dan penyelenggaraan, yang mana saya rasa perlu kerap agensi-agensi ini bertemu untuk melakukan pembaikan supaya tidak berlaku, apa nama ini, tidak berlaku perkara-perkara yang tidak diingini.

**TUAN SPEAKER :** Meru.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR :** Sikit lagi, minta sikit lagi.

**TUAN SPEAKER :** Tidak berlaku perkara lagi ya. Bilangan yang terakhir.

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR** : Sikit lagi, sikit lagi, dan juga yang mungkin akan dikata, jarang dibentuk, yang jarang disentuh berkaitan dengan veterinar. P.17, Kod Projek: 04001, Masyarakat Prihatin Haiwan dan Kod 05002 – Kebajikan Haiwan. Ini berkaitan dengan lembu liar, saya pun tidak tahu kod mana hendak pakai, Masyarakat Prihatin Haiwan atau pun Kebajikan Haiwan ya. Yang mana kalau kita lihat di pekan Kapar itu, Sementara boleh sahkan memang menjadi kawasan bersiar lembu-lembu liar ini. Dan juga di Aman Perdana, seolah-olah tiada tindakan dan saya mencadangkan, mungkin cadangan ini, mungkin pihak boleh fikirkan, lucu ke tidak lucu, saya minta maaf.

Lembu-lembu yang terbiar ini, walaupun saya tahu, tempat penempatan mereka cukup jauh di Olak Lempit, itu salah satu masalah lah, di Banting sana, jauh. Jadi mungkin pihak PBT boleh tangkap. Lepas itu bagi tempoh kepada, apa nama ini, awam atau pun pemilik untuk tuntut balik, kalau dalam tempoh-tempoh tertentu, dia tidak tuntut, dijual lembu itu dan juga hasil jualan dimasukkan balik kepada kerajaan negeri atau PBT. Saya rasa bila ada tindakan macam ini, peniaga, eh penternak ini, dia akan lebih sensitif dan dia akan jaga lembu-lembu dia tidak berkeliaran di luar. Sebab perkara ini penting, kita takut berlaku membahayakan keselamatan pengguna jalan raya juga. Ini yang cukup penting dan juga perlu kita perhalusi. Saya mengucapkan terima kasih, walaupun lima (5) minit sebenarnya tidak cukup, banyak lagi, tetapi itu sahaja yang sempat saya sampaikan, terima kasih. Saya menyokong penuh pembentangan Pembangunan 2021 yang dibentangkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

**TUAN SPEAKER** : Baik Meru, tentang lembu yang berkeliaran. Kita minta Rawang dahulu.

**Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT** : Terima kasih kepada Tuan Speaker yang memberi peluang untuk membahas, saya terus kepada beberapa *point* disebabkan masa yang singkat, tiga (3) perkara yang saya kena *highlight*. Yang pertama adalah berkenaan dengan pencemaran udara, seperti yang dalam sidang Dewan ini, kita sentiasa berdebat dengan perkara apa itu, air yang berbau tapi rasanya kita perlu memberi perhatian kepada isu-isu pencemaran selain daripada air dan juga isu pencemaran berkenaan dengan udara. Kita mengetahui kilang-kilang yang sedia ada, beroperasi 24 jam, tetapi kita kurang fokus kepada kilang-kilang tersebut yang menyebabkan pencemaran udara terutamanya pada waktu malam, waktu penduduk tengah tidur. Di kawasan saya juga mempunyai beberapa tempat, yang berdekatan, kawasan perumahan yang berdekatan dengan perkilangan, itu yang menyebabkan aduan itu tinggi. So, saya berharap kerajaan boleh memberi perhatian dalam perkara ini untuk menguatkan penguatkuasaan dan apa juga teknologi yang boleh untuk membantu, membantu dalam segi penguatkuasaan.

Yang kedua, adalah berkenaan dengan dewan komuniti, tahun lepas saya juga ada bangkitkan isu berkenaan tersebut, di kawasan saya memang ada tempat yang

## 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

pembangunan yang baru terutamanya di kawasan Kota Emerald, di Country Home, Cuma di kawasan tersebut tiada satu dewan komuniti yang di bawah PBT atau pun kerajaan. So, saya berharap pihak kerajaan boleh mengambil perhatian terhadap tersebut. Yang ketiga adalah kesukunan, seperti yang kita tahu memang dalam dua (2) tahun ini, saya dengan ADUN-ADUN menerima surat-surat berkenaan hendak naik taraf padang-padang yang sedia ada, cuma setiap kali surat kita terima dan kita cadang balik mana kawasan tersebut yang kita perlu naik taraf, cuma dua (2) tahun pun kita tidak nampak ada perkembangan atas peruntukan tersebut. Waktu saya tanya kepada pihak Pejabat Tanah pula, mereka kata peruntukan itu tidak turun. So, saya ingin mendapatkan kepastian daripada pihak kerajaan atas isu tersebut dan saya juga harap peruntukan yang lebih boleh diturunkan untuk menaiktaraf dan juga membina tempat-tempat kesukunan kepada belia-belia yang sedia ada. Di sini juga saya, disebabkan jiran saya, Taman Templer disebabkan beliau sekarang dalam kuarantin disebabkan dia ada kontak rapat dengan, dengan apa itu, pesakit yang positif. Taman Templer ada dua (2) jiran, satu Sungai Tua dan satu Rawang, tidak akan dia minta Sungai Tua untuk bangkitkan isu-isu dia, jadi saya diberi untuk membangkitkan isu-isu untuk Taman Templer. Dia ada enam (6) perkara, yang saya ingin bantu dia dibangkitkan.

Yang pertama adalah, isu pengambilan tanah untuk naik taraf Sungai Udang yang kerap berlaku kejadian banjir. Yang kedua, pelebaran dan naiktaraf jalan Kuala Lumpur ke Rawang terutamanya jalan mendaki di Taman Amansiara, cadangan waktu puncak, ambil satu lorong dari melawan arus untuk tambah lorong di lorong yang sesak. Yang ketiga, adalah merupakan menaiktaraf taman Dataran Templer di Bandar Baru Selayang bagi rekreasi dan juga jogging. Yang keempat, membina jejambat pejalan kaki di jalan Kuala Lumpur ke Rawang, kawasan berdekatan dengan Institut Kraf Negara di Taman Templer. Yang kelima, status pembinaan Masjid Selayang Mutiara, Masjid Selayang Pandang dan menaiktaraf Surau Al-Furqan di Bandar Baru Selayang. Yang terakhirnya adalah membina Mahkamah Rendah Syariah Gombak yang boleh beroperasi, so itu adalah beberapa perkara daripada Rawang dan Taman Templer, so harap dapat jawapan selepas ini. Akhirnya saya juga menyokong yang untuk usul pembangunan ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Balakong.

**Y.B. PUAN WONG SIEW KI:** Terima kasih kepada Tuan Speaker, saya ingin membahas berkaitan dengan muka surat 198, Kod Projek PK 505003 – Projek Bantuan Sekolah. Di dalam projek ini, sebanyak RM26 Juta telah dirancangkan untuk membantu pembangunan infrastruktur sekolah-sekolah terutamanya SJK(C), SJK(T) dan SAR. Tahniah kepada pihak kerajaan kerana peruntukan ini memang menunjukkan prihatin kerajaan kepada sistem pendidikan di dalam negeri. Kita semua faham di sini SJK(C), SJK(T) dengan SAR ini memang memerlukan bantuan kewangan untuk membaiki dan menambah baik infrastruktur sekolah mereka supaya anak-anak kita dapat dididik dengan selamat dan selesa. Apa yang saya ingin

## 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

mendapatkan pencerahan daripada pihak kerajaan adalah, apakah sebabnya bantuan sekolah fasa I, pada tahun ini masih belum lagi diagihkan? Padahal Yang Berhormat Pandamaran telah membangkitkan isu ini pada sidang Dewan yang lepas dan mendapatkan jawapan bahawa peruntukan akan diagihkan pada bulan Julai atau Ogos.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, bantuan sekolah fasa II telah dibuka untuk permohonan pada 1hb bulan lepas dan ditamatkan permohonannya pada 16hb yang lepas juga. Adalah agak tidak baik, semasa tempoh permohonan fasa II telah pun ditamatkan tetapi peruntukan untuk fasa I belum diagihkan lagi. Bagaimana pula pihak sekolah membuat permohonan dan rancangan yang lebih baik untuk fasa II semasa permohonan fasa I pun belum diagihkan. Dengan ini saya amat berharap pihak kerajaan dapat mengagihkan peruntukan berkenaan dengan secepat mungkin dan juga memanjangkan tempoh permohonan bantuan sekolah fasa II supaya pihak sekolah dapat menggunakan peruntukan ini dengan lebih baik dan juga membuat satu rancangan yang lebih teliti untuk permohonan fasa II. Saya juga ingin membahaskan berkaitan dengan muka surat 257, Kod Projek: PK 404001 – Masyarakat Prihatin Haiwan dan muka surat yang sama, Kod Projek: PK 505002 – Kebajikan Haiwan.

Ini dua saya bahas sekali lah, menurut laporan daripada Persatuan Haiwan Malaysia pada 20hb April, pembuangan haiwan pelihara, peliharaan seperti anjing dan kucing meningkat tiga (3) kali ganda di sekitar Kuala Lumpur, ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), walaupun laporan ini menunjukkan, merujuk kepada sekitar Kuala Lumpur, saya ingin mengingatkan Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini, Selangor lah di sekitar Kuala Lumpur. Cara kerajaan tempatan menguruskan haiwan liar atau terbiar sentiasa menjadi suatu isu yang dihentam atau dimarah oleh orang ramai. Saya berpendapat bahawa, pendidikan kepada orang ramai supaya menghormati setiap nyawa perlu diutamakan kerana ramai, kerana banyak haiwan liar atau terbiar adalah haiwan peliharaan yang dibuang oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Ramai juga akan menghantar haiwan peliharaan mereka ke pusat ataupun rumah perlindungan haiwan *shelter* dengan izin ketikanya sekiranya mereka tidak mahu memelihara haiwan tersebut. Ini memburukkan keadaan di rumah perlindungan haiwan kerana pemiliknya tidak akan mampu untuk menampung kekangan kewangan yang bertambah sedangkan fungsi sebenarnya mereka adalah sebagai satu tempat yang menyelamatkan haiwan jalanan yang cedera di tempatkan sementara bagi proses rawatan lalu dilepaskan semula.

Saya amat memahami bahawa pada masa pandemik COVID-19 ini, keadaan kewangan pihak kerajaan mungkin tidak begitu baik dan pihak kerajaan akan memberi lebih banyak tumpuan ke atas kebajikan warga Selangor kalau berbanding dengan kebajikan haiwan. Walau bagaimanapun, seperti apa yang pernah saya berbahaskan, membahaskan pada tahun yang lepas terhadap topik yang sama *how we treat animals reflex humanity*, dengan izin. Saya sangat, amat mengharapkan pihak kerajaan memandang serius dalam persoalan ini. Pada Belanjawan Tahun

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

2020 di bawah kod projek yang sama iaitu kebajikan haiwan, pihak kerajaan telah merancang RM40,000 untuk menjalankan program-program berkenaan tetapi di dalam belanjawan tahun depan tiada peruntukan untuk tahun ini. Hanya RM20,000 telah dirancangkan untuk menjalankan program-program masyarakat prihatin haiwan.

Saya mohon pencerahan daripada pihak kerajaan bagaimanakah RM20,000 ini dapat menjalankan program-program dengan berkesan untuk mendidik warga Selangor yang begitu ramai supaya mewujudkan satu masyarakat prihatin haiwan? Jika pihak kerajaan memang tidak mampu memberi peruntukan yang lebih baik, lebih banyak dalam persoalan ini, adakah pihak kerajaan berniat untuk bekerjasama dengan NGO-NGO dalam negeri? Seperti *Furry Tails Land Shelter* dengan izin ataupun Sahabat Kucing Jalanan, Yayasan Kebajikan Haiwan Kebangsaan Malaysia dan lain-lain untuk mencari jalan supaya boleh mendapatkan satu penyelesaian yang lebih berkemanusiaan. Dengan ini saya mohon menyokong Usul ini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Tuan Speaker.**

**TUAN SPEAKER :** Lembah Jaya.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Speaker.** Lembah Jaya ingin membangkitkan beberapa perkara di bawah Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2021, muka surat 198 kod objek PK9 - Butiran Perbandaran Kemudahan Awam PBT. Lembah Jaya ingin mencadangkan supaya kemudahan rekreasi diperbanyakkan khususnya di kawasan-kawasan berdekatan dengan *flat-flat* ataupun pangsapuri-pangsapuri kos rendah kerana didapati semasa pembangunan *flat-flat* tersebut, perkara ini telah dikompromikan hanya meninggalkan *pocket land* dengan izin untuk tapak-tapak rekreasi. Dan juga menjalankan ataupun melaksanakan landskap yang menarik supaya kawasan yang kecil juga mampu memberi suasana ceria dan juga menyenangkan mata.

Perkara yang, seperkara lagi berkaitan dengan kemudahan awam PBT. Lembah Jaya juga ingin mencadangkan diwujudkan jaringan hijau di mana jaringan hijau ini menghubungkan kesemua tapak-tapak rekreasi yang terdapat di kawasan sekitar supaya dia boleh di access ataupun boleh dilawati dengan mudah sama ada melalui sudah tentu kenderaan, tetapi mungkin agak berkurangan laluan pejalan kaki dan juga laluan untuk berbasikal kerana kita melihat trend yang ada kebelakangan ini, ramai yang sudah apa itu meminati aktiviti berbasikal. Jadi dengan adanya jaringan hijau khususnya di kawasan-kawasan bandar akan memberi peluang kepada keluarga di kota untuk berekreasi bersama-sama keluarga di hujung minggu. Butiran Pengurusan Sisa Pepejal PK09004. Lembah Jaya ingin mencadangkan supaya diperbanyakkan lagi ataupun ditingkatkan bengkel-bengkel kesedaran berkaitan dengan usaha pengasingan sampah. Kita setakat ini hanya cuba membersihkan kawasan-kawasan yang telah dibuang dengan sampah ataupun tapak-tapak yang tidak sah telah

## 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

dilonggokkan dengan sampah-sampah. Hanya pencegahan kaedah pencegahan itu perlu ditingkatkan dengan mengadakan lebih banyak bengkel-bengkel ataupun *workshop* dengan izin tentang bagaimana sampah ini boleh ditukar menjadi duit ataupun memberi pulangan dalam bentuk kewangan. Dan saya lihat memang ada, tetapi tidak begitu agresif dilakukan. Jadi perkara ini perlu ditingkatkan.

Seterusnya adalah Usul untuk mengasingkan sampah-sampah tersebut kerana ini adalah hasrat kerajaan untuk melihat kita sebuah masyarakat yang mengurangkan dari segi pembuangan sampah dan juga mengurangkan tapak pelupusan sampah yang sedia ada. Dengan mengasingkan sampah, kita mampu mengitar semula barang yang boleh di kitar semula dan mendapat wang daripada barang tersebut. Dan perkara keduanya, kita akan mengurangkan pembuangan sampah di tapak pelupusan sampah.

Perkara seterusnya di bawah PK14 bawah butiran Perpustakaan - Menaik Taraf Perpustakaan Daerah. Untuk pengetahuan, apabila dilaksanakan Projek Lebuh Raya SUKE *Sungai Besi – Ulu Kelang Elevator Expressway*, sebuah Perpustakaan Awam Selangor yang terletak di jajaran SUKE telah di roboh. Jadi hari ini, Lembah Jaya ingin tahu bilakah penggantian Perpustakaan Awam Selangor yang telah di roboh itu akan mula dibina? Kerana didapati lokasinya telah dikenal pasti tapi belum nampak lagilah usaha-usaha untuk memulangkan ataupun membina semula.

Seterusnya, muka surat 209, kod P08 bawah Kod Projek PK1 – Butiran Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan. Lembah Jaya sangat berminat tentang usaha kerajaan untuk berdikari dari segi penyediaan sumber makanan empunyai bekalan makanan yang mencukupi. Dengan jumlah penduduk seramai 6.5 Juta jadi persaingan untuk guna tanah di Negeri Selangor memang diketahui sangat pesat, namun banyak keperluan makanan di Negeri Selangor ini perlu dipastikan tidak terlalu bergantung kepada pihak luar. Jadi dengan tanah-tanah yang telah dikenal pasti dalam senarai TKPM ini, adakah ini telah memenuhi sasaran kerajaan negeri dari segi empunyai bekalan makanan yang mencukupi? Kalau tidak, apakah peratusan sasaran yang dikenal pasti untuk projek yang sedia ada untuk tahun 2021 ini? Dan bagaimana pendekatan penggunaan pertanian moden boleh meningkatkan dari segi hasil, juga dari segi kepelbagaian tanaman yang diperlukan dan seterusnya *sustainability*?

Seterusnya, muka surat 215 bawah Kod Projek PK4 – Program Perhutanan Sosial. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, di dalam kawasan Lembah Jaya terdapat hutan kita panggil Hutan Simpan Bukit Kembara di dalam kawasan Ampang. Kawasan ini sebenarnya telah menjadi tarikan kepada ramai peminat-peminat, pendaki-pendaki bukit di sekitar Ampang dan juga Kuala Lumpur. Dan ia telah menjadi pilihan kepada pendaki-pendaki bukit yang ramai walaupun ia tidak dihebahkan secara rasmi, tapi dia menjadi pilihan kepada *hikers* dengan izin. Namun kedatangan mereka ini didapati menceroboh kawasan Jabatan Perhutanan kerana

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

Jabatan Perhutanan tidak membenarkan mana-mana pelawat ataupun pendaki-pendaki bukit untuk memasuki kawasan simpanan tersebut. Hanya Lembah Jaya ingin mencadangkan supaya Jabatan Perhutanan membuka ataupun memberi peluang kepada awam untuk menggunakan ataupun menikmati kawasan Hutan Simpan Bukit Kembara ini kerana ini akan menimbulkan rasa sayang dan cinta kepada alam sekitar. Dan juga menimbulkan kesedaran untuk menjaga serta apa itu appreciate dengan izin alam sekitar ini.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, yang terakhir.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Ada sedikit lagi.

**TUAN SPEAKER** : Yang terakhir, yang terakhir.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Saya mohon Tuan Speaker kerana ini sangat penting. Ada terdapat satu lagi kawasan iaitu *Ampang Look Out Point* yang telah ditutup pada tahun 2012 kerana ada pergerakan tanah yang telah menyebabkan keretakan kepada bangunan di tapak tersebut. Dan kawasan ini telah ditutup sehingga sekarang. Hanya ia telah menafikan ramai peminat-peminat yang berkunjung ke Bukit Ampang untuk menikmati pemandangan yang indah sewaktu matahari terbenam. Jadi saya difahamkan Jabatan Perhutanan telah diberi tugas untuk memulihkan semula A-LOOP ini *Ampang Look Out Point* ini. Tapi sehingga sekarang belum nampak apa-apa perkembangan kerana Lembah Jaya mendapati tapak yang satu lagi yang telah dibuat secara tidak sah telah menimbulkan banyak isu keselamatan juga dari segi kebersihan. Jadi isu yang paling serius ataupun kritikal adalah keselamatan kerana ada satu tapak lagi yang dibuka secara *illegal* di lereng Bukit Ampang. Tetapi ia menjadi kunjungan ramai setiap hujung minggu dan waktu malam. Jalan menjadi sesak walaupun kawasan itu tidak diterangi dengan lampu, tapi ia menjadi tempat kunjungan ramai. Jadi ini satu isu yang saya nampak telah berlarutan. Saya sangat-sangat berharap Jabatan Perhutanan dapat membuka semula *Ampang Look Out Point* ini dan memberi peluang kepada pengunjung-pengunjung untuk menikmati pemandangan indah. Kalau tuan-tuan dan puan-puan

**TUAN SPEAKER** : Cukuplah.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Search di dalam Internet, akan dapatkan kawasan ini menjadi satu tarikan pelancong di dalam dan di luar.

**TUAN SPEAKER** : Stop. Dah, dah, dah.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Akhir sekali

**TUAN SPEAKER** : Dah, dah, dah.

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Akhir sekali, saya mohon.

**TUAN SPEAKER** : Dah bagi terlalu banyak dah. Cukup.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Sekejap, satu minit saja. Akhir sekali adalah berkaitan dengan Projek Tebatan Banjir. Muka surat 237, kod Projek PK3 – Butiran Penstabilan dan Pengukuhan Tebing Sungai Daerah Hulu Langat, Pelbagai Daerah. Lembah Jaya ingin membangkitkan isu Sungai Ampang yang telah penuh dengan mendapan disebabkan pembinaan EKVE satu lagi expressway di dalam kawasan Lembah Jaya dan ini telah menyebabkan risiko banjir setiap kali hujan. Jadi mohon supaya Jabatan Saliran Pengairan dan Saliran memastikan Sungai Ampang daripada Taman Rimba Ampang sehingga ke *Ampang Waterfront 3* dikukuhkan tebingnya serta didalamkan sungai tersebut. Sekian, itu saja. Lembah Jaya menyokong Usul Pembangunan 2021.

**TUAN SPEAKER** : Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Terima kasih Tuan Speaker. Ijok akan menyentuh perkara-perkara yang relevan sebab banyak perkara-perkara telah ditimbulkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat di dewan ini. Saya nak tegur tentang penularan COVID-19 ini. Yang menjadi soalannya, bila dia akan tamat? Mungkin hujung tahun, mungkin pertengahan tahun, mungkin dua atau tiga tahun lagi. Jadi apa yang Ijok nak tekankan ialah dana negeri sepatutnya kita gunakan, utamakan kepada tempat-tempat yang perlu untuk masyarakat di Selangor ini. Apa dia? Kesihatan, kebajikan, pendidikan sebab ini telah menjelaskan masyarakat di Negeri Selangor di dalam bidang-bidang ini. Apa Ijok nak tegur sebab peruntukan kesihatan iaitu 56 Juta. Pada pendapat Ijok ini tidak cukup sebab penularan COVID-19 ini kita tidak akan tahu bila akan berakhir. Ijok nak refer kepada peruntukan muka surat 198 PK7 Pembangunan Bola Sepak 10 Juta. Muka surat 201, PK18 bawah Kesedaran Kenegaraan 10 Juta dan juga muka surat 201 PK19 Pelbagai (Kod 19001) 44 Juta. Kalau kita jumlahkan semua 50 lebih Juta. Ijok nak tanya kepada Kerajaan, saya ini bukan pembangkang, saya nak dapat penjelasan, sila kaji balik peruntukan-peruntukan ini, kita boleh salurkan kepada kawasan peruntukan yang betul-betul diperlukan oleh masyarakat masa penularan wabak COVID-19 sebab lagi kod yang PK19 itu pelbagai 44 Juta saya harap Kerajaan Negeri Selangor sila terangkan, huraikan apa gunanya, keperluannya? *It's urgent?* Pada masa sekarang, masa kita nak menggunakan segala dana yang kita ada untuk masyarakat kita. Okay, itulah Ijok nak tegur sikitlah, kalau boleh Kerajaan Negeri Selangor tengok dalam peruntukan ini semua. Ini Ijok nak tegur tentang kawasan, Jabatan Kerja Raya, muka surat 226 Kod Projek PK404700 Menaikkan Taraf Jalan. Saya hairan kenapa Kuala Selangor banyak jalan telah dibaiki tetapi peruntukan pembangunan naik taraf jalan di Ijok kosong. Sepatutnya berilah sikit, sebab jalan-jalan raya di kawasan Ijok itu jalan kampung, jalan saga selalu saja rosak. Saya sudah bangkitkan tentang jalan Ijok ke

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

Batang Berjuntai tetapi kenapa naik taraf jalan-jalan lain kosong. Tempat-tempat lain di Kuala Selangor telah di buat tetapi saya haraplah jangan lupa jalan raya di DUN Ijok. Lagi satu saya nak merujuk kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor. Muka surat 230 PK1 Pembangunan Projek Tebatan Banjir. Saya tadi telah bangkitkan, Ijok ini tiap-tiap kampung mesti menghadapi masalah banjir. Hujan di Gombak, Ijok banjir jadi saya dapati bahawa peruntukan pembangunan PK101402 di Ijok kosong, ini dah dua tahun berturut-turut. Adakah Ijok ini PJS atau Negeri Selangor ini di anak tirikan, biar banjir berlaku. Inilah Ijok nak tanya atau mohon, merayu kepada Kerajaan Negeri Selangor, silalah tengok di kawasan Ijok. Ijok mengucapkan terima kasih kepada Negeri Selangor, kawasan Kampung Jaya Setia, *at last* ada peruntukan untuk baiki masalah banjir. Itu sahaja, sekian terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Bandar Utama.

**Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN :** Terima kasih Tuan Speaker. Bandar Utama tidak akan berucap panjang cuma satu perkara penting yang ingin dibangkitkan. Merujuk kepada muka surat 231 Vot P13 Kod Projek: PK101303 juga berkaitan dengan Projek Tebatan Banjir di anak sungai Damansara kerana sungai di Kampung Ara ini terletak di bawah sungai Damansara jadi Bandar Utama cuma ingin minta pencerahan untuk status Pembangunan Tebatan Banjir Sungai Kayu Ara yang masih belum dijalankan dan dianggar akan dijalankan pada tahun hadapan. Jadi ada beberapa perkara Bandar Utama inginkan penjelasan. Pertamanya adakah peruntukan projek tebatan yang membabitkan Projek Tebatan Sungai Kayu Ara ini termasuk dalam dana tahun 2021. Adakah terdapat penambahan kos ataupun peruntukan projek tebatan Sungai Kayu Ara kerana setahu Bandar Utama, sila betulkan sikit sekiranya salah. Projek Tebatan Banjir Sungai Kayu Ara ini sudah pun diluluskan dan dana yang diperuntukkan dan digunakan adalah dana yang diperuntukkan pada 2020. Jadi saya ingin minta pencerahan status terkini bagi Projek Tebatan Kayu Ara. Lagi satu perkara yang ingin saya bangkitkan adalah sekiranya mengikut jadual yang diberikan oleh JPS projek ini akan mengambil masa beberapa tahun jadi anggaran sekiranya untuk projek ini habis atau pun disempurnakan pun mungkin pada tahun 2022 atau pun 2023. Jadi Bandar Utama ingin membangkitkan sekiranya ada isu-isu banjir yang berlaku dalam tempoh beberapa tempoh tahun ini adakah pihak Kerajaan Negeri akan mengambil langkah proaktif untuk menjalankan projek-projek kecil untuk membendung masalah ini kerana setiap kali berlaku sahaja banjir di Sungai Kayu Ara dia akan membawa kesan kepada beberapa tempat termasuk SS4, Kampung Cempaka kadangkala Kampung Kayu Ara jadi apabila setiap kali saya turun ke padang, saya berjumpa dengan penduduk dan setiap kali apabila berlakunya banjir agak sukar untuk saya katakan kepada para penduduk bahawa kita sedang menunggu satu projek yang hanya akan disempurnakan dalam masa atau tempoh beberapa tahun. Ertinya mereka perlu menghadapi kesulitan atau pun kesukaran untuk dalam tempoh beberapa tahun ini lagi. Jadi setiap kali banjir mereka akan kena kesan dia. Jadi Bandar Utama berharap untuk mengetahui pertamanya status Projek Tebatan Banjir di Sungai Kayu Ara, keduanya sekiranya Kerajaan Negeri

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

mempunyai sebarang perancangan untuk jangka masa pendek atau pun sementara menunggu projek ini disiapkan dan Bandar Utama juga berharap, dana negeri boleh juga difokuskan kepada pembangunan yang tidak boleh ditangguh. Perkara yang paling penting seperti banjir, pencemaran, penaiktarafan paip dan sebagainya kerana ini akan membawa kesan kepada kualiti kehidupan para penduduk di DUN Bandar Utama dan juga warga Selangor. Jadi saya minta Kerajaan boleh mengambil perhatian terhadap perkara dan isu ini dan diharapkan juga boleh memberikan maklum balas dan laporan atau pun *update* terkini dengan izin tentang Projek Tebatan Banjir di anak sungai Kampung Kayu Ara dan sekiranya boleh tolong tambahkan kos untuk projek ini kerana kali terakhir bila saya berbincang dengan JPS sebenarnya projek ini mungkin memerlukan dana yang lebih jadi itu sahaja yang Bandar Utama yang ingin bangkitkan dan dengan ini saya menyokong Usul Peruntukan Pembangunan 2021. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Kota Damansara.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Terima kasih Tuan Speaker kerana keizinan Kota Damansara berbahas. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana mengikut belanjawan ini pada muka surat 248 PK3 ada disebut Masjid Kota Damansara dan Masjid Subang Bestari. Terima kasih Kerajaan Negeri kerana menyenaraikan masjid ini dan kalau ikut jawapan daripada Kerajaan Negeri bahawa masjid ini akan siap pada 2022 jadi Kota Damansara mengharapkan bahawa dalam belanjawan yang akan datang akan disebut dalam ucapan belanjawan bahawa Masjid Kota Damansara 2, dan Masjid Subang Bestari akan siap pada 2022. Cuma yang menjadi kekhawatiran pada Kota Damansara pada kali ini kerana bajet kedua-dua masjid ini kita tengok Masjid Subang Bestari 3 Juta, Masjid Kota Damansara RM10 jadi saya mohon penjelasan dari Kerajaan Negeri bolehkah dengan peruntukan ini kita dapat siapkan kedua-dua masjid ini pada tahun 2022. Kota Damansara ingin merujuk kepada muka surat 245 PK1 Butiran 01305 Sekolah Menengah Agama Tinggi Seksyen 11. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana masukkan program ini, belanjawan ini untuk sekolah tersebut walau bagaimanapun Kota Damansara ingin bertanya bilakah tempoh dan tarikh siapnya Sekolah Menengah Agama Tinggi di Seksyen 11 ini? Kita semua maklum bahawa isu pekerja, penganggur serius, isu global Selangor ramai yang diberhentikan kerja, ada yang dianaya oleh majikan ada juga, kita pun telah berbincang dengan panjang lebar berkenaan dengan pekerja dan *Alhamdulillah*, di Selangor ini mungkin satu-satu negeri yang mewujudkan Exco Pekerja atau pun pemberdayaan pekerja dan kita pun ada khusus dalam bidang pemberdayaan pekerja cuma saya tengok-tengok juga kat buku ini, kat mana dia tulis pemberdayaan pekerja itu, jadi tak ada cuma saya harap penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri supaya ada peruntukan khusus dalam bidang pekerja ini untuk menyelesaikan masalah ini dan Kota Damansara ingin tahu berapakah peruntukan yang disediakan untuk bidang pemberdayaan pekerja ini. Kota Damansara juga ingin mencadangkan supaya satu jawatankuasa diwujudkan untuk menangani masalah pengangguran pekerjaan ini dan diharap lebih ramai yang terlibat, ADUN-ADUN yang

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

terlibat di masa-masa yang akan datang supaya dengan adanya jawatankuasa ini maka masalah pengangguran, masalah pekerja dapat diselesaikan dan juga ini bertetapan dengan mempromosikan sosial dialog di bawah *ILO Convention* di mana majikan, pekerja dan kerajaan wujud. Dengan adanya peruntukan ini dan adanya jawatankuasa ini maka kita dapat menyelesaikan masalah-masalah ketiga-tiga pihak tersebut majikan, pekerja dan kerajaan. Juga diharapkan bahawa jawatankuasa ini atau peruntukan ini dapat digunakan dengan sebaik-baiknya lebih bertanggungjawab, telus oleh pihak EXCO.

Kemudiannya saya merujuk kepada muka surat 197, PK4, 040007 – Hal Ehwal Selain Islam. Kota Damansara hanya mengharapkan bahawa peruntukan tersebut diberi kepada ada permohonan iaitu Kuil Seri Mahamariaman, Seri Mahamariaman daripada Persatuan Penganut Dewi Seri Mahamariaman (RRI) mudah-mudahan dengan peruntukan tersebut dapat disalurkan kepada pembinaan kuil tersebut. Kota Damansara mengucapkan ribuan terima kasih juga kepada Kerajaan Negeri dalam usaha menaikkan taraf jalan Seksyen 6, 7, 8 dan 11 di Kota Damansara. Ini merujuk kepada muka surat 223, PK4, Butiran 04102. Seterusnya Kota Damansara ingin merujuk kepada muka surat 200, PK15, Butiran 15001 iaitu Baik pulih PPR. Kita tahu di Kota Damansara ada PPR di Seksyen 8 sering masalah lif jadi harap peruntukan lebih kurang 4,000 lebih eh 4 juta dapat menyelesaikan masalah lif di PPR di Seksyen 8, Kota Damansara.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR** : Boleh bagi celahan sikit?

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR** : Sikit aje.

**TUAN SPEAKER** : Sila.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR** : Ok. Sikit aje. Saya nak tanya pandangan daripada ADUN Kota Damansara ya. Yang ini tentang Projek Perumahan Rakyat. Kalau di kawasan Seri Setia kita ada Lembah Subang, yang ni kita tahu di bawah Kerajaan Persekutuan. Setuju tak Kota Damansara kalau saya mohon kepada Kerajaan Negeri untuk bantu sedikit kepada Perumahan Lembah Subang kerana ADUN Damansara kena ingat pengundi pun ada di situ.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR** : Terima kasih. Isu lif ni memang *common* pada PPR. Kita ada 4.3 juta mudah-mudahan Kerajaan Negeri dapat bantu lif-lif ni lah di PPR Seksyen 8 dan juga Ara Damansara. Seterusnya dengan ini Kota Damansara menyokong Usul yang dibentangkan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Semenyih.

**Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Semenyih ingin mengambil diberi peluang untuk membahaskan Usul

## 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

mengenai pembangunan Negeri Selangor ini terutama saya hendak merujuk kepada P.01, muka surat 196 iaitu mengenai Pejabat Menteri Besar iaitu PK4, muka surat 197 mengenai Pembangunan Hal Ehwal Orang Asli. Selain daripada Kuala Langat yang di maklum tadi penduduk Orang Asli yang terbanyak mungkin di Selangor. Hulu Langat saya rasa mungkin jatuh nombor dua lah ya selain daripada Dusun Tua, Semenyih ya. Bersempadan ya. Kita nampak, saya di Semenyih lebih daripada 2,000 ya lebih empat, lima kampung ya Orang Asli di Semenyih saya nampak masih banyak ketinggalan lagi khususnya memang ada pihak Jawatankuasa Kebajikan Orang Asli peringkat Persekutuan yang melibatkan apa yang dimaklumkan oleh pegawai Orang Asli melibatkan pembangunan hanya di daerah kampung-kampung Orang Asli ni tapi saya harap permohonan saya pihak Kerajaan Negeri Selangor khususnya dalam program *Smart Selangor* ya iaitu mempertingkatkan lagi pencapaian Internet ya di orang mengadu pada saya dia orang tak dapat dengan tiadanya menara-menara telekomunikasi ni harap penempatan lah di kampung-kampung Orang Asli ni kita harap pihak Kerajaan Negeri dapat membantu supaya khususnya mengenai pembelajaran ya anak-anak Orang Asli ini dapat terbela lah ya kemudahan sekarang *online* dan sebagainya.

Jadi rasa Kerajaan Selangor tolong ambil beratlah khususnya di Semenyih ni. Rasa-rasa dia orang masih banyak ketinggalan juga infrastrukturnya. Harap Pejabat Menteri Besar ya peruntukan untuk Orang Asli seperti mana dimaklumkan Kuala Langat 500 Ribu saya harap ada pertambahan ya melibatkan juga infrastruktur yang di dalaman kawasan memang JAKOA lah Jabatan Kebajikan Orang Asli ni tapi peringkat nak menyampaikan, peringkat di jalan-jalan infra ni nampak begitu teruk khususnya di Semenyih. Kacau dalam kacau luar. Saya rasa di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat ya kempen PRK Semenyih dulu rasa saya semua terlibat di Semenyih ni ya dapat melihat sendiri ya sebagaimana mundurnya sebagaimana daif nya infra ni, jalan-jalan utama ni selain daripada penggunaan masing-masing ya gunakan tempat sebagai apa Agro Pertanian dan sebagainya di situ tapi dia guna sama juga jalan-jalan Orang Asli ni, penempatan Orang Asli ni banyak jalan dah teruk ya apa dimaklumkan jadi kita minta juga jasa baik Kerajaan Negeri melihat infra-infra ni khususnya pihak Pejabat Tanah ya patut mungkin Jabatan Tanah ya. PBT tak de lah. Patut dia di bawah Jabatan Tanah, Pejabat Tanah Daerah supaya beri peruntukan ya jalan utama dan longkang-longkang untuk sampai dia mengadu, Tok Batin-Tok Batin mengadu Yang Berhormat, kami nak pergi sekolah pun susah ya kadang van-van nak masuk ke kawasan penempatan Orang Asli ni tak sanggup pasal banyak dia punya *maintenance* van lagi daripada hasil bayaran fi untuk pergi keluar masuk ni.

Jadi tu saya rasa Kerajaan sangat perlu lah dan saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri mengenai Tabung Sagong Tasi yang mana Tabung Sagong Tasi ni seperti mana yang kita sedia maklum kita Selangor ya memang popular ya sebelum Pakatan Rakyat lagi ya mungkin salah satu sebab kejatuhan Kerajaan BN di Selangor ni melibatkan Orang Asli ni. Tabung Sagong Tasi ya Dengkil ya. Saya harap Kerajaan Selangor saya pun nak tahu lah sejauh mana Tabung Sagong Tasi ini dapat memberi

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

manfaat ya manfaat. Apa yang saya dimaklumkan anak-anak Orang Asli ya yang berjaya masuk ke IPT ya diberi tapi saya rasa peranan Tabung Sagong Tasi perlu diperluaskan lah bagi saya, diperkasakan iaitu dengan memberi kemudahan semasa sekarang ini iaitu kemudahan pembelajaran, pembelian komputer dan sebagainyalah. Ia supaya pembelaan pembelajaran anak-anak Orang Asli ni khususnya selain biasiswa ke, IPT tadi rasa saya perlu diperluaskan lagi. Pasal kita harap kita tak ada *double-standard* pada Orang-orang Asli lah.

Khususnya lagi satu, saya rasa selain daripada Orang Asli tadi dari segi pembelajaran dan sebagainya saya harap di segi elaun ya elaun Tok Batin ni juga sekarang ni apa yang dimaklumkan JAKOA yang bayar tapi kita harap Kerajaan Negeri Selangor juga selain daripada elaun tak kisah peruntukan daripada Tok Batin tadi diberikan peruntukan khas seperti mana MPKK ya Pengurus MPKK, KKI saya rasa ya Komuniti India ya dapat saya harap ada peruntukan khas Tok Batin daripada Kerajaan Negeri Selangor beri peruntukan khas supaya Tok Batin ni dapat sendiri mentadbir ya, dapat merancang pembangunan khususnya di kampung-kampung yang terbabitlah di Negeri Selangor ni. Kita harap.

Seterusnya saya ingin menyentuh perkara P.01 juga – Pejabat Menteri Besar. PK 9, muka surat 98 mengenai Kemudahan Awam ya PBT di Semenyih ni sedia maklum kawasan yang terlibat juga dua pertiga Perbandaran ya. Satu pertiga perkampungan apa lah perkampungan tradisional. Di kawasan saya ya, di Semenyih ini Bandar Seri Putra ya, apa yang saya pergi lawatan dan juga aduan daripada pihak pemilik apa Persatuan Penduduk sini untuk makluman Kerajaan Negeri iaitu kemudahan awam PBT ini iaitu Padang Bola Sepak dia. Saya tengok sendiri ya di mana begitu daif ya dari segi apa rumput dan sebagainya adapun dia punya pagar-pagar, tiang-tiang gol semua lah dah begitu daif ya. Dah separuh, tiang gol pun dah sebelah senget dan sebagainya yang kita harap pihak PBT ya khususnya MPKJ ya dan Kerajaan Negeri harap memberi keutamaan lah supaya sukan ni, kemudahan awam ni seperti mana di Bandar Seri Putera sebahagian besarnya melibatkan apa ada Kolej Universiti Islam di situ banyak kakitangan duduk di situ, di sekitar situ memerlukan padang-padang awam ini untuk anak-anak beliau ya. Jadi rasa saya ini perlu, perlu diberi perhatian supaya

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Saya nak celah sikit. Boleh ulang balik padang yang disebut tadi?

**Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI** : Padang awam Seri Putra. Bandar Seri Putra ya Bandar Seri Putera tapi di Bangi lah tapi bawah DUN Semenyih

**TUAN SPEAKER** : Semenyih cukup masa. Boleh? Dah merah dah. Ya bagi peluang.

**Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI** : Ada lagi.

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**TUAN SPEAKER :** Yang terakhir.

**Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI :** Mengenai penguatkuasaan hutan ni, P.10, muka surat 2114 iaitu mengenai Penguatkuasaan Hutan. Saya rasa di Semenyih, Bukit Broga ya tuan-tuan sedia maklum kita harap Bukit Broga ni diberi sepenuh perhatian oleh Kerajaan Negeri supaya seperti mana dimaklumkan mungkin tidak silap saya dia akan digazet sebagai Geo Park. Saya rasa Bukit Broga ni merupakan satu tempat rekreasi yang terbaik dan juga naik kan nama Semenyih ya selain pencemaran air dan sebagainya. Kita harap Kerajaan memberi perhatian penting untuk Bukit Broga ni. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Semenyih. Sabak.

**Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN :** Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya terus kepada muka surat 199, Pejabat Menteri Besar dan juga Setiausaha Kerajaan Negeri. PK 13, Kod 13003 – Pembangunan Muzium Daerah.

Di Sabak Bernam ada satu Muzium yang hanya satu di Selangor iaitu Muzium Pertanian dan Perikanan tapi sayangnya hidup segan mati mahu. (Ketawa). Boleh dikatakan hampir tiada pengunjung. Pelancong yang pergi Sekinchan juga tidak mahu singgah ke Muzium ini. Jadi saya harap dapat di naik taraf bukan hanya replika yang ada tetapi boleh pengunjung menampi padi, menumbuk padi, membanting padi.

**TUAN SPEAKER :** Ya Yang Berhormat. Masalah Sabak, Yang Berhormat Sabak tak *promote* ke apa?

**Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN :** Apa dia?

**TUAN SPEAKER :** Salah Yang Berhormat Sabak tidak *promote* ke? Kenapa tak ada orang?

**Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN :** Ok. Baik. Terima kasih. Terus yang kedua. Muka surat 210 (ketawa). Sabak tidak boleh dipisahkan daripada pertanian. Daripada PK 5, Kod Objek 505001 – Benih dan 05002 – Pemulihan dan Pemeliharaan Tanah.

Seperti yang disebut oleh EXCO bahawa pemulihan tanah sangat perlu tetapi amat sedikit peruntukan yang diberikan untuk pemulihan tanah dan yang paling penting adalah benih. Saya hairan kenapa benih padi Selangor datangnya daripada Perak, daripada Johor dan daripada Kedah? Di mana perginya benih Selangor? Jadi saya harap supaya dihidupkan semula ladang benih di Sungai Burung kerana malu lah Sekinchan pengeluar padi terbesar tapi benih datang daripada Kedah. Diharap semula benih padi yang ada di Sungai Burung diaktifkan semula supaya benih padi untuk pesawah-pesawah datangnya dari Selangor dan kita boleh kawal mutu benih

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

padi. Apa guna tanah yang subur tapi benihnya tidak baik. Saya bagi contoh, Sungai Air Tawar, benih baik, tanah baik, anak dia sepuluh. (Ketawa).

**TUAN SPEAKER :** Benih baik tu ya? Subur.

**Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN :** Terus kepada muka surat 277. JKR. Malang sekali untuk tahun 2021 tidak ada naik taraf di DUN Sabak atau di Sabak Bernam. Jadi saya minta supaya untuk tahun 2022 supaya Jalan Sekendi ke Pekan Sabak sejauh 10 kilometer di naik taraf daripada dua lorong kepada empat lorong.

Seterusnya kepada muka surat 248 iaitu Jabatan Agama Islam. PK 3 – Masjid. Malang sekali tak ada juga masjid baru dan baik pulih masjid di DUN Sabak. Jadi saya minta supaya 2022, Masjid Badlishah Parit 6 dan Masjid Sultan Muhammad Shah Parit 10 yang agak uzur kalau tak percaya EXCO Agama boleh pergi melihat keuzuran dua masjid itu supaya pada Belanjawan 2022 ada peruntukan.

Akhirnya saya, tak sah kalau dalam Dewan ini saya tidak menyampaikan sebuah lagu. (Ketawa). Jadi saya akan nyanyikan sebuah lagu yang bertajuk “Ayah ku Sungai Tua.”

*Ayah ku Sungai Tua, disayangi rakyat jelata  
Sanggup tidak beristeri dua, asal rakyat hidup bahagia  
Taman Templer kacak orangnya, berbicara penuh bergaya  
ADUN-ADUN kuat bekerja  
Selangor terus maju jaya*

Ayuh Yang Berhormat kita sama-sama Selangor terus maju jaya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Cukup, cukup, cukup. Dah, dah, cukup dah. Ya. Terima kasih dengan lagu Selangor Berjaya ya sepatutnya tak boleh tapi hari ni saya bagi kelonggaran. Lain hari jangan bawa lagu lagi ya. Kita kalau bawa lagu pergi buat konsert. Konsert Sabak. ADUN Sabak boleh.

Silakan Bukit Melawati.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Aduh! Tuan Speaker, tengok-tengok sikit Bebas Tuan Speaker. Lama dah berdiri dah ni.

**Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin terus kepada....

**TUAN SPEAKER :** Bebas kena sabar, gaya bebas.

## 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

**Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI** : Saya ingin terus kepada Kod Usul Pembangunan, P 01 – Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri. PK 4, muka surat 197, 04008 - Program pembangunan minda rakyat. Saya ingin bertanya apakah kandungan ataupun perincian program yang dimaksudkan ini yang berjumlah RM9.3 juta.

Seterusnya PK 10.100010203 Pelancongan. Pada awal tahun ini Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bersama dengan Mantan EXCO Pelancongan telah melancarkan program P3S iaitu Program Pemurnian Pelancongan Negeri Selangor di Dataran Melawati Pekan Lama Kuala Selangor. Saya ingin bertanya apakah status pelan induk pelancongan negeri Selangor ataupun *blueprint* pelancongan yang mana telah ditandatangani MOU pada majlis tersebut dengan sebuah syarikat yang mungkin pihak kerajaan negeri boleh jelaskan.

PK13.13004 Penyelidikan Adat Melayu Bahasa Kesenian. Saya ingin bertanya adakah pihak kerajaan negeri bercadang untuk menjalankan penyelidikan berkaitan dengan kepelbagaiannya bahasa etnik kaum dan kebudayaan di negeri Selangor kerana kita sebagai contoh etnik Melayu sahaja kita dah ada daripada Jawa, Banjar, Bugis dan sebagainya. Jadi adakah kerajaan negeri bercadang untuk menjalankan kajian dan mendokumentasikan supaya ia boleh menjadi rujukan generasi akan datang berkenaan asal usul etnik yang ada di negeri Selangor ini.

Seterusnya PK17. 1700809 Penubuhan Zon Bersejarah. Yang disebutkan di sini adalah zon bersejarah Batu Arang dan juga Kelang. Jadi saya ingin bertanya apakah syarat-syarat ataupun kriteria bagi zon bersejarah ini dan adakah kerajaan negeri bercadang untuk menjadikan Bukit Melawati ataupun Kota Melawati sebagai zon bersejarah?

Seterusnya Jabatan Agama Islam Selangor P14. PK303901 Baik Pulih Dan Naik Taraf Masjid Daerah. Saya ingin menarik perhatian kerajaan negeri untuk meneliti semula permohonan pengurusan Masjid Jamek Sultan Ibrahim di Kuala Selangor untuk menaik taraf kemudahan OKU kerana masjid ini tidak dilengkapi dengan kemudahan OKU. Oleh kerana *design* masjid ini musollahnya terletak tinggi. Jadi jemaah kena naik anak tangga yang banyak untuk solat di musollah. Jadi tidak ada ramp ataupun laluan untuk jemaah OKU. Jadi saya minta kerajaan ini boleh pertimbangkan semula supaya masjid ini dan masjid-masjid lain juga dalam akan datang ataupun sedia ada ini perlulah mesra OKU. Supaya ianya sesuai dengan prinsip SDGs iaitu *Sustainable Development Goals “no one left behind”*.

Dan P12 Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor. PK404701 Menaik taraf jalan di Simpang Empat, Persimpangan Jalan Kereta Api Lama, Jalan Teluk Piah Kanan, Jalan Rawang, Kuala Selangor.

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

Saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada kerajaan negeri kerana menyediakan peruntukan RM500,000 untuk kerja-kerja naik taraf di kawasan ini di kawasan saya kerana saya telah bangkitkan isu ini banyak kali sejak dua tahun lalu sama ada melalui Mesyuarat Tindakan Daerah serta melalui bertulis permohonan ini kerana kadar kemalangan sangat tinggi di persimpangan ini dan termasuklah kemalangan maut. Serta pihak JKR Kuala Selangor telah menjalankan kajian. Seingat saya mungkin dalam setengah tahun ini jadi saya ingin tahu apakah dapatan daripada kajian persimpangan ini serta apakah rancangan bagi naik taraf persimpangan ini yang dimaksudkan. Dan yang terakhir, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri di atas peruntukan yang disediakan untuk menaik taraf Jalan Club dari Simpang Jalan Rawang hingga Jalan Persekutuan yang juga di bawah kawasan saya. Sekian terima kasih. Saya menyokong.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Kuang.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin merujuk kepada Kod Pembangunan P12, Kod Projek 4200 Gombak. Berkenaan dengan menaik taraf Jalan Melawati, Kuang Mukim Rawang, Daerah Gombak yang diperuntukan sebanyak RM3juta. Saya percaya bahawa ini adalah satu belanjawan ataupun peruntukan yang dibawa daripada tahun 2020. Kerana projek ini dimaklumkan telah mengalami kelewatan selama setahun daripada dijangka siap adalah pada penghujung bulan 12/2019 tapi kini telah melewati tarikh yang begitu lama selama lebih hampir setahun. Jadi ingin saya memberikan sedikit pandangan kerana daripada awalnya projek ini tergendala disebabkan oleh ketidaksiagaan pihak konsultan di dalam menyediakan kertas-kertas cadangan ataupun dokumen tender yang menyebabkan beberapa utiliti ataupun utiliti yang berada di dalam di bawah tanah dan sebagainya itu tidak dapat disediakan dengan begitu lengkap butirannya termasuk dengan utiliti air, paip-paip air yang berada di bawah tanah, telekom, kabel-kabel elektrik dan sebagainya. Dan kelewatan ini menyebabkan keresahan dari penduduk-penduduk Kuang khasnya kerana saya tiap kali apabila berlaku kemalangan ataupun berlaku kemalangan di persimpangan tersebut orang pertama yang akan ditanya adalah Wakil Rakyat. Sedangkan itu adalah satu proses yang begitu sangat membimbangkan kitalah di dalam Kuang kerana dalam tempoh setahun kelewatan ini disebabkan pengurusan pihak-pihak Konsultan menyediakan butiran tersebut kerana mereka tidak dapat menentukan berapa banyak utiliti yang berada di bawah tanah kerana *mapping* terhadap kabel-kabel yang ada ataupun paip-paip air yang ada di bawah tanah itu tidak mendapat butiran yang lengkap. Jadi saya ingin memberikan pandangan saya berkenaan dengan perkara ini supaya tidak berlaku lagi kepada Kod Projek 04206 iaitu menaik taraf jalan di Jalan Melati Bukit Aman Putera dan juga Kod Projek 04207 menaik taraf Jalan Simpang Empat B25, Jalan Kundang. Kerana saya tahu bahawa dalam peruntukan tahun 2021 ini cuma ada *token* sebanyak RM10 sahaja. Cuma ada *token* sebanyak RM10, itu menunjukkan bahawa projek

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

tersebut mungkin di dalam perancangan kerajaan negeri untuk dilaksanakan pada tahun-tahun mungkin tahun 2022 ataupun tahun 2023. Namun saya ingin menekankan sekali lagi agar pihak Konsultan yang dilantik ini menyediakan dokumen yang lengkap, dapatkan butiran yang betul-betul lengkap daripada pihak-pihak Utiliti agar perkara yang berlaku di Persimpangan Lorong Melati Ini tidak berlaku lagi. Kelewatan pihak kontraktor menyiapkan projek ini dalam tempoh setahun dalam tempoh yang begitu panjang kerana kelemahan yang saya sebut tadi. Yang ini yang kita nak tekankan supaya pihak JKR khasnya yang akan mengendalikan projek ini memastikan bahawa Konsultan yang dilantik itu benar-benar, benar-benar menjalankan tugasnyalah. *Especially* dalam menentukan utiliti-utiliti yang berada di bawah tanah ataupun di bawah jalan. Seterusnya, apa yang saya harapkan daripada Kod Projek 04206 dan 207 ini bukan takat token RM10 ini hanya pada tahun 2021. Saya harap jika berlaku ada *surplus* ataupun lebihan daripada kod-kod projek yang lain supaya kajian terhadap kebolehlaksanaan projek ini dapat dilaksanakan pada tahun 2021 ini. Kerana keadaan Jalan Kundang dan juga Lorong Melati hingga ke Taman Ramal Putera ini agak sesak dan ia begitu *traffic very heavy* pada pagi dan juga petang. Yang menyebabkan kesesakan itu mungkin melibatkan dalam tempoh satu ataupun lebih kurang dalam satu setengah ataupun satu jam daripada Persimpangan Melati itu hingga kepada Persimpangan Lorong Melati, Persimpangan Bukit Ramal Putera. Jadi saya minta supaya pihak kerajaan mengambil tindakan yang sewajarnya yang apa yang saya sebut tadi berkenaan dengan *token* yang ada RM10, RM10 ini supaya diberikan perhatian yang begitu teliti lah untuk memastikan bahawa projek yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan terutama JKR ini menepati piawaian dan juga ia tidak mengganggu aliran trafik pada masa yang akan datang.

Berkenaan dengan P01 PK4 Kod Projek PK4 Pembangunan Hal Ehwal Orang Asli. di dalam Kuang ini hanya ada satu sahaja. Kampung Orang Asli iaitu Kampung Hulu Kuang. Dan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah datang bersarapan pagi dengan Orang Asli. termasuk juga EXCO, saya mengucapkan terima kasih kerana sudi hadir, EXCO YB Hee kerana telah hadir bersama....

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat. Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN :** Yang Berhormat kerana bersama Orang-Orang Asli di kawasan di Kampung Hulu Kuang bersarapan bersama mereka. Dan ini adalah satu pendekatan yang begitu baiklah. Kerana Orang Asli ini dalam tempoh sejak daripada tertubuhnya kampung berkenaan Kampung Hulu Kuang ini tidak pernah seorang pun daripada Menteri Besar datang. Jadi saya nak mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana telah memenuhi jemputan saya untuk bersama bersarapan pagi dengan penduduk-penduduk di kawasan...

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**TUAN SPEAKER** : Ya Kuang, masa.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN** : Sikit lagi. Saya ingin mengucapkan juga terima kasih...

**TUAN SPEAKER** : Yang terakhir. Yang terakhir. Ayat yang terakhir..

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN** : Kepada Yang Amat Berhormat kerana telah meluluskan sejumlah RM100,000 untuk kerja-kerja pembaikan rumah-rumah Orang Asli di kawasan Hulu Kuang. Yang rasa tersentuhnya kita apabila kita lakukan saya lakukan lawatan bersama Yang Berhormat EXCO, ada rumah Orang Asli ini yang dibina pada tahun 2008 cuma ada papan, meternya tak ada. *Wiring* pun tak ada. *Wiring* ada dalam rumah, papan meter ada, meter tak ada sejak daripada 2008 sehingga pada tarikh yang kita buat lawatan bersama dengan Yang Berhormat EXCO. Ini kita lihat bahawa masyarakat Orang Asli ini dipinggirkan kerana dipinggirkan oleh apa ni....

**TUAN SPEAKER** : Dah pingir dah? boleh duduk...

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN** : Ok yang terakhir sekali..

**TUAN SPEAKER** : Yang terakhir. Yang terakhir.

**Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN** : Ok yang terakhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi saya peluang yang terakhir ini membahaskan Perbelanjaan Pembangunan 2021. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Terima kasih Kuang. Saya minta Jeram.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Terima kasih Tuan Speaker ada dua minit. Jadi saya tak boleh nak menyanyi hari ini. Hasrat di awal untuk nak menyanyi, jadi sebelum tu tengok muka surat 220, Kod Projek PK101701 saya cuma nak ulas satu benda ni je. Sebelum tu, sebelum saya terlupa saya nak ucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat EXCO Sukan apabila Semenyih disebut je dia amek *note*. Saya harap untuk ini pun Yang Berhormat EXCO teliti sebab saya bawa satu benda isu ini dan saya pernah bawa isu yang sama tahun lepas masa persidangan iaitu berkenaan dengan memasang lampu jalan dan lampu isyarat di Daerah Kuala Selangor. Ya, perkara yang sama di mana tahun lepas saya kata 500,000 itu untuk lima Dun. Makna apabila kita membawa isu ini pihak kerajaan ambil sambil lewa kerana sepatutnya sekurang-kurangnya ada sedikit tambahan untuk memuaskan hati yang si pembawa ini. Jadi masih lagi 500,000 juga tahun ini. Jadi 500,000 ini kalau membina lampu isyarat ini 300,000 - 500,000 jadi dah tiga tahun dah saya tak nampak pun satu biji, satu batang lampu di kawasan kampung ini. Orang kampung ini bukan apa sangat. Sebelum saya terlupa juga ya untung Bukit Melawati ya, sikit-sikit dapat itu dapat ini.

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

Saya dengar tadi Ijok juga kesian, “tolonglah pandang Ijok, tolonglah pandang Ijok” begitu juga dengan Jeram “kami ni menagih simpati ataupun menagih kasih sayang daripada kerajaan negeri Selangor”. Jadi saya nak tanya pada Yang Berhormat EXCO minta tolong jawablah ya, berapa banyak lampu ataupun yang telah dipasang di Dun Jeram ini dalam tempoh dua tahun atau tiga tahun ini. Saya nak tahu nombor dia *figure* dia tu.

**TUAN SPEAKER** : Masa habis. Sila tamatkan.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Tamatkan?

**TUAN SPEAKER** : Ya, tamatkan.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Saya nak sambung kemudianlah ya.

**TUAN SPEAKER** : Tak. Tak. Tamatkan.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Jadi saya minta Yang Berhormat EXCO minta tolong kali ini saya dah minta yang lepas saya dah minta tolong asingkan lampu jalan. saya minta Yang Berhormat EXCO lima ataupun sepuluh cukuplah untuk satu penggal. Tak payah banyak lima atau sepuluh untuk Jeram. ok.

**TUAN SPEAKER** : Ya faham. Ok. Tamatkan. Masa.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Tamatkan. Terima kasihlah.

**TUAN SPEAKER** : Baik. Sila. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Jadi Yang Berhormat..

**TUAN SPEAKER** : Tamatkan.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI** : Ya, saya nak tamat ni. Tapi kali ini saya rasa untuk yang JKR ini *part* peruntukan ini saya tak sokonglah. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ya. Tamat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, seramai 24 Ahli-Ahli Dewan Negeri berbahas dalam Usul Pembangunan jadi selesai perbahasan. Jadi saya dengan ini jam menunjukkan 1.00 petang dengan ini saya menangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

**(DEWAN DITANGGUHKAN)**

**( DEWAN DISAMBUNG SEMULA )**

**( TUAN TIMBALAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN )**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Dipersilakan pihak Kerajaan untuk membuat penggulungan.

**Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH :** Terima kasih Tuan Speaker. Bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Seri Setia dan juga Kota Anggerik, mengenai tentang keperluan muzium baru yang di Negeri Selangor. Cadangan pembinaan pembukaan Muzium Setem dan juga Muzium Tekstil dan juga muzium sukan Negeri Selangor. Muzium Setem, muzium terletak di pusat Bandar Raya Shah Alam, berdekatan dengan POS Shah Alam. Tujuan muzium setem ini adalah untuk memelihara khazanah warisan negara yang merekodkan sejarah sehingga terbentuknya Negara Malaysia. Setem merupakan dokumen kecil namun menjadi bukti penting sejarah, pembentukan negara. Pembentukan yang telah diluluskan bagi melaksanakan pembinaan pengisian muzium setem adalah sebanyak RM15 juta. Untuk pembangunan dan pengisian bagi sebanyak RM4 juta. Dan pada muzium setem juga peringkat pembinaannya telah mencapai kepada 13% daripada 12%. Pembinaan dikendalikan oleh pihak JKR dan dijangka siap pada 2022.

Mengenai Muzium Tekstil, cadangan pembinaan Muzium Tekstil Selangor adalah terletak di Bangunan Anggerik iaitu bekas Perpustakaan Awam Negeri Selangor yang telah berpindah ke Seksyen 13. Tujuan penubuhan Muzium Tekstil Selangor berdasarkan diberi pandangan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor atas keperluan Negeri Selangor mempunyai sebuah Muzium Tekstil yang mempamerkan tekstil-teknik tradisional yang berstatus tinggi seperti telepuk, cindai, songket dan juga pakaian Selangor.

Muzium ini juga untuk mengumpulkan, memelihara mentafsir dan mempamerkan teknik yang mempunyai nilai sejarah seni budaya atau ilmiah yang penting untuk didikan orang ramai. Berdasarkan kepada penilaian PADAT melalui 4 hasil buku yang telah diterbitkan iaitu Buku Kesenian Warisan, Telepuk Selangor dan Telepuk Alam Melayu, Kebaya Selangor dan juga kelingkam Selangor telah membuktikan bahawa Selangor mempunyai warisan kesenian teknik tradisional dan kesenian menghias kain melalui telepuk dan juga sulaman kelingkam. Sementara bagi pakaian wanita adalah Kebaya Negeri Selangor.

Seterusnya Muzium Sukan, cadangan pembinaan Muzium Sukan adalah titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang mahukan Muzium Sukan ini menyimpan segala khazanah dan kemajuan sukan Negeri untuk tatapan generasi kini dan yang akan datang. Khazanah ini disimpan nanti mengandungi pelbagai informasi dan koleksi sejarah berkaitan dengan sukan yang tidak ternilai bagi digambarkan fungsi,

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

peranan dan juga sukan dalam menggarap kemajuan negeri dan juga negara. Muzium Sukan ini dicadangkan dibina di Stadium Shah Alam dengan peruntukan sebanyak RM22 juta.

Seterusnya saya memandang cadangan dari Kota Anggerik mengenai pelaksanaan Muzium Tekstil ini perlu kita membuat penyelidikan bersama dengan tekstil Bangkok di Thailand, *InsyaAllah* akan kita melalui PADAT, kita akan hubungi untuk mendapatkan informasi-informasi daripada pengalaman muzium di Bangkok.

Seterusnya tentang teater Shah Alam, untuk makluman Yang Berhormat, teater Shah Alam berada di bawah pentadbiran PADAT selama 3 tahun dan diserahkan kepada MBSA kepada PADAT. Dan teater ini digunakan sebagai tempat persembahan berkaitan dengan kesenian kebudayaan. Iaitu 3 tahun PADAT telah menganjurkan antaranya Program-program Koir Kota Seni Shah Alam dan juga Tarian Selangor, pertandingan muzik cemperling dan banyak lagi program-program yang telah digunakan di Teater Shah Alam dan juga kita sewakan kepada pihak swasta. Bagi tahun 2020, program yang telah dirancang banyak yang telah kita tangguhkan memandangkan PKP COVID-19 iaitu Teater Bangsawan, Simfoni Cemperling Alam Melayu. Dan InsyaAllah kita akan teruskan dengan program-program yang telah dirancang.

Seterusnya menjawab bagi pihak daripada persoalan Yang Berhormat Sentosa, Tuan Speaker, Kerajaan Negeri mengambil perhatian bahawa tentang projek Pusat Kebudayaan Cina dan India yang sering dibangkitkan di dalam Dewan meskipun telah diberikan penjelasan sejak tahun 2018. Untuk makluman, Kerajaan sentiasa menjaga kepentingan dan pembangunan sosial dan memelihara adat serta budaya semua kaum di dalam Negeri Selangor. Adalah menjadi hasrat dan inspirasi Kerajaan Negeri untuk melaksanakan pembangunan kebudayaan Melayu, Cina dan India di Negeri Selangor. Dalam usaha menghadapi memartabatkan pelbagai kesenian dan kebudayaan yang harmoni di dalam masyarakat.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih komited untuk membangunkan sebuah pusat kebudayaan yang bersepadu bagi Negeri Selangor. Oleh yang demikian, seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar semasa pembentangan Belanjawan Selangor 2020 yang lalu, Kerajaan Negeri telah merancang untuk mewujudkan sebuah Kampung Budaya Selangor yang dapat menjadi pusat rujukan berkaitan sejarah kebudayaan tradisi, etnik-ethnik lain yang di dalam Negeri Selangor yang terletak di atas tanah, sebidang tanah seluas 35 ekar di tebing Sungai Klang di tengah-tengah bandar raya Klang. Sejumlah RM5 juta telah diperuntukkan untuk tujuan tersebut dipercayai akan mampu meningkatkan elemen tarikan kepada projek Selangor yang akan datang.

Seterusnya saya ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat Meru iaitu tentang promosi. Dalam bentuk media cetak, promosi juga dilakukan melalui penulisan artikel

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

sejarah dan juga pelancongan yang banyak diterbitkan oleh media-media tempatan berbahasa Melayu, Inggeris seperti Harian Metro, Berita Harian, *The Star*, Gaya Travel dan lain-lain. Bagi media elektronik, pihak PADAT juga bekerjasama dengan produksi tempatan yang menerbitkan pelbagai dokumentari berbentuk penggambaran pelancongan yang ditayangkan di pelbagai stesen televisyen tempatan seperti RTM, Astro Ria, Astro Awani dan TV3 dalam bentuk media sosial. PADAT juga turut mengadakan promosi ke muzium-muzium dan monumen melalui laman *Facebook*, *Instagram* dan juga *Twitter* PADAT. PADAT juga sentiasa bekerjasama dengan pihak Tourism Sdn Bhd atau TSSB melalui program yang dianjurkan oleh Tourism Selangor yang turut disertai oleh pihak media tempatan dan luar negara serta blogger pelancongan dan penggambaran.

Bagi menjawab daripada soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Bukit Melawati. Buat setakat ini untuk penyediaan bahasa, PADAT belum lagi membuat kajian. Walau bagaimanapun, PADAT telah memulakan pengumpulan dan pengukuhan bagi bahasa Istana yang semakin pupus yang menyebabkan rakyat biasa tidak lagi menggunakan mengguna pakai semasa berada di Istana.

Dan satu lagi kajian yang sangat penting mengenai penggunaan tulisan jawi yang sedia ada di masjid-masjid tempat-tempat awam, kampung-kampung tradisi dan tempat-tempat bersejarah di Negeri Selangor dengan kerjasama dari Universiti Putera Malaysia atau pun UPM. Ini bertujuan untuk memastikan setiap ejaan jawi yang digunakan adalah betul daripada segi huruf penggunaannya.

Seterusnya soalan dari Bukit Melawati mengenai zon sejarah. Ini juga saya ingat berkaitan sekali jawapan untuk Hulu Kelang di mana zon sejarah ini mempunyai beberapa syarat-syarat iaitu yang pertama zon sejarah adalah satu kawasan yang dikenal pasti kawasan bandar asal tempat asal masih kekal asli bandar dan juga tapak tersebut. Majoritinya masih utuh dan tidak tercemar dengan aktiviti-aktiviti lain. Justeru kajian terperinci perlu dibuat bagi memastikan keluasan kawasan-kawasan berdasarkan petunjuk seni bina bangunan, kawasan asal dan jalan-jalan sungai serta perparitan asal. Seni kebudayaan mesti dipraktikkan termasuk aktiviti keagamaan, aktiviti harian di kawasan tersebut. Dan setakat ini PADAT ada mencadangkan supaya antaranya yang dijadikan sebagai zon sejarah iaitu Bandar Klang termasuk juga Bukit Melawati akan dijadikan sebagai zon sejarah, sekian terima kasih Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER : Kinrara.**

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Tuan Timbalan Speaker, saya ingin memberi maklum balas berkenaan isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lembah Jaya semasa sesi perbahasan Belanjawan. Yang Berhormat Lembah Jaya memohon untuk menambahkan kemudahan taman khususnya di kawasan *flat* kos rendah dan

## 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

juga banyakkan *landscape* yang menarik dan juga wujudkan jaringan hijau laluan pejalan kaki dan basikal.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 2021 peruntukan naik taraf infrastruktur dan kemudahan awam di kawasan PBT adalah dianggarkan sebanyak RM2.5 juta sahaja. Memandangkan peruntukan tidak besar, keutamaan akan diberikan bagi mana-mana kemudahan awam yang telah rosak dan perlu dibaiki segera. Bagi *landscape*, laluan pejalan kaki dan basikal, saya percaya pihak PBT telah mengambil inisiatif untuk merancang perkara ini dalam Bajet 2021 mereka. Sebagai makluman, PBT di Negeri Selangor telah pun mengambil inisiatif dalam menyediakan laluan basikal secara berasingan dengan jalan raya agar pengguna basikal tidak berkongsi bersama kenderaan lain. Sebagai contoh, Majlis Bandar Raya Shah Alam telah menyediakan laluan basikal bermula tahun 2015 bagi pembinaan laluan basikal fasa 1 sebanyak 9 kilometer. Disusuli dengan fasa 1A, sepanjang 15 kilometer dan kini fasa 2 sepanjang 5 kilometer. Sebahagian kawasan ini dilengkapi tempat letak basikal di landasan basikal dan papan tanda selain menjadi pelengkap perkhidmatan bas terutama bas Smart Selangor.

MBPJ pula sudah menyediakan jaringan laluan pejalan kaki dan basikal yang turut mengambil kira keperluan reka bentuk dan pencegahan jenayah. Bermula 2015, MBPJ mensyaratkan semakan keperluan penyediaan laluan pejalan kaki dan basikal bagi permohonan kelulusan projek di Petaling Jaya.

Yang Berhormat Lembah Setia juga menyentuh isu untuk mengadakan bengkel dan hebahan bagi aktiviti pengasingan sampah. Untuk makluman, inisiatif dalam pengasingan sisa pepejal telah mula dilaksanakan oleh PBT melalui projek perintis kitar semula. Di antaranya adalah bagi Majlis Bandar Raya Shah Alam telah mula melaksanakan program pengasingan sisa berskala kecil mulai tahun 2015. Dengan melibatkan sebanyak 8,449 unit rumah di kawasan perumahan bertanah iaitu *landed houses* terpilih sehingga tahun 2019 dan meningkat kepada 98 ribu unit pada Oktober 2018.

Kini MBSA akan merancang untuk memperluaskan lagi program tersebut di kawasan perumahan bertingkat. MBPJ pula telah mempunyai pelbagai program 3R. Pada tahun 2020, sebanyak 29% unit kediaman bertanah diberikan perkhidmatan kutipan barang kitar semula dari rumah ke rumah. Sehingga September 2020, sebanyak 90 tan sisa di *composed* dan sebanyak 341 tan barang kitar semula dikutip oleh rakan strategik dan 48 tan sisa makanan di *composed*.

MBSJ telah mewujudkan Pusat Biomass Bersepadu di mana aktiviti tertera daripada *composed* sisa kebun, *composed* sayur-sayuran, projek *worming composting* dan biogas *waste to energy* dan *anaerobic digestion*. Bagi MPS (Selayang) telah mewujudkan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan R&D Centre. Bagi pengurusan sisa domestik dalam kawasan pentadbiran MPS. Pusat ini menjadi projek perintis

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

sistem rawatan sisa domestik dengan kaedah *organocycler* di Rawang Integrated Industrial Park. Sisa domestik akan dihantar dan diproses untuk menjadi baja dan mengurangkan penggunaan tanah untuk tapak pelupusan sampah, sekian terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Persilakan Yang Berhormat Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Saya ingin menjawab beberapa isu berkaitan dengan Kompleks Sukan dan beberapa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Sungai Ramal, Rawang, Yang Berhormat Rawang dan Yang Berhormat Semenyih. Saya pergi dulu kepada Yang Berhormat Sungai Ramal yang membangkitkan tentang status pemulihan Kompleks Sukan Bandar Baru Bangi, cuma, adakah Yang Berhormat tahu bahawa, ketika kita memegang di Putrajaya, pada, setelah 2018, Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan pada waktu itu telah menurunkan bajet untuk membaik pulih Kompleks Sukan Bandar Baru itu dan termasuk proses membaiki balapan dengan menggunakan peruntukan di bawah Ahli Parlimen Serdang sekarang ini. Dan sepanjang tempoh lima (5) tahun, MPKJ tidak pernah, tidak membuka bajet. Ini kerana, pada waktu itu kita telah ada proses pembaikan dari Pusat, dan daripada Ahli Parlimen itu sendiri. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun ini, kita telah meluluskan bajet sebanyak RM128,280.00 kepada Sungai Ramal menaik taraf gelanggang sukan di Jalan PKNS 2, Sungai Ramal Luar, Kajang. Jadi, itu adalah permohonan Yang Berhormat dan kita telah meluluskan untuk tahun ini.

Yang kedua, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rawang, berkaitan dengan Padang Kenanga, yang daripada hemat Yang Berhormat, mengambil masa begitu lama untuk diselesaikan. Saya, keseluruhan permohonan yang Yang Berhormat Rawang serahkan kepada Pejabat kita untuk membaiki tiga (3) kemudahan sukan, *total* permohonan Yang Berhormat ialah RM1.95 juta, RM1.195 juta, jadi, sangat mustahil berdasarkan RM2.24 juta itu kita nak bagi jumlah tersebut kepada Yang Berhormat. Cuma Yang Berhormat, untuk padang yang disebut oleh Yang Berhormat itu, kita telah meluluskan sebenarnya, di bawah MPS. Iaitu, tidak semua. Kita tidak boleh mengeluarkan semua sebab keutamaan kita adalah kerja awalan termasuk meratakan tanah, menebang pokok, pembersihan, *top dressing* dan menanam pokok bagi *spot turfing*, kita telah luluskan. *InshaAllah*, Yang Berhormat akan mendapat kemudahan itu dalam masa terdekat. Untuk makluman Yang Berhormat juga, pada tahun 2019, jumlah peruntukan Kerajaan ke DUN Rawang itu sendiri adalah sebanyak RM124,925.00 bagi membaik pulih padang bola sepak Kampung Melayu Batu 16, Rawang, sudah diproses. Jadi, Yang Berhormat jangan risau, kita mengambil kira pandangan-pandangan Yang Berhormat itu.

Isu yang ketiga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Semenyih adalah berkaitan dengan padang di Seri Putra, saya memberi jaminan kepada Yang Berhormat

## 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

Semenyih, Yang Berhormat jangan risau, kita akan melihat kepada perkara tersebut. Walaupun dalam permohonan ke Pejabat kita itu, Yang Berhormat tak sebut pun tentang Seri Putra ini, kita menerima beberapa permohonan dan baru-baru ini kita telah meluluskan pembinaan gelanggang badminton sepak takraw di kawasan lapang Taman Kajang Prima Mukim Semenyih daerah Hulu Langat. Kita dah bagi juga walaupun Yang Berhormat daripada DUN Pembangkang, kita tidak politikkan isu gelanggang kegunaan sukan kita ini. Jadi, saya akan lihat kepada apa Yang Berhormat, Seri Putra tadi dan mudah-mudahan ia membantu Yang Berhormat untuk membangunkan kemudahan *sport* kita di peringkat DUN Yang Berhormat itu sendiri. Seterusnya dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Meru saya mengucapkan tahniah kerana ada di kalangan rakyat Meru yang menjuarai daripada segi sukan pemotoran ini. Kerajaan Negeri, kita tidak meninggalkan sukan pemotoran ini malah kita telah membina, telah menaiktarafkan sukan gelanggang trek sukan pemotoran di Kuala Selangor dengan kita baik pulih semua dan di situ adalah antara tempat yang kita gunakan sebagai sukan pemotoran.

Cadangan kedua kita adalah yang selama ini kita nak bangunkan ialah di Sungai Tua. Tetapi, berdasarkan daripada kajian yang telah dibuat oleh *consultant* kita, kawasan yang disebut di Sungai Tua itu seluas 20 ekar itu tidak sesuai kerana ia muka bumi yang tidak serata dan kawasan tersebut juga merupakan kawasan tadahan air. Jadi, kita sekarang ini menunggu dari Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor dan Pejabat Daerah Gombak untuk cadangan tanah tempat yang baru yang kita akan bina tidak lama lagi, *InshaAllah*. Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ijok, kita memahami *concern* ataupun prihatin Yang Berhormat tersebut, apa kah perlu sekarang ini kita, yang disebut itu RM44 juta tapi di sukan itu sahaja ialah RM10 juta. Untuk makluman Yang Berhormat, kita Kerajaan memang sangat mengambil berat tentang keadaan sekarang. Walau bagaimanapun, kekangan kita adalah, sukan ini Yang Berhormat tidak boleh tahun ini bajet, tahun ini *sport*. *Sport* ni kalau kita nak SUKMA pada tahun 2022, kita dah kena *start training* daripada sekarang. Dia tidak boleh pada tahun itu dan untuk makluman Yang Berhormat, atas keprihatinan kita juga, Kerajaan telah menurunkan bajet dari RM15 juta kepada RM10 juta pada tahun ini, atas unsur-unsur keperluan tempat-tempat yang lain. Jadi Yang Berhormat, gaji yang kita peruntukkan ini juga adalah sebenarnya untuk membantu kebajikan pemain-pemain kita. Gaji pentadbiran dan sebagainya. Jadi, saya kira kalau kita bandingkan RM10 juta *against* RM1.3 bilion belanjawan kita baru 0.9% digunakan untuk sukan bola sepak itu sendiri. Dan, *InshaAllah*, kita akan melihat yang mana yang tidak keperluan di tempat-tempat lain, kita akan kurangkan atas *concern* COVID sekarang ini.

Untuk makluman Yang Berhormat semua, sukan SUKMA memang telah diputuskan dalam Mesyuarat Tertinggi SUKMA kelmarin, bersama Yang Berhormat Menteri, kita terpaksa menunda SUKMA kita dari tahun 2021 kepada 2022. Jadi, selepas daripada 2022, 2024, dalam keputusan tersebut, Selangor dan Majlis Sukan Negara, *InshaAllah*, berpeluang menjadi tuan rumah selepas dari Johor, di Johor itu nanti.

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

Jadi, begitulah Yang Berhormat, sukan ini kita tidak boleh, pada tahun ini ia kena, ia ada *pro run* dia tu. Dia ada latihan, *training*, pemerhatian, pengawasan, baru lah pergi kepada *sport*. Baru-baru ini, kita memang Yang Berhormat daripada Sabak, memang dalam salah satu perbahasan menyebut, tak boleh ke kita tangguh SUKMA? Apa keperluannya sekarang? Cuma Yang Berhormat, *sport* ini kalau atlet-atlet kita, para pemain kita, para pemain kita, atlet kita, di mana ukuran mereka? Kalau kita gantung penyertaan kita dalam SUKMA, maka tidak ada lah *benchmark* ataupun pencapaian yang akan diukur oleh atlet kita ini. Jadi, Selangor adalah antara negeri yang terbaik dalam kedudukan SUKMA selama ini dan saya ingat kita akan terus *committed* dengan program SUKMA walaupun Sabak menyatakan keimbangan dalam SUKMA tetapi dalam masa yang sama dia nak juga bangunkan takraw di tempat beliau baru-baru ini. Tapi, komitmen Kerajaan Negeri adalah dalam rangka, walaupun dalam bajet yang kecil, yang terhad, komitmen kita adalah tetap menyertai SUKMA dan program-program di peringkat Nasional. Terima kasih Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Dipersilakan Yang Berhormat Seri Serdang.

**Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Yang Berhormat Sungai Ramal telah bertanya mengenai program-program pemberdayaan kaum lelaki ya, Yang Berhormat Tuan Speaker dan Yang Berhormat Sungai Ramal, sebenarnya VOT P.K. 6 ini walaupun dilihat sebagai Program Pembangunan Wanita, tetapi sebenarnya, memang ada ruang untuk kaum lelaki ya. Di dalam Program PWB kita, kita ada modul-modul pembangunan kapasiti, dan kita telah melihat bahawa program-program, modul-modul yang bersesuaian ini, memang juga dibuka untuk kaum bapa. Malah, saya sendiri telah melihat program kemahiran pun ada yang kaum bapa bersama dengan kaum wanita. Antara program-program pembangunan kapasiti, Pusat Wanita Berdaya yang sesuai untuk pemberdayaan kaum lelaki, ialah modul keusahawanan iaitu memberi pendedahan mengenai apakah itu keusahawanan dan tujuan menjadi usahawan, menyampaikan pengetahuan asas, memulakan perniagaan dan memperkasakan peserta untuk menghadapi dunia keusahawanan dan perniagaan yang mencabar.

Satu lagi modul yang kita memang buka kepada semua ialah Modul Asas Pelaburan. Mengenal pasti jenis-jenis pelaburan dan membuat penilaian prestasi pelaburan, kepentingan perancangan untuk ketidakpastian, perlunya perlindungan dan mengetahui jenis-jenis perlindungan yang berlainan, *tips* membeli insurans, polisi takaful, untuk mengelakkan perlindungan yang tidak perlu. Kita juga ada modul pengurusan kewangan peribadi dan keluarga. Ini ialah modul-modul asas, yang walaupun kita nampak macam, ‘ha yang ini untuk kaum wanita’, tetapi ramai juga kaum lelaki masih tidak memahami tentang pengurusan kewangan seperti pengurusan aliran tunai dan bajet, kepentingan pelaburan, asas meminjam dan pengurusan hutang. Jadi, war-war kan lah kepada rakyat kita yang kaum lelaki boleh sebenarnya bersama dalam program-program PWB. Kita ada satu lagi modul yang

## 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

mungkin menarik minat kaum lelaki ialah pendemokrasian dan hak rakyat ya, Pusat Wanita Berdaya mengalu-alukan penglibatan lebih ramai lagi kaum bapa ke program-program pembangunan kapasiti yang dianjurkan. Selain daripada dalam program PWB, Jawatankuasa Tetap Pembangunan dan Keluarga juga telah sebenarnya memperuntukkan RM200,000.00 untuk pelaksanaan program-program pembangunan keluarga dan kebapaan. Antara cabaran yang kami hadapi untuk menarik kaum bapa untuk program, untuk menarik orang lelaki kepada program-program yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Tetap Pembangunan Wanita ini, jadi kita buat program untuk pembangunan keluarga kerana kita tahu tanpa kaum lelaki, pembangunan keluarga juga akan terencat. Program Piknik Keluarga kita mulakan daripada tahun 2016, 2019 hari itu, ada Wacana Ilmu Kekeluargaan yang, semasa sebelum pandemik COVID, yang dianjurkan di Taman Tasik Shah Alam dengan jumlah kehadiran dianggarkan 500 hingga 1,000 orang setiap siri, makna bersama keluarga. Dalam perancangan kita, kalau tidak ada pandemik COVID ini, kita sudah bergerak ke daerah-daerah untuk menghampirkan lagi program ini kepada masyarakat. Dalam program ini, kita ada program bersama anak istimewa, Klinik Guaman Keluarga, pertandingan untuk anak-anak dan lain-lain ya, untuk kita menarik kaum bapa bersama dengan ahli keluarga. Tapi, pada tahun 2020 Program Piknik Keluarga ini, kita terpaksa ubah cara penyampaianya ke konsep *online* dan kita telah memulakan dalam *Facebook page*, Selangor 3W, ada 15 siri Wacana Ilmu Kekeluargaan akan dianjurkan bermula 7 November, sudah mula ya, dan program ini bersiaran selama 1 jam setiap Rabu dan Sabtu pukul 10.00 pagi.

Selain daripada Program Wacana Ilmu Kekeluargaan, terdapat juga program-program sampingan lain-lain untuk anak-anak dan memang sangat *inclusive* kepada kaum bapa. Kita ada satu program khas memang tujuanya kepada kaum bapa, Program *Papaku Adiwira* ya, yang ini adalah untuk kita meningkatkan pembangunan ataupun pemberdayaan kaum bapa untuk mengfokuskan modul kemahiran kebapaan. Dan pada tahun lalu kita ada 12 siri *Papaku Adiwira*, juga dilaksanakan untuk mengisi slot Karnival 3W sebelum Covid-19 ini, tetapi kali ini kita akan meneruskan sekali lagi dengan *Facebook page*, Selangor 3W ini, bermula daripada, akan bermula dalam bulan November ini dan sekali lagi pada hari Selasa dan Jumaat. Tetapi ini, malam jam 8.00 malam. Dan ini antara perkara-perkara yang kita lakukan untuk kita *inclusive* kepada kaum lelaki.

Mengenai persoalan program untuk mengajak kaum lelaki berhenti merokok, sebenarnya kita sudah mempunyai banyak program yang telah dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan ya, dan memang ini ditekankan di dalam, oleh Kementerian Kesihatan, telah memperkenalkan perkhidmatan berhenti merokok sebagai salah satu Program Kebangsaan dalam Pelan Strategik Kebangsaan bagi kawalan tembakau dan produk merokok yang terbaru 2021 hingga 2025 dan diselaraskan oleh Sekretariat *Framework Convention On Tobacco Control*, KKM, Putrajaya. Ini semua telah dimulakan dan di peringkat Kebangsaan sebenarnya, ia dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan sendiri. Di Selangor, kita ada 12 hospital, 73 Klinik

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

Kesihatan dan 65 *facility* swasta yang diakreditasi memberikan perkhidmatan ini sehingga Jun 2020. Kadar berhenti merokok bagi Negeri Selangor ialah 48.46% melepas sasaran Kebangsaan yang ditetapkan 30%. Maknanya *it's a good program* cuma hendak atau tidak pergi. Selain daripada itu kita ada Program Rumah Bebas Asap Rokok, RBAR juga diperkenalkan sebagai salah satu program kawalan tembakau yang dilaksanakan bagi mempromosi dan meningkatkan kesedaran komuniti masyarakat berkenaan bahaya asap rokok. Sehingga Jun 2020 sebanyak 1,060 rumah telah terlibat dalam program ini melibatkan 106 Lokaliti KOSPEN di seluruh Negeri Selangor. Program-program komuniti yang lain turut di adakan seperti *Blue Ribbon Campaign*, BRC, Kedai Majlis Bebas Asap Rokok dan Program mQuit di Institut Pengajian Tinggi dan mQuit Masjid dan Insyaallah Selangor juga akan menamakan 1 kawasan yang dipanggil *Smoke Free City Zone*. Saya belum lagi membuat keputusan kawasan mana yang ingin menjadikan *Smoke Free City Zone* ini maknanya tidak boleh merokok dalam kawasan itu saya menerima cadangan untuk kita fikirkan bersama dengan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor. Jadi ingat itu sahaja jawapan saya kepada Yang Berhormat Sungai Ramal. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Saya mempersilakan Yang Berhormat Pandan Indah.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker. Ahli- ahli Yang Berhormat semua saya akan cuba jawab sebahagian besar saya rasa tidak jamin boleh jawab semua tapi saya akan cuba jawab apa yang telah dibangkitkan. Yang pertamanya adalah berhubung dengan soalan daripada Yang Berhormat Banting tentang isu jalan B124 atau B126. Sebenarnya dua-dua Yang Berhormat, dua-dua yang akan diberikan pertimbangan dalam pelaksanaan. Ini merujuk kepada butiran pertama ialah PK020004 adalah membina jambatan bagi menyambungkan jalan B124 di Bandar Jenjarom ke jalan B340 ke Jalan Kampung Sungai Buaya. Ini akan melibatkan jalan *single carriageway* yang sepanjang jambatan ini 450 meter yang akan melibatkan penaiktarafan persimpangan di jalan B124. Kerja-kerja semua termasuk elektrik, perparitan dan sebagainya akan termasuk ke dalam skop. Yang keduanya adalah projek melibatkan jalan B126 iaitu Projek Menaik Taraf Laluan Alternatif ke Klang dari simpang laluan FT005 Kampung Jenjarom di bawah butiran PK04401 dan ini skop ini juga termasuk penaiktarafan dan jambatan sepanjang 28 hingga 12 kilometer mengikut *RR4 Dual carriageway, Dual line* sehingga *single carriageway*. Penaiktarafan persimpangan lampu jalan, parit dan semua termasuk di dalam skop kerja-kerja di bawah jalan ini yang B126 ini. Seterusnya Labuhan Dagang ini saya sudah maklumkan dan saya ulangi sekali lagi bahawa memang sudah siap Fasa1 cuma tidak siap ialah Sistem Retikulasi nya ataupun *piping* ke Jugra ke Kolam Imbangan di Jugra yang akan siap setahun lagi, Januari 2022 lebih kurang setahun lagi akan siap. Itu berhubung dengan Labuhan Dagang, kita memang beri perhatian penuh untuk memastikan bekalan air dapat di salurkan dengan baik di kawasan Kuala Langat. Untuk TKPM peruntukan RM1.9 juta ini untuk semua TKPM di bawah Jabatan Pertanian kecuali di Sungai

## 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

Kelambu kerana Sungai Kelambu TKPM nya masih belum selesai jadi saya minta kerjasama daripada EXCO yang menjaga Yang Berhormat Alam Sekitar kita yang menjaga di bawah Jabatan Hutan ini untuk dapat kita cari penyelesaian kepada isu ini supaya dapat, sekian lama saya faham Yang Berhormat Banting sudah banyak kali menimbulkan perkara ini supaya kita dapat selesaikan dengan segera isu berkaitan dengan TKPM di Sungai Kelambu ini. Seterusnya bagi jalan yang daripada Sungai Kelambu ke Genting Sanyen, ini merujuk kepada butiran PK03401 ini anggaran kos projek ini memang besar iaitu RM178,261,000.00 dan ia di peringkat memuktamadkan Pelan Pengambilan Tanah masih ada isu lagi dengan isu tanah dan pihak JKR dalam proses menyelaraskan jajarannya dengan pemaju, lain group dan melibatkan juga rizab hutan. Ini dalam proses untuk penyelesaian, skop projek beri jalan ini ialah sepanjang naik taraf sepanjang 1.5 kilometer dan membina jalan baru sehingga 7 kilometer dengan piawaian 4 iaitu *single carriageway* melibatkan juga penaiktarafan persimpangan pemasangan lampu jalan, perparitan dan semua berkaitan pembinaan atau penaiktarafan jalan, ini bagi Jalan Sungai Kelambu. Bagi jalan yang daripada Jalan Utama Seri Cerding P60 ke Interchange Gamuda Cove ini anggaran kos projek ini adalah RM168 juta di bawah butiran PK044002 ini melibatkan penaiktarafan jalan kampung kepada jalan *single carriageway* piawaian RR5 sepanjang 11.7 kilometer. Ini akan dibuat dibahagi kepada 2 Fasa, *pakage 1* sepanjang 3 hingga 4 kilometer dan *package 2* sepanjang 8 hingga 9 kilometer. Ini melibatkan 4 persimpangan utama dan juga semua yang berkaitan pemasangan lampu dan sebagainya semua terlibat di dalam projek ini. Kita akan peruntukan untuk RMK12 memberi keutamaan kepada Fasa 1 untuk memberikan jalan perhubungan jalan B60 ke arah selatan dan menghubungkan jalan ini sekarang yang ada Seri Cerding ini ke jalan dibina oleh Pemaju Gamuda Cove. Ini merupakan *priority*, keutamaan untuk menyelesaikan dan menyiapkan Fasa 1 dahulu jalan ini. Untuk seterusnya daripada Yang Berhormat Sentosa isu berhubung dengan Jalan Sungai Kandis. Untuk makluman Yang Berhormat, Jalan Sungai Kandis ini merupakan Jalan Negeri yang mana bersambung dengan Jalan Federal iaitu Jalan Kebun FT190. Jadi cadangan menaik taraf persimpangan Sungai Kandis ini telah dimasukkan ke dalam Projek RMK12 di bawah butiran PK04307 di bawah tajuk Penaik Taraf Persimpangan Jalan Sungai Kandis dengan anggaran kos RM12.9 juta. Projek ini melibatkan menaik taraf simpangan Jalan Sungai kandis dengan piawaian R4 membina jalan susur di persimpangan Jalan Sungai Kandis menaik taraf sistem perparitan dan juga isu-isu berkaitan dengan pengambilan tanah dan pengalihan utiliti. Ini termasuk di dalam projek yang di Sungai Kandis ini. Saya ingin juga menyentuh mengenai isu yang dibangkitkan oleh Taman Medan berhubung dengan perangkap sampah dalam peruntukan. Memang kita ad peruntukan yang disediakan untuk perangkap sampah di sungai-sungai yang kita kenal pasti dan kita akan terus memantau dan melihat keperluan untuk di kawasan Taman Medan ini sungai-sungai untuk perangkap sampah ini. Isu ikan patin ini saya hendak sebutkan di sini jangan hairan kalau ada ikan patin kerana sungai tercemar pun ikan patin ada sebab dia memang *resilient* ikan ini dia boleh hidup, memang besar-besar di Sungai Klang ini dan kebanyakannya ditangkap dibuat *fishball*. Jadi kalau hendak makan *fishball* kena hati-hati memang ikan daripada Sungai Klang

memang ada ikan patin ini besar-besar. Ini untuk makluman sahaja, maknanya tidak semestinya air yang bersih dia boleh hidup semua boleh hidup dalam air yang agak tahan lasak sikit ikan ini. Saya sebenarnya ingin menyentuh juga yang dibangkitkan oleh Pandamaran isu berkaitan dengan infrastruktur yang hanya fokus pada Jalan Bukit Rimau, Jalan Teluk Gong dan sebagainya minta beri perhatian jalan kampung. Untuk makluman Yang Berhormat peruntukan P12 ini Jabatan Kerja Raya adalah peruntukan Jalan-jalan Negeri. Walau bagaimana bagi cadangan-cadangan menaik taraf jalan kampung ia akan dipohon ke Kementerian Luar Bandar. Jadi setakat ini saya tidak tahu sama ada peruntukan datang daripada Kementerian Luar Bandar untuk menaik taraf jalan-jalan kampung. Walau bagaimanapun pihak JKR memantau dan menghantar permohonan melalui Cawangan Jalan JKR Malaysia bagi mendapatkan peruntukan untuk menaik taraf jalan-jalan kampung yang terletak di tanggungjawab di bawah Kementerian Luar Bandar dari segi peruntukannya dan sehingga 30 Oktober 2020 pihak JKR Selangor telah menerima 18 permohonan di peringkat daerah untuk menaik taraf jalan-jalan kampung ini dan telah memajukan permohonan tersebut kepada Cawangan Jalan JKR Ibu Pejabat pada 30 Oktober 2020 baru-baru ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Pandamaran yang begitu prihatin tentang masalah surau, masjid dan KAFA. Ini sebenarnya saya kagum kerana membuktikan bahawa ADUN DAP prihatin kepada masalah-masalah agama Islam. Tidak pernah mengatakan DAP tidak peduli kepada isu-isu berkaitan agama Islam, jadi tahniah. Untuk seterusnya berhubung dengan komen yang dibuat oleh Yang Berhormat Sungai Ramal, jadi saya hendak maklum kepada Sungai Ramal tidak benar isu tidak ada tidak bayar *bill* elektrik tidak betul saya pun awal-awal saya sudah tahu. Setakat ini pihak JKR memang tidak ada isu dari segi bayaran *bill* elektrik tapi ada agensi lain saya tidak mahu sebut nanti ada orang kecil hati nanti yang tidak bayar *bill* elektrik. Saya dapat aduan daripada pihak TNB ada yang tidak bayar tapi bukannya JKR, JKR bayar. Isu sebenar di sini ialah yang tidak menyala disebabkan kerja-kerja penggantian kabel yang berlaku dan dilaksanakan di sekitar Persiaran Pekeling dari Seksyen 7 hingga ke Bulatan NIOSH, Itu yang berlaku dan kita melakukan penggantian ini maknanya kabel yang menyambungkan ke meter TNB memang akan dipotong untuk mengelakkan daripada berlaku perkara yang tidak diingini dan sekarang kerja penambahbaikan telah dilaksanakan dan selesai bekalan elektrik telah disambung semula bukan tidak membayar *bill*. Jadi berkaitan lampu jalan ini juga saya hendak sebut secara umum bahawa pelaksanaan lampu jalan yang dibuat di Klang ini adalah istimewa sedikit yang hendak saya bagi tahu kerana Klang ini dapat peruntukan tambahan daripada Federal untuk lampu-lampu jalan termasuk maknanya dapat 542 unit untuk Lampu Solar LED ini. Peruntukan Negeri hanya 60 unit sahaja yang kita agih-agih kan. Jadi walau bagaimanapun kita pihak Negeri tidak mendiskriminasikan atau menganak tiri kan mana-mana pihak. Kita akan laksanakan penggunaan Lampu Solar LED mengikut keutamaan untuk membuat semua serentak tidak mustahil. Jadi kita akan mengikut keutamaan berdasarkan kepada 2 perkara. Satu kadar vandalisme takat mana paling tinggi vandalisme yang itu paling cepat kita ganti tapi jangan la galakkan orang vandalisme lampu-lampu ini. Jadi kita beri keutamaan dan yang ke dua nya masalah menyambung kepada bekalan kepada

*feeder pillar.* Itu kalau jauh dari *feeder pillar* untuk sambung bekalan elektrik bagi lampu maka tempat itu melayakkan untuk jadi keutamaan dipasang lampu solar LED ini tetapi memang kita cadangan kita memang akan menggantikan keseluruhan nya dengan lampu ini kerana lampu ini dia lampu yang mesra alam dan kedua ialah memang akan mengurangkan atau tidak ada kalau trip dia memang tidak ada tetapi kos penyelenggaraan tetap ada kerana bateri *after certain years* kota kena ganti tetapi mungkin 3 tahun ke atas. Tetapi mengurangkan dari segi *bill* elektrik kita dan yang paling penting ialah vandalisme di minimumkan seminimumnya ini yang kita jadikan keutamaan dan kita akan buat berperingkat-peringkat di semua tempat saya sudah dapat permohonan ramai daripada Yang Berhormat minta dipasang di tempat mereka kerana terlalu banyak *publicity* oleh Pelabuhan Klang ini tetapi tidak apa kita akan mengambil perhatian perkara ini. Seterusnya tentang isu yang di bangkitkan oleh Kota Anggerik ada menimbulkan mengenai saya minta maaf kerana lambat sedikit tetapi di dalam masuk dalam bajet tahun ini RM10 juta untuk Pembangunan Kolam Takungan Banjir bagi menyelesaikan masalah banjir di Taman Mutiara ini lambat bukan kerana apa kerana tanah itu milik Lembaga Lebuh Raya Malaysia sebab itu lambat sedikit proses hendak dapat kebenaran walaupun Pengerusi ada sini, tidak ada Pengerusi Lembaga Lebuh Raya ada di sini tetapi kita telah berjaya dapat kelulusan dan kita akan mula laksanakan kerja-kerja awal untuk mereka bentuk dan sebagainya bagi penyelesaian bagi banjir Taman Mutiara. Tentang isu yang dibangkitkan oleh Sabak tadi, Sabak banyak menimbulkan isu pertanian yang saya akan jawab. Pertamanya untuk makluman isu padi ataupun benih padi atau pun benih ini sebenarnya bukan di bawah tanggungjawab negeri ini memang diuruskan oleh kementerian Pertanian dan memang ada isu sedikit dari segi kuota sebab apa keperluan Negeri Selangor ni setahun ialah benih padi ialah 45,000 tan, hanya satu sahaja syarikat yang membekal di Selangor ini iaitu, HMN Malaysia Sdn. Bhd yang hanya kuota 20,000 tan jadi maknanya lagi 25,000 tan perlu didapatkan diperolehi daripada negeri-negeri lain, ini yang sebenarnya hakikat yang apa-apa maklum balas daripada kita, kita akan sentiasa berhubung dengan Kementerian Pertanian untuk memaklumkan akan isu ini dan saya rasa ada *feedback* daripada kita kepada mereka.

Berhubung dengan isu rawatan tanah yang ditimbulkan itu untuk makluman Yang Berhormat isu rawatan tanah ini memang ada peruntukan melalui Jabatan Pertanian tapi juga di bawah UPEN pun kita ada menyediakan juga dan kita pun telah pun melaksanakan di beberapa kawasan di Parit 10 kalau tak silap saya untuk rawatan tanah dan kita dapati memang hasilnya sangat bagus, hasil padi telah meningkat di kawasan ini lebih kurang dalam 60 hektar yang kita usahakan sebagai *trail* atau pun projek perintis ini memang menunjukkan bila kita buat rawatan menggunakan kaedah-kaedah mesra alam dan juga EM ini *Micro* ini kita dapati selepas 2 musim, 3 musim meningkat hasil mereka dan ketahanan pokok pun tinggi sekitarnya semua kena penyakit tapi kawasan ini tidak mana ketahanan pokok itu lebih tinggi jadi kita akan perluaskan untuk musim-musim yang akan datang ke kawasan-kawasan yang lebih luas, tapi peruntukan negeri ini sebagai mana sedia maklum sangat terhad kerana kawasan padi luas 18,000 hektar, dan diusahakan di bawah IADA Barat Laut Kerajaan

## 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

Persekutuan sebab itu bantuan bantuan dan sebagainya kebanyakannya kita bergantung pada Kerajaan Pusat untuk membekalkan peruntukan bagi menampung kalau kita sahaja tidak mampu kita untuk mengendalikan kawasan yang sebegini luas jadi kita akan terus berhubungan dengan mereka.

Untuk yang Pelabuhan Kelang yang isu jalan tadi yang merujuk kepada PK04304 iaitu Menaik taraf Jalan B148, jalan Teluk Gong dari Persimpangan Glenmarie Golf sehingga ke Persimpangan Jalan Ikan Tenggiri ini merupakan projek sambungan kepada RMK12 daripada RMK11 ke RMK12 sambung ya. Dengan anggaran kos sebanyak RM128,0830 serta projek ini ialah dimuktamadkan pelan pengambilan tanah Seksyen 4 dan Seksyen 8 masih belum dalam proses memuktamadkan pengambilan tanah Seksyen 4 dan Seksyen 8,proses carian rasmi telah pun dibuat dan sebanyak 137 lot terlibat peruntukan untuk 2021 adalah 4.8 juta bagi urusan urusan pengambilan tanah yang akan berlaku di jalan ini. Panjang jajaran ialah 6 kilometer dan mengikut U3 iaitu 4 lane dan lebar jalan 3.2 meter melibatkan semua laluan motosikal, jalan lampu, perparitan dan sebagainya termasuk dalam skop bagi jalan ini. Saya rasa yang banyak ditimbulkan di Lembah Jaya tak ada ya.

Bagi daripada Dusun Tua tadi yang Berhormat Dusun Tua yang banyak bertanyakan mengenai isu Rancangan Tambatan Banjir, untuk makluman sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa Projek Tambatan Banjir di kebanyakannya projek yang besar-besar ini di bawah pembiayaan Kerajaan Persekutuan yang kita telah memohon saya dah sebut perkara ini dan saya sebut sekali lagi di peringkat awalnya memang menjadi keutamaan di bawah sekarang ini kasar ya, air ya memang diletakkan keutamaan untuk Projek Tambatan Banjir bagi Sungai Langat ada 3 Fasa keseluruhannya melibatkan kos 500juta cuma yang pertama yang telah lulus dan dalam proses pelaksanaan tapi yang dua lagi kita dapat makluman telah turun dia punya keutamaannya, saya harapkan dan menyeru supaya pihak Kerajaan Pusat Persekutuan akan memberi pertimbangan kerana kawasan ini melibatkan terlalu ramai penduduk yang supaya dapat dinaikkan, dalam masa yang sama juga saya telah melawat beberapa tempat itu baru ini dan telah mendapat maklum balas daripada pihak JPS supaya berapa tempat tertentu ini boleh sebenarnya kita cari kaedah jangka pendek untuk kita atau menjangka sederhana untuk kita kurangkan kesan daripada banjir ini untuk termasuk di jalan di Batu 10 yang saya melawat baru-baru ini memang saya rasa boleh dibuat dengan kita menaik taraf Ban di situ dan juga jadi peruntukan 10juta itu saya dah bincang dengan JPS mungkin kita akan kaji semula, kita akan cari bagaimana supaya kita dapat mulakan kerja-kerja di situ, kalau tengok di situ RM10.00 dia punya siling dia tak apa kita akan tengok macam mana saya bagi jaminan kita akan cari jalan untuk membantu mungkin kita boleh tengok caruman parit untuk kita gunakan peruntukan untuk bantu, itu saya kolam-kolam takungan ini saya dah sebut banyak kali kolam takungan ini untuk makluman semua bukan kita pihak JPS tak nak uruskan tapi daripada 600 kolam yang ada di seluruh Selangor ini yang betul-betul di bawah JPS ini sekarang hanya di sekitar 160 lebih sahaja, proses nak ambil alih itu makan masa dia bukan boleh ambil alih begitu sahaja

## 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

nanti tanah orang silap-silap pernah satu ketika pernah di saman kena *enclose* kena *transpassing* memang ada berlaku, dia tidak kena tahu status nak kena buat penyerahan nak kena buat *engineering, drawing* dan sebagainya nak cek status tanah dan sebagainya perlu dibuat dan kita dalam proses memang kita bantu JPS untuk terus menerus menambah jumlah-jumlah kolam ini supaya mereka akhirnya dapat mengambil alih ke semua kolam-kolam takungan yang ada bagi memudahkan kerja-kerja penyelenggaraan bagi banjir ini.

Seterusnya untuk saya akur pada pandangan daripada Yang Berhormat Meru, memang kita ada buat sebenarnya contohnya yang terbaru di Jalan Shorea itu Persiaran Shorea memang kita sebab kita bagi amaran lepas notis, lepas notis, kita tak buat apa-apa dia masih lagi membiarkan lembu berkeliaran sehingga jalan di situ dah setahun siap tak boleh nak buka jadi saya terpaksa ambil langkah-langkah dan saya bawa dalam Mesyuarat Exco kita luluskan mana kita ambil tindakan penguatkuasaan kita tangkap lembu-lembu ini, bukan mudah ada beratus ekor kerbau ada 700, lembu tak tahu berapa ratus ekor jadi berkeliaran sana sini jadi kita tangkap kita bawa ke kandang dan kita jual kita tidak serahkan balik jadi selepas 2, 3 kali kita buat 20 ekor, 20 ekor akhirnya dia pun setuju pindah, pindah ke tempat lain jadi tapi dalam masa yang sama kita menyediakan tempat kita bagi peluang macam, kalau di sekitar Kelang ini kita bagi Olak Lempit, Olak Lempit ni bukan untuk semua ya untuk beberapa sahaja yang ada di sekitar Kelang sahaja tempat lain kita ada lagi tempat-tempat lain yang kita sedang bangun dan di bawah perancangan kita ada 85 pemilik lembu ada 85 ikut bancian kita yang mengusahakan lembu-lembu merayau ini, 85 lembunya lebih kurang 4000 lebih seluruh Selangor kita dah rancang saya dah minta Jabatan Veterinar menyediakan pelan untuk 3 tahun penyelesaian bagi memindahkan semua lembu-lembu ini ke tempat translokasi, kegagalan selepas itu, baru kita ambil tindakan drastik untuk menangkap dan juga untuk kita bagi alternatif dulu, Kerajaan Selangor memang begitu kita bagi alternatif dulu kalau degil tidak mahu akan menyebabkan kepayaan, kemalangan jalan raya yang masuk *shopping* ke *supermarket* yang pergi melawat ke hospital pun ada lembu-lembu ini jadi kita bagi peluang dulu untuk tindakan-tindakan ini kalau masih lagi berdegil maka kita terpaksa ambil tindakan untuk menyelesaikan isu-isu ini.

Saya untuk Bandar Utama saya akan teliti nanti memang saya faham Projek Tambatan ini memang *ongoing* cuma makan masa tapi dan saya faham baru pun berlaku banjir besar di situ tengok macam mana kaedah tapi agak sukar di situ kerana tempatnya agak sempit, sungainya tapi airnya banyak jadi salah satu alternatif lain ialah *flag wall* kita, *flag wall* kita nak buat kita nak tengok dalam konteks *overall* punya *planning* sama ada sesuai atau pun tidak kita tidak boleh buat Ban ya sebab dia tak ada tempat lagi memang sesak di situ saya dah melawat dah tengok jadi tidak dapat kesesuaian kita akan tengok macam mana nak selesaikan untuk jangka pendek.

Saya minta maaf pada Yang Berhormat Ijok bukan kita menganak tiri sesiapa kita memang kita bagi bawah Rancangan Tambatan Banjir Sungai Buloh pun RM42juta

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

memang untuk penyelesaian isu dan sekarang sedang berjalan saya tahu tidak lengkap lagi masih ada lagi ruang-ruang untuk dibetulkan untuk banjir di situ tapi kita akan tengok dan teliti yang jalan itu pun kita dah ada pelaksanaan sebab jalan ini kita ikut keutamaan juga yang mana nak naik taraf, yang mana nak buat baru kalau tidak kewangan kita terhad untuk kita nak. Saya dah sebut berkali-kali dalam dewan ini kebanyakan jalan kita dah perlu di naik taraf kerana telah *expired* dan itu saya dah minta daripada JKR untuk kenal pasti berperingkat-peringkat jalan mana di naik taraf tapi mesti dia perancangan jangka panjang untuk naikkan kalau tidak kita tampal, tampal, dia tidak akan selesai masalah tambah pula lori kita biasa *overloading*, *overloaded* kemudian diikuti tanah kita pula di tambah lagi dengan keparahan kita ialah tanah-tanah pula tanah yang tanah yang gambut yang begitu lembut dan memerlukan kos yang tinggi untuk rawatan ini untuk ketahanan jalan ini yang menjadi isu besar yang kita perlu hadapi.

Saya ingin juga, saya *take note* apa yang Kuang timbulkan saya pun dapat surat cinta dari dia dan saya akan tengok daripada Jeram, daripada Kuang pun saya faham apa soalan yang ditimbulkan saya akan tengok balik apa isu yang berkaitan Jalan Melati ini yang disebut tadi kadang-kadang isu sebenar jalan ini saya nak maklum pada Yang Berhormat semua, Ahli Yang Berhormat dia ada dua isu besar yang kita jalan bukan pasal teknikal, isu dia mengalih utiliti, walaupun kita kenal pasti utiliti ada di bawah tak susah hal itu kita pakai *GPR very easy* kita boleh kenal apa duk bawah tu, paip air, paip kabel boleh kenal, masalah nak minta utiliti dialihkan, itu makan masa kadang-kadang setahun kalau di Wisma tu dekat Jalan Cheras dah setahun lebih kabel tak boleh alih lagi, kerana ada banyak kekangan dan sebagainya. Ini yang selalu mengganggu kemajuan jalan kita, pengalihan utiliti dan yang ke dua ialah isu kalau terlibat dengan pengambilalihan tanah ini yang dua isu besar yang selalu mengganggu dan kita akan teliti balik tengok apa masalah sebenar di situ saya akan dapatkan dan akan beri fokus Jalan Melati di Kuang itu.

Dan juga yang disebut Yang Berhormat Bukit Melawati pun tentang persimpangan yang bahaya pun saya akan teliti dan lihat balik apa yang isu-isu ini saya akan benda ini Yang Berhormat tak perlu dalam ini kalau nak timbul boleh la tapi waktu lain boleh, maklumkan pada saya, untuk saya ambil tindakan tak perlu kita tunggu sidang dewan untuk penyelesaian pada isu-isu berkaitan infra ini saya akan selesaikan sebaik yang mungkin. Saya rasa masa pun dah agak terhad

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Pertanyaan, Tuan Timbalan Speaker

**TUAN SPEAKER :** Seri Setia

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Seri Setia saya tak jawab, ada tanya ker tadi

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Yang Berhormat Pandan Indah saya mentang-mentang soalan saya celahan nampak macam tak dijawab

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Dalam nota saya tak ada

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Memang dicelahan-celahan ini memang susah sikit, pertanyaan saya tentang bagaimana mungkin rakan-rakan Yang Berhormat yang lain nak tahu masalahnya kami yang terlibat dengan jalan di bawah *federal* jadi bila kita buat aduan Kerajaan Negeri akan kata bawah federal jadi boleh tak bagitahu bagaimana macam mana kita nak selesaikan masalah ini

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Saya pun telah minta JKR, menyediakan semua aduan ataupun cadangan kita berhubung jalan-jalan *ederal* yang ada di Selangor tunggu saya akan dapatkan saya nak tengok setakat mana banyak mana aduan atau pun permohonan yang kita pohon daripada JKR Malaysia untuk dapat peruntukan bahawa jalan *federal* dan berapa banyak kita dapat daripada situ saya akan ambil tindakan susulan apa isu-isu sebab terlalu banyak angka pun tak ada angka yang tepat dan isu ini saya akan bawa untuk tegaskan lagi isu ini di peringkat sana untuk dapatkan, bajet dia memang peringkat awal saya jumpa banyak kali terhad tapi terhad makna nya akan beri kesan besar pada Negeri Selangor kerana jalan macam seperti *Federal Highway*, jalan utama lampu jalan pun masalah, banjir, apa ni laluan motosikal pun jadi isu banyak jadi benda-benda akan mengganggu dan dianggap mohon Kerajaan Negeri tak ambil berat mengenai apa yang berlaku di jalan-jalan ini,bagi rakyat dia tak kira jalan *federal*, jalan apa ini jalan perlu diselesaikan jadi ini yang menjadi fokus kita untuk selesaikan.

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Kota damansara

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kota Damansara

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Terima kasih, saya tak pasti sama ada EXCO ini atau pun EXCO Agama cuma yang Berhormat menjawab tentang soal Surau, Pandamaran tadi. Dalam Perbahasan saya, saya ada sebut pembinaan dua masjid, Masjid Kota Damansara II, Masjid Subang Bestari. Kemudian ada juga saya sebut tentang Sekolah Agama Menengah Tinggi Seksyen 11, Kota Damansara, dan juga lagi satu pembinaan kuil RRI tidak ada dalam jawapan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM :** Kita bagi EXCO Agama menjawablah sebab nanti dia tak ada apa nak, saya juga yang nak jawab semua. Cuma dalam bab-bab pembinaan masjid, surau memang di bawah JKR tapi tanggungjawabnya JAIS la ya, di bawah tanggungjawab JAIS. Dari segi pelaksanaan teknikalnya ya, di bawah tanggungjawab JKR. Jadi saya minta nanti Yang Berhormat EXCO akan menjawab. Jadi saya rasa saya telah kalau ada belum..

## 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

**Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR :** Maaf, yang kuil tu macam mana? Adakah?

**Y.B. TUAN Ir. IZHAM BIN HASHIM :** Pembinaan kuil, di bawah EXCO Agama juga ya? Nanti ada orang akan jawab, jangan bimbang. Jadi saya rasa itu sahaja, kalau ada lain-lain yang saya tertinggal nanti saya boleh, saya akan hubungi bertulis dan sebagainya. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Saya mempersilakan Yang Berhormat Sungai Kandis.

**Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI :** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Speaker, yang telah memberikan ruang kesempatan kepada Sungai Kandis untuk memberi maklum balas kepada semua isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Dewan sekalian. Ada 6 orang ataupun Ahli Dewan yang telah mengemukakan isu-isu di kawasan masing-masing dan saya mulakan dengan Pandamaran. Dan saya setuju dengan Pandan Indah bahawa Pandamaran walaupun di luar dianggap sebagai anti Islam, ada pengaruh komunis dan sebagainya tetapi nampaknya dia begitu bersungguh-sungguh memperjuangkan isu surau ini dengan mengemukakan sejumlah peruntukan untuk membaik pulih. Namun begitu setelah saya membuat semakan di Pejabat Agama, kedua-dua surau ini Surau Al-Hijrah dan Surau Darul Muhibbah ini belum berdaftar dengan Pejabat Agama Islam dan disarankan supaya Jawatankuasa berkenaan untuk membuat pendaftaran dengan Pejabat Agama Islam dan pastikan status tanah untuk pembinaan itu telah diselesaikan. Kemudian, Taman Templer walaupun tidak hadir kerana masih dalam tempoh berpantang dan diwakilkan kepada Rawang, bertanyakan tentang Masjid Selayang Mutiara. Tapi saya percaya Taman Templer mengikuti persidangan kita ini. Jawatankuasa penaja pembangunan telah memohon pembinaan masjid baru di atas tapak wakaf Ibnu Sod iaitu tapak masjid seluas 5,042 meter persegi. Permohonan telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kariah Masjid pada 10 Mac 2015.

Namun kami difahamkan Jawatankuasa Pembinaan telah memulakan pembinaan terlebih dahulu tanpa pengetahuan pihak JAIS. Ketika ini pembinaan masjid tersebut menghadapi sedikit masalah dengan pihak Majlis Perbandaran Selayang kerana tidak mengemukakan Pelan Kebenaran Merancang.

Berkenaan dengan Masjid Selayang Pandang, pihak masjid bercadang membina masjid baru di tapak yang telah diberi kebenaran oleh pihak MAIS pada tahun 2018 dan telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor (JATUMS). Namun pada tahun 2020, Jawatankuasa Penaja Pembinaan Masjid telah mengemukakan permohonan untuk membatalkan hasrat pembinaan masjid baru disebabkan ketiadaan dana dan memohon kelulusan pengubahsuaian dan pembesaran bangunan masjid sedia ada. Permohonan tersebut telah diluluskan oleh JATUMS pada 12 Ogos 2020 yang lalu. Jawatankuasa Penaja sedang mendapatkan dana bagi pengubahsuaian masjid tersebut.

Hal yang dibangkitkan oleh Kota Damansara, saya, Kota Damansara nampak bersungguh berkali-kali dia bangkit memperjuangkan masjid ini dan saya kemukakan jawapan yang lebih terperinci untuk Masjid Kota Damansara II. Kos masjid untuk Kota Damansara II ini berjumlah RM12.4 juta dan projek ini akan dimulakan bermula tahun

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

2022 dan dengan dana berjumlah RM10 juta, tahun 2023 RM1.4 juta dan tahun 2024 RM1 juta sehingga lah projek tersebut selesai. Manakala Masjid Subang Bestari, projek ini menelan belanja RM12 juta dan peruntukan dipecahkan mengikut tahun juga. Tahun 2021, RM3 juta, tahun 2022 RM3 juta dan tahun 2024 RM3 juta.

Kemudian Sabak membangkitkan Masjid Badli Shah Parit 6 dan Masjid Mohammad Parit 10, betul ya. Kedua-dua masjid ini memohon untuk pembinaan masjid baru dan telah dimasukkan ke RMK12 tetapi telah ditolak dan disarankan kepada pihak Jawatankuasa Masjid agar memohon untuk baik pulih dan juga mengajukan permohonan kepada pihak Pejabat Agama Islam Daerah. Bukit Melawati mengemukakan isu Masjid Sultan Ibrahim yang belum ada kemudahan untuk Orang Kelainan Upaya dan disarankan juga kepada pihak pengurusan masjid agar memohon kepada Pejabat Agama Islam Daerah untuk menambah kemudahan tersebut ataupun permohonan untuk naik taraf. Dan juga kepada masjid-masjid lain disarankan juga agar menyediakan kemudahan untuk Orang Kelainan Upaya agar mereka juga dapat hak untuk sama-sama menunaikan solat berjemaah di masjid. Jadi saya kira itu sebahagian daripada persoalan-persoalan yang dikemukakan, yang lain-lain adalah isu berkaitan masjid dan berkaitan dengan sekolah saya ingat EXCO Pendidikan yang akan menjawab. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Saya mempersilakan Yang Berhormat Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Saya ingin menjawab beberapa persoalan yang ditimbulkan, terutamanya daripada Taman Medan yang menyentuh tentang PK15003 berkaitan dengan Bangunan, Skim Ceria yang dimaklumkan bahawa ia perlukan beberapa tumpuan kepada kawasan Yang Berhormat.

Untuk makluman Yang Berhormat Skim Ceria kita ataupun yang dilaksanakan sebenarnya kita melihat kepada program ataupun pangsapuri yang sebenarnya yang melibatkan kos sederhana ataupun kos sederhana rendah yang mana merangkumi 1,182 pemaju strata, kos rendah dan juga 730 sederhana rendah di Negeri Selangor ini. Tetapi untuk makluman Yang Berhormat sebenarnya kita yang telah tahu memang kita tahu tindakan nya sebelum tahun 2008, banyak program-program penempatan semula setinggan ini dibuat dan akhirnya pembangunan itu kemungkinan banyak yang kita lihat ia tidak tersusun dan dirancang dengan baik. Oleh itu ingin saya bacakan sedikit di sini sebenarnya Taman Medan agak bertuah sebab daripada semenjak 2010 telah pun mendapat lebih kurang 11 program yang telah di manfaat oleh Program Ceria ini kerana kita lihat tempat-tempat yang dilaksanakan itu sama ada membaik pulih 4 unit lif, kita ada setiap, kalau kita tengok setiap daripada program atau pun permohonan dari Skim Ceria ini kebanyakannya adalah pemberian lif. Dan *InsyaAllah* saya akan bekalkan kepada Yang Berhormat tentang *detail* permohonan ini.

Tetapi untuk Dewan yang mulia ini saya ingin memaklumkan dahulu Skim Ceria ini tidak menggunakan Peruntukan Pembangunan, ia adalah datang dan terus daripada Perbendaharaan Negeri tetapi untuk tahun 2021, mula dimasukkan di bawah Peruntukan Pembangunan. Jadi untuk itu lebih mudah kepada Yang Berhormat untuk

## 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

meneliti satu persatu tetapi ia diuruskan di bawah Tabung Amanah Skim Ceria di bawah Lembaga Perumahan Hartanah Selangor.

Itu berkaitan dengan Taman Medan dan isu yang disinggung ataupun yang dibangkitkan oleh ADUN Sungai Air Tawar berkaitan dengan projek terbengkalai Pangsapuri Rimau Indah, mukim dan daerah Petaling. Okey. Di sini ingin saya nyatakan dan saya rasa Pejabat Menteri Besar telah pun dapat memorandum tetapi sedikit latar belakang ingin saya beri sebab ditanya oleh Air Tawar projek perumahan Pangsapuri Kos Rendah Rimau dimajukan oleh Tetuan Rimau Indah Sdn. Bhd. Ia sepatutnya siap pada 2004 tetapi pemaju telah dikenakan Perintah Penggulungan oleh Mahkamah pada 23 Julai 2009 dan diletakkan di bawah Pelikuiditasi ataupun *Liquidator* dengan izin itu iaitu Ferrier Hot Gasson MH Sdn. Bhd sekarang ini. Pejabat Tanah juga telah melaksanakan perampasan tanah di atas kegagalan tuan tanah menjelaskan cukai tanah tertunggak.

Jadi MMKN Ke 34/2017 telah meluluskan agar projek ini dijual secara tender terbuka dengan mengenakan harga simpanan ataupun *reserve* kepada mana-mana pemaju yang berminat untuk membangunkan semula projek ini yang diuruskan oleh Pejabat Tanah dan juga Galian Selangor dengan disyaratkan di dalam tender supaya pemaju perlu membuat penyelesaian secara menyeluruh dengan pembeli-pembeli asal ini sebelum sebarang kerja-kerja dibangunkan. Jadi maknanya *Liquidator* telah pun ada dan ada Perintah Mahkamah tapi sekarang ini kita isunya adalah bila mana di ketika ini sehingga ini kita lihat telah, mereka telah mengemukakan cadangan Skim Penyusunan Semula tetapi kita lihat di sini Skim ini tidak dapat dilaksanakan sehingga Pelikuiditasi ini mengemukakan sepenuhnya 331 pembeli. Buat masa ini Pelikuiditasi ini hanya dapat menyerahkan ataupun mengenal pasti 179 orang sahaja daripada 331 pembeli yang dapat dikenal pasti.

Jadi pihak Kamar Penasihat Undang-undang Negeri dan PTGS akan meneliti semula cadangan Pelikuiditasi ini dan akan memberikan ulasan dari segi perundungan teknikal tentang tanah sebelum sebarang cadangan penyelesaian diangkat kepada Pihak Berkuasa Negeri. Jadi untuk makluman Yang Berhormat Sungai Air Tawar, sebenarnya Tabung Tepat, saya ingin maklumkan mungkin untuk makluman Yang Berhormat yang lain juga, Tabung Tepat yang diwujudkan itu bukanlah tujuannya untuk menyelamatkan projek terbengkalai tetapi Tepat adalah satu tabung yang diwujudkan dari tahun 2015 *one off* daripada Kerajaan Negeri Selangor yang mana ia adalah untuk program pemulihan infrastruktur seperti longkang, jalan, bekalan air, tangki *septic* dan sebagainya. Bukan menyelamatkan projek pemajuan yang ada.

Jadi itu maklum balas saya kepada Sungai Air Tawar. Tentang Yang Berhormat Kota Anggerik yang bertanya tentang bagaimana untuk menaik taraf perumahan lama terutamanya yang berada di Seksyen 6, 18 dan selainnya ataupun Seksyen 8, jadi ingin saya kata di sini bahawa sebenarnya Kerajaan Negeri secara khususnya belum ada rancangan terperinci. Ya belum ada rancangan terperinci untuk ketiga-tiga kawasan ini. Walau bagaimanapun ada keinginan atau pun kita ada keinginan mendengar daripada bekas pemaju ataupun untuk menyatakan hasrat ini. Ya, jadi sukacita saya maklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah menyediakan sebenarnya. Kita lihat banyak kes-kes macam ni bukan sahaja di Kota Anggerik atau Shah Alam, Batu Tiga dan sebagainya tetapi disebabkan banyaknya kerja-kerja atau perkara

## 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

begini berbangkit, jadi pada 30 Jun 2020 baru ini Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri telah pun meluluskan garis panduan.

Jadi ada 3 perkara besar Yang Berhormat semua, pertama bagi kes-kes rumah ataupun perumahan lama ini kita akan buat tiga tindakan ataupun mengambil kategorikan kepada tindakan yang besar;

- (i) Pembangunan Semula Bandar, kita panggil bahasa Inggerisnya *Urban Re-development*. Maksudnya secara holistik kawasan itu akan diubah secara struktur fizikalnya. Maknanya kita akan buat keseluruhan makna rancangan ini boleh dibuat tapi pembangunan ini melibatkan kerja-kerja pembersihan tapak, roboh bangunan, mungkin ubah guna tanah dan sebagainya. Jadi yang ini mungkin melibatkan keseluruhan sebagaimana pernah dibuat satu projek iaitu projek Datum Jelatik di Ampang oleh PKNS. Itu namanya Pembangunan Semula Bandar.
- (ii) Kategori Penjanaan Semula Bandar atau pun *Urban Re-generation* dengan izin. Pemulihan iaitu satu pemulihan kepada satu tapak lama, usang atau terbengkalai melalui pembaikan pulih bangunan lama. Pembinaan bangunan baru dan penyediaan kemudahan infrastruktur tanpa memusnahkan keseluruhan reka bentuk struktur atur ataupun fungsi kawasan tersebut seperti pernah dibuat di bawah Bandar Baru Klang, dibangunkan semula Hotel Whyndam itu sendiri.
- (iii) Kategori Penyelenggaraan Semula Bandar atau *Urban Re-vitalization* dengan izin iaitu pemulihan yang tidak melibatkan perubahan struktur bangunan. Ia merangkumi kerja-kerja seperti pengindahan, pembaik pulih, menaik taraf, menyediakan kemudahan riadah, landskap dan mungkin juga program ceria.

Jadi ada tiga program besar yang mana saya mohon kepada Yang Berhormat semua jika ada mana-mana satu kategori yang bersesuaian, kita boleh kemukakan cadangan yang mungkin kita boleh lihat satu persatu yang manakah projek perumahan lama ini boleh kita uruskan dengan baik dalam tempoh beberapa tahun akan datang. Jadi itu serba sedikit Yang Berhormat Kota Anggerik, jadi bukan mudah nanti kalau kita nak buat saya mengingatkan bahawa ia perlulah persetujuan sebulat suara pemilik rumah. Bukan mudah tapi saya yakin bantuan atau pun fasilitasi daripada pihak Yang Berhormat mungkin ia boleh dilakukan dengan baik. Jadi itu apa yang telah ditanya oleh Kota Anggerik.

Seterusnya Kota Damansara membangkitkan isu berkaitan dengan PPR Kota Damansara. Begitu juga saya melihat tentang sejarah ataupun latar belakang peruntukan yang telah dikemukakan sebenarnya Kota Damansara semenjak 2015 ada banyak sangat program yang telah dilaksanakan di bawah PHSB atau Perumahan dan Hartanah Selangor Berhad dan tahun ini sahaja kerajaan telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM443,839.00 bagi kerja-kerja pembaik pulih dan menaik taraf lif PPR Kota Damansara. Apa yang ingin saya sebut di sini kemungkinan besar kita kerajaan Selangor memberi ataupun mengambil maklum kerja-kerja ini adalah bawah pengurusan PSHB tetapi kita mohon juga supaya ada satu program

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

lain iaitu program untuk memastikan saya rasa program dibuat bawah Yang Berhormat Seri Serdang ataupun jiran kita, keluarga kita *something like that*. Itu juga kena diuar-uarkan dan kita mahu supaya pihak-pihak yang duduk di mana-mana PPR di bawah pengurusan Kerajaan Negeri ini supaya mereka juga memahami tentang pentingnya menjaga harta awam. Tentang singgungan daripada PPR, daripada Yang Berhormat Seri Setia bercakap tentang Lembah Subang sebenarnya PPR Lembah Subang ini masih di bawah persekutuan. Ada cadangan untuk KPKT Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyerahkan kepada Kerajaan Selangor tetapi Kerajaan Selangor memberikan beberapa maklum balas dengan syarat kalau nak diserahkan semula apakah perkara-perkara yang boleh di akur dan perkara ini telah pun disampaikan kepada pihak KPKT dan saya rasa hingga kini saya dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor masih menunggu keputusan Menteri. Tapi pandangan daripada Seri Setia boleh tak kita lihat-lihatkan isu berkaitan PPR Lembah Subang ini saya rasa ia saya akan tengok *case by case* tentang perkara ini bagaimana kita boleh laksanakan. Tapi saya nak tanyalah, saya pula boleh bertanya kot pada Seri Setia setuju tak kalau peruntukan dasar sebanyak RM85 juta itu kita bantu penduduk Lembah Subang ini. Jadi itu lebih baik.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Terima kasih Yang Berhormat Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Jawab setuju atau tidak sahaja.

**Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR :** Saya setuju. Saya setuju sangat.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Duduk balik. Setuju. Jadi kita kena mendesak sama-sama supaya duit itu lebih baik atau lebih efisien kalau dibelanjakan pada tempat-tempat rakyat lebih terkesan dengan pandemik ini. Yang akhirnya tentang isu berkaitan dengan usahawan. Sebelum itu saya akan bekalkan juga kepada Kota Damansara senarai program-program yang telah di baik pulih sebelum ini. Tentang isu usahawan saya nak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sentosa dan juga Yang Berhormat Sungai Ramal yang bertanya tentang beberapa program khususnya bagaimana program latihan, geran dan sebagainya boleh dilaksanakan. Yang Berhormat Sentosa cadangkan supaya latihan ditukar terus kepada geran. Tidak diwujudkan lagi ataupun atau tidak diberikan lagi tumpuan kepada latihan tetapi Yang Berhormat Sungai Ramal minta ditingkatkan pula geran. Jadi ini perkara yang berkait sebenarnya. Jadi saya ingin nyatakan di sini sebenarnya Stanco usahawan kita merasakan latihan adalah satu perkara yang paling asas yang perlu diberikan. Kalau kita bagi banyak peruntukan program untuk pemberdayaan usahawan itu akan ada sedikit kepincangan. Kadangkala kita rasa usahawan itu selalunya merasakan dia rasa kalau dia dapat peralatan ini dia rasa dia boleh tingkatkan dia punya *business* sedangkan masalah besarnya adalah kewangan atau pun pengurusan kewangan atau pun untuk beliau atau mereka memahami perniagaan

## 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

atas talian dan sebagainya ataupun mungkin *packaging* banyak perkara yang sebenarnya kita perlu tengok dan akhirnya kita perlu melatih mereka ini supaya mereka dalam ekosistem seorang usahawan yang betul. Jadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat Sungai Ramal bajet ini mungkin perlu ditingkatkan tetapi saya ingin bacakan di dalam sini bahawa sebenarnya di bawah PKPK yang ada boleh saya bacakan supaya semua boleh maklum. Yang Berhormat semua sekali. Semua geran yang telah diperuntukkan keseluruhannya di dalam bajet tahun ini adalah sebenarnya sebanyak RM6.8 juta. Di mana PK03001 di bawah dana usahawan mikro Selangor sebanyak RM2.25 juta. Geran pembungkusan PK03004 sebanyak RM550,000.00. PK08001 Blue Print sebanyak RM2 juta. Kita ada program-program SITHAM di bawah Hijrah sebanyak RM500,000.00. Di bawah pertanian, PK02001 geran atas tani sebanyak RM1.5 juta. Dan juga saya rasa selain daripada itu banyak lagi program-program yang dibuat tetapi untuk yang berada di dalam buku bajet kita ini saya bacakan tadi sebanyak RM6.8 juta. Saya rasa kalau kita ikut permintaan memang Selangor berdepan dengan masalah ketidakcukupan ini sebab Selangor dapat melahirkan usahawan ataupun peniaga-peniaga yang teramai di Malaysia. Kalau kita ingat dalam tahun sahaja kita boleh mencecah 5000 itu senang-senang sahaja. Jadi 5000 ini peruntukan itu pastinya tidak akan cukup kita sediakan sebab kewangan daripada kerajaan begitu sedikit sebab itu kita masih lagi Kerajaan Selangor sentiasa bekerja sama juga dengan pihak-pihak agensi pusat untuk memastikan geran-geran ini dapat kita peroleh juga dan kita bantu semua usahawan untuk dapatkan geran-geran yang sedia ada. Jadi cadangan daripada Sentosa supaya PBT juga terlibat dalam mungkin boleh memberi geran-geran ini jadi saya rasa insyaallah saya sokong sebenarnya kemungkinan besar pihak PBT juga boleh melihat mungkin membantu peniaga-peniaga kecil untuk mula memberi sedikit geran-geran yang dalam bentuk kecil-kecilan untuk membantu peniaga-peniaga. Jadi itu serba sedikit yang ada tetapi akhirnya saya ingin maklumkan di sini fokus tahun hadapan adalah lebih kepada memastikan kita dapat melaksanakan latihan dalam memastikan usahawan kita adaptasi mereka kepada perniagaan atas talian. Jadi *digitalization* ini amat penting untuk dilaksanakan. Dan sebagaimana yang dibimbingkan oleh Yang Berhormat Sentosa, bagaimana kita patut mempertingkatkan lagi program-program Hijrah terutamanya untuk memastikan bahawa rakyat Selangor tidak terjebak dengan Ah long dan sebagainya. Saya rasa Selangor satu-satunya negeri yang telah mewujudkan satu skim khas di mana kita telah nampak perkara ini lebih awal lagi. Sebab itu saya nampak alhamdulillah seawal atau Skim Pinjaman Hijrah ini sebenarnya adalah satu penyelesaian kepada mereka yang terpaksa terjebak dengan isu peminjaman ah long gadaian dan sebagainya. Sebab itu ingin saya bacakan di sini sehingga kini Hijrah Selangor telah berjaya menyalurkan pinjaman sebanyak RM517 juta kepada seramai 53,958 usahawan. Kalau dulu mereka ini teraba-raba mana nak dapat pinjaman, mana nak dapatkan modal untuk tambah perniagaan sekarang ini Hijrah telah dapat memberikan perkara ini dengan baik. Insyaallah. Jadi itu sahaja Yang Berhormat Timbalan Speaker. Saya menggulung soalan yang ditanya. Terima kasih.

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Saya mempersilakan Yang Berhormat Kota Kemuning.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, saya ingin merujuk kepada soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sentosa berkenaan isu krematorium. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam berperanan membantu mempertimbangkan cadangan dan perancangan pembinaan krematorium yang dipohon di peringkat PBT. Pembinaan dan penyediaan krematorium adalah berdasarkan pertimbangan tertentu seperti keperluan setempat, kelulusan teknikal, faktor penduduk sekeliling dan sebagainya. Pada masa ini terdapat 8 buah krematorium di lima PBT iaitu 2 buah krematorium di Shah Alam di bawah kendalian pihak swasta, 2 buah krematorium di Petaling Jaya dan Hulu Selangor dan sebuah krematorium di Subang Jaya dan Klang. Terdapat 2 krematorium yang sedang dalam pembinaan iaitu krematorium bersepadu pekan Sepang dan krematorium Bandar Puncak Alam, Kuala Selangor. Bagi krematorium bawah pentadbiran MPKj, pihak MPKj pada masa ini masih belum menerima permohonan daripada pihak perunding bagi kerja-kerja pembinaan krematorium di Kajang. Maka Yang Berhormat Sentosa saya setuju dengan cadangan setiap PBT perlukan krematorium memang perkara-perkara ini di bawah dan dibincangkan dan sedang diusahakan dengan cara begitu. Dan merujuk kepada Yang Berhormat Sijangkang yang menyatakan kebimbangan beliau tentang penyelewengan apabila kita menyampaikan wang khairat kematian saya tak begitu yakin ada penyelewengan tapi mungkin ada sesuatu yang tidak ada kelewatan ataupun kegusaran masa penyampaian. Mungkin ada sebab sewaktu saya jadi...

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN AHMAD HAIRI :** Terima kasih Yang Berhormat EXCO saya ingat ada beberapa kes terpencil termasuk isu yang berlaku di Subang Jaya sebagai contoh yang dilakukan oleh pembantu kepada ADUN. Saya ingat ini antara perkara-perkara yang harus pengalaman ini menjadi pengajaran kepada kita bagaimana proses ini dapat kita perbaiki. Duit yang akan digunakan oleh kaum keluarga dapat diuruskan dengan baik dan isu teknikal ini berlaku dengan sebaik mungkin. Terima kasih.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Terima kasih Yang Berhormat Sijangkang. Memang kalau berlaku itu adalah lebih kepada pusat khidmat itu sendiri. Bagaimanapun saya baru mendapat amanah untuk menjaga perkara ini akan saya bangkitkan perkara ini supaya lebih telus dan juga bertanggungjawab dalam menyampaikan peruntukan sebarang input daripada Yang Berhormat amat diterima. Kembali kepada Yang Berhormat Kota Damansara, yang mana beliau telah menyatakan hasrat dan berterima kasih tentang Stanco Pemberdayaan Pekerja. Saya sebenarnya amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana ada wujudnya satu Stanco yang begitu baru Pemberdayaan Pekerja dan yang penting saya pun tercari-cari mana peruntukan yang akhirnya saya dapat jawapan daripada UPEN Agihan yang menyatakan RM1 juta diperuntukkan di bawah

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

akaun pelbagai. Ada peruntukan. Namun begitu hasrat daripada dan juga cadangan daripada Yang Berhormat Kota Damansara supaya satu jawatankuasa ditubuhkan. Memang itu hasrat awal saya. Saya dalam keadaan di mana disebabkan kewujudan Stanco ini sangat baru dan masa terdekat dengan bajet kita maka persidangan kali ini maka saya percaya pada sidang akan datang kita dapat jawapan dia lebih dalam perkara tentang jawatankuasa dan juga bagaimana kita boleh membenarkan ataupun mendapat input daripada Yang Berhormat sekalian dari dewan ini supaya ia dapat lebih dimantapkan seperti yang telah diminta supaya jawatankuasa di bawah pemberdayaan pekerja ini lebih bertanggungjawab, terbuka dan juga telus dalam membantu isu-isu berkaitan pekerja. Seperkara lagi setelah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Damansara iaitu peruntukan untuk kuil, saya perlu nyatakan di sini peruntukannya sebenarnya kita ada peruntukan yang terhad. Permohonan yang banyak maka setiap permohonan mesti dihantar melalui semua dokumen-dokumen yang lengkap dalam masa yang tertentu yang ditetapkan. Kalau Yang Berhormat buat permohonan pun saya tak dapat buat. Ia perlu dihantar ke pejabat dengan dokumen yang penuh. Itu adalah dokumen penuh dan kalau peruntukan ada kami dapat mempertimbangkan segala permohonan mereka. Seperkara lagi Yang Berhormat Semenyih menyatakan tentang ketua komuniti kaum India agar peruntukan diguna pakai memang peruntukan sedia ada RM10 ribu untuk tahun 2020 tahun ini bagaimanapun saya difahamkan untuk 2021 tahun akan datang bukan sahaja elauan dan juga peruntukan mungkin akan dapat diselaraskan dengan ketua kampung tradisi. Maka segala program-program akan dibuat bersama dengan ADUN kawasan. Saya percaya itu yang saya nak jawab. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Saya persilakan Yang Berhormat Sungai Tua.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian yang bertanyakan Y.B. Hee punya belum? Eeh.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sila kan Yang Berhormat Kajang.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Tuan Speaker, saya hendak menjawab beberapa soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang semasa perbahasan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Tuan Timbalan Speaker, saya ingin mencelah pada saat ini untuk menanyakan sesuatu, boleh? Saya nak minta kebenaran daripada Yang Berhormat Kajang dulu. Boleh ya?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan. Silakan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Ok. Yang Berhormat Kajang, saya rasa sebelum Yang Berhormat buat penggulungan saya ingin tanya, apa

## 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

pendapat Yang Berhormat Kajang tentang kes pencemaran yang berlaku hari ini. 24 jam selepas pindaan kepada Enakmen LUAS diluluskan oleh Dewan ini. Saya hendak tahu apa sebenarnya berlaku? Saya harap Kerajaan Negeri boleh beri satu jawapan yang memuaskan.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Lanjan kerana sangat prihatin terhadap masalah air. Dukacita dimaklumkan Loji Rawatan Air SSP1, 2 dan 3 Rantau Panjang terpaksa ditutup kerana berlaku pencemaran berbau yang seakan *solvent*. Pada pukul 12.20 LRA Rantau Panjang terpaksa di henti tugas dan selepas tu pukul 1.00 tengah hari LRA, SSP1, 2 dan 3 terpaksa ditutup juga. Sampai sekarang masih ditutup dan usaha yang telah dijalankan oleh pihak LUAS Air Selangor dan juga JPS dan juga JAS mendapatkan lokasi yang mencemarkan Sungai Selangor adalah daripada pelan Indah Water.

Lokasi di Taman Velox dan ini berlaku di Rawang selepas Sungai Gong. Selepas kolam Sungai Gong. So, ini tempat yang telah kita kenal pasti, selepas tu saya akan turun untuk meninjau masalah di mana berlaku juga pembuangan secara jenis bahan minyak ataupun *solvent* ke dalam *main hole* ataupun terus ke dalam IWK. So, itu kita kena pasti. Itu sahaja.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** So, nampaknya ada orang pada pagi ini sengaja buang bahan kimia *solvent* dalam fasiliti IWK selepas kita luluskan Enakmen LUAS, pindaan kepada Enakmen LUAS. Betul tak?

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Lanjan. Pukul 2.00 pagi. LUAS masih mengesan bacaan TON, bacaan TON di Sungai Gong sebanyak 0 TON. Pukul 4.00 pagi, Air Selangor juga mengesan 0 TON di Sungai Gong. Pukul 7.00 pagi, Air Selangor juga kesan 0 TON di Sungai Sembah sebab semua air akan ke Sungai Sembah selepas itu. 7.00 pagi. Di mana ini berlaku selepas di antara 7.00 hingga 10.00 pagi. Kita mengesyaki ada sabotaj yang berlaku. (tepuk meja). So, kita akan buat laporan polis. Kita akan buat laporan polis dan mencari siapa di belakang. OK. Saya rasa saya telah pun menjawab semua soalan. (Ketawa). Yang saya rasa soalan itu lah Yang Berhormat perlu tahu. Ini maklumat-maklumat awal lah tapi untuk kita *relax* sikit buat masa ini.

Saya hendak menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Banting berkenaan dengan Hutan Simpan Kuala Langat Selatan. Luas kawasan yang terlibat dengan tanaman pertanian adalah lebih kurang 3,463 hektar di mana daripada jumlah keluasan 3,463 hektar ini seramai 454 pengusaha yang terlibat dengan keluasan lebih kurang 1,763 hektar iaitu 1,700 hektar lagi telah diterokai dan ditanam sawit ataupun tanaman kontan dan tiada rekod pengusaha. Senarai pengusaha ini adalah seperti di jadual 1, yang ini panjang. Saya akan bagi secara bertulis.

## 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

Tanaman yang diusahakan adalah tanaman kontan seperti pisang, lengkuas, kunyit, cili, ubi kayu, jagung, buah naga dan juga lain-lain. Selain daripada tanaman kontan, terdapat juga tanaman kelapa sawit yang telah pun diusahakan oleh peneroka-peneroka. Antara masalah yang dihadapi dalam proses pemutihan masa kini bukan kita tak mahu buat pemutihan, kita dah dua kali masuk paper ke MTES ada pandangan berlainan dan masalah-masalah yang kita hadapi kerana kawasan ini terlalu luas dan mereka yang terlibat juga banyak 454. Mereka bukan setakat tanam tanaman kontan tapi juga tanam kelapa sawit, itu masalah yang paling pening untuk kita.

Di mana kita nak meninjau penguatkuasaan. Berlakunya konflik daripada pihak pengusaha untuk menerima kaedah penyelesaian yang dicadangkan oleh Jabatan Perhutanan. Justeru itu, perbincangan lanjut masih dilaksanakan bersama pengusaha untuk mendapat jalan penyelesaian dan juga terbaik selaras dengan kehendak Kerajaan Negeri. Terdapat isu pergaduhan antara pengusaha kerana perebutan kawasan teroka.

JPNS telah pun mengemukakan kertas kerja MTES, pemutihan isu peneroka tanah, pencerobohan hutan dan pembakaran terbuka tanpa kebenaran di sebahagian Hutan Simpan Kuala Langat Selatan untuk dapat pandangan serta ulasan Kamar Penasihat Undang-undang Negeri Selangor. Dan pihak JPNS ingin menasihatkan agar pemberian Permit Penggunaan Hutan Simpan Kuala Langat Selatan ditangguhkan terlebih dahulu dijangka akan selesai pada bulan Disember 2020. Dan berdasarkan kepada ulasan Kamar Penasihat Undang-undang Negeri Selangor, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor mengesyorkan akan dijalankan operasi bersepadu pemutihan di Hutan Simpan Kuala Langat Selatan. So, saya harap ini telah pun menjawab soalan daripada Banting ya. Ada lagi?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Ya, ya minta penjelasan. Terima kasih atas makluman daripada Yang Berhormat EXCO kerana ini adalah maklumat terkini, yang terbaru. Cuma apa yang saya boleh perhatikan ataupun ingin mencadangkan ialah *consent* ataupun isu yang dititik beratkan oleh para petani adalah mereka yang mengusahakan tanaman kontan. Seperti cili, lengkuas, halia dan sebagainya. Mereka ini lah yang sebenarnya di golong sebagai mereka yang terlibat dalam TKPM ataupun di bawah Jabatan Pertanian Selangor.

Sekiranya ia melibatkan tanaman sawit saya rasa tidak ada halangan ataupun masalah untuk Kerajaan mengambil tindakan penguatkuasaan kerana pokok kelapa sawit ini dia bukan di kira sebagai pertanian. Dia sebenarnya satu bentuk komoditi dan sebenarnya saya rasa sekiranya sawit, saya rasa boleh dikeluarkan daripada perbincangan ini kerana ia tidak melibatkan apa ni petani yang memohon untuk mendapat Permit Penggunaan. Walaupun mungkin sawit tu, sebab sawit saya tahu dia ada prosedur dia dari segi geran tanah dan sebagainya. Pendaftaran dan sebagainya ia di bawah *it's an entire host set of different thing all together*. Jadi saya

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

mohon Kerajaan untuk mungkin boleh percepatkan dengan mengeluarkan bahagian sawit ini daripada pemutihan ini ataupun pemberian permit ini.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Bukan setakat tanaman sawit Yang Berhormat, terdapat 6 syarikat besar yang menanam secara besar-besaran. Mereka dapat permit daripada Kerajaan dulu, dulu. Sekarang Permit Penggunaan tidak disambung oleh kita. So, bukan setakat mereka tanaman petani yang kecil tapi melibat juga Orang Asli. Melibatkan juga syarikat besar. Tapi ini kita akan selesaikan dengan secepat yang mungkin.

Untuk menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Sentosa. Sentosa ada? Ok. Sehingga kini jumlah anak pokok di tapak semaihan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor berjumlah 21,100 anak pokok yang terdiri daripada spesies pokok Dikteroka - 12,500 batang dan spesies pokok bukan Dikteroka - 6,000 batang. Spesies pokok nadir sebanyak 2,500 batang dan juga spesies pokok herba sebanyak 100 batang. Selain daripada anak pokok ini digunakan untuk projek tanaman serta pengayaan semula kawasan hutan tersorok di Negeri Selangor.

Walau bagaimanapun, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor tiada halangan sekiranya Yang Berhormat memerlukan pokok semaihan tersebut namun tertakluk kepada stok dan juga bilangan spesies anak pokok yang diperlukan. Sekiranya stok anak pokok mencukupi Jabatan Perhutanan Negeri Selangor amat berbesar hati untuk membekalkan anak pokok yang dipohon oleh Yang Berhormat untuk program penanaman.

Untuk menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pelabuhan Klang, tak ada saya tak perlu jawab. Ada? (Ketawa). Untuk Hutan Simpan Paya Bakau. Hutan Paya Laut ataupun Bakau merupakan benteng kawalan semula jadi yang berkesan bagi menghalang hakisan pantai daripada berlaku yang berlaku. Setiap tahun hakisan berlaku di persisiran pantai telah menyebabkan Hutan Paya Laut diancam kemerosotan nilai. Hutan Paya Laut di Negeri Selangor terdiri daripada status Tanah Hutan Simpan Kekal, Tanah Kerajaan dan Tanah Bermilikan.

Terdapat beberapa faktor yang menjadi penyumbang kepada berlakunya kemerosotan nilai di kawasan Hutan Paya Laut antaranya adalah di sebab oleh hakisan ombak yang kuat. Pengambilan kayu bakau secara tidak sah. Pembangunan yang tidak terancang di kawasan persisiran pantai dan lain-lain lagi. Kes pengambilan kayu bakau secara tidak sah di Selangor telah pun menunjukkan penurunan daripada segi bilangan kes bagi tempoh 5 tahun ini. Hal ini disebabkan oleh penglibatan kerjasama secara bersepadu di antara agensi penguatkuasaan, seperti APMM, Polis Marin, SPRM dan lain-lain.

Kesedaran dan juga keprihatinan masyarakat setempat juga membantu kepada kejayaan operasi-operasi penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh Jabatan

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

Perhutanan Negeri Selangor dalam membendung aktiviti pengambilan kayu bakau secara tidak sah ini.

JPNS memandang serius berkenaan isu hakisan yang berlaku di Hutan Paya Laut Negeri Selangor berdasarkan pemerhatian berlaku hakisan tanah Hutan Paya Bakau/Laut di sepanjang pantai terutamanya di Kuala Selangor dan juga Kuala Langat. Hakisan ini memerlukan perhatian dan tindakan penambahbaikan dari semua pihak. Berdasarkan rekod jabatan ini mendapati lebih 1,000 hektar kawasan Hutan Simpan Paya Laut di negeri ini terlibat dengan hakisan.

Setiap tahun Jabatan Perhutanan Negeri Selangor menjalankan pelbagai program, restorasi di Hutan Paya Laut yang melibatkan penanaman semula pokok-pokok persisiran pantai secara jabatan ataupun bersama dengan awam ataupun komuniti. JPNS sentiasa mengalu-alukan penglibatan agensi kerajaan, swasta dan NGO di dalam usaha untuk memulihkan kawasan Hutan Paya Laut ini dengan mengadakan program-program CSR.

Hasil daripada pemantauan JPNS di lapangan kawasan-kawasan Hutan Paya Laut ditanam semula memerlukan persediaan yang mencukupi dari segi binaan struktur yang dapat menghalang, mengurangkan kuatan hampasan oleh ombak ke pesisiran pantai. Perkara ini secara tidak langsung akan membantu tumbesaran anak-anak pokok yang telah ditanam untuk hidup dengan subur. Okay. Untuk menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Kota Anggerik tentang hutan juga. Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah pun mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memastikan jumlah keluasan kawasan Hutan Simpan Kekal sentiasa dipertahankan. Dalam hubungan ini, keluasan kawasan Hutan Simpan Kekal di Negeri Selangor telah pun berjaya di tingkatkan sehingga 205,207.39 hektar ataupun bersamaan 31.5% daripada keluasan negeri pada masa ini.

Yang kedua, Kerajaan Negeri juga amat prihatin akan kepentingan kawasan Hutan Simpan di seluruh Negeri Selangor. Justeru itu, sejumlah 44,543 hektar kawasan hutan ini telah pun diwartakan di bawah Kelas Hutan Tadahan Air mengikut Seksyen 10 Enakmen Pemakaian Akta Perhutanan Negeri Selangor 1985 iaitu pada tahun 1999 dan 2009. Manakala sejumlah 130,364.15 hektar kawasan Hutan Simpan Kekal di Negeri Selangor telah pun diwartakan sebagai Kelas Hutan Perlindungan yang merangkumi Hutan Perlindungan Tanah, Hutan Perlindungan Hidupan Liar, Hutan Simpan Hutan Dara, Hutan Lipur, Hutan Pelajaran, Hutan Penyelidikan, Hutan Taman Negeri, Hutan Bagi Maksud-maksud Persekutuan.

Umum nya Kelas Hutan Perlindungan ini bukan diperuntukkan untuk tujuan pengusahailan ataupun pembalakan. Kerajaan Negeri Selangor juga telah pun menambahbaikkan Seksyen 11 Enakmen Pemakaian Akta Perhutanan Negara 1985 pada 2011 dengan mengenakan syarat untuk melaksanakan penyiasatan awam bagi mana-mana kawasan Hutan Simpan Kekal yang ingin diwartakan keluar. Di samping

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

itu juga pewartaan keluar hutan simpan kekal yang terlibat ini perlu lah diganti dengan kawasan yang setara nilainya.

Proses perlu dilakukan secara serentak bagi memperkasakan lagi keadaan ini, Kerajaan Negeri Selangor juga telah mengambil tindakan yang proaktif dengan meluluskan Pindaan Kaedah Penyiasatan 2014 dalam MMKN Ke26, 2020 pada 22 Julai 2020. Untuk makluman Negeri Selangor adalah merupakan negeri pertama, satu-satunya negeri di Malaysia yang telah menguatkuaskan Kaedah Penyiasatan Awam Bersyarat di dalam proses pemansuhan atau penyahwartaan hutan simpan kekal.

Lagi dua (2) soalan yang pendek untuk menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kota Damansara. Pihak Tourism Selangor telah pun mempromosikan Kota Damansara Community Forest Reserve dalam kempen promosi seperti penerbitan artikel pelancongan dan juga promosi di media sosial sebagai salah satu destinasi pelancongan berkonsepkan alam semula jadi eko dan tempat beriadah. Kawasan ini juga menjadi tarikan dan kawasan utama yang terdekat kepada para pendaki untuk menjalankan latihan pendakian, khususnya penduduk yang berada di sekitar Lembah Klang.

Pihak Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan yang diberikan oleh Tourism Selangor akan menjalankan sesi lawatan teknikal produk pelancongan yang melibatkan beberapa agensi yang berkaitan seperti Majlis Bandaraya Petaling Jaya, UPEN Seksyen Pelancongan, Pejabat Daerah Tanah dan Petaling juga MOTAC Selangor ke kawasan tersebut seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat untuk membuat sesi audit produk pelancongan.

Hal ini mengikuti garis panduan yang telah pun ditetapkan untuk melihat potensi bagi menambah baik kemudahan di sana, khusus kepada para pelancong. Untuk menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Semenyih ya, Yang Berhormat Semenyih ada ya? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebarang kerja-kerja menaiktaraf infrastruktur di kawasan kampung orang asli perlulah dikemukakan secara bertulis dan dihantar melalui Pejabat Tanah Daerah untuk disemak dan dikaji kesesuaiannya.

Di samping itu juga, kerajaan negeri juga mengambil maklum cadangan Yang Berhormat Semenyih berhubung elaun dan juga peruntukan khas Tok Batin orang asli dan akan meneliti cadangan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, untuk Perkampungan Orang Asli Kachau Dalam dan Kechau Luar, jalan itu terletak di jalan hak milik orang. So susah untuk kita baik pulih, dan kita akan berbincang dengan syarikat berkenaan untuk baik pulih segera, kerana ini telah pun timbul lama, kita kena selesaikan isu ini. Buat masa ini, kita masih dalam perbincangan dengan syarikat tersebut. Sekian.

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI :** Yang Berhormat EXCO, mengenai tabung, Tabung Sagong Tasi.

**Y.B. TUAN HEE LOY SIAN :** Tabung Sagong Tasi di bawah pendidikan. Yang Amat Berhormat akan jawab sebentar lagi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Saya persilakan Yang Amat Berhormat Sungai Tua untuk memberi jawapan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** BismillahhiRahmanirRahim. Terima kasih Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Dewan sekalian, saya hendak sambung dulu ke atau nak lanjutkan terus? Saya minta petua sekarang?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Pergi kepada Usul.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut; Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini, mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga jam 5.30 petang.

**Y.B TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong, saya kemukakan untuk persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak.

Usul ini **dipersetujui**.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin menjawab beberapa soalan-soalan yang telah dikemukakan dan beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, khususnya untuk dana pembangunan.

Dan sekali lagi dalam Dewan ini kita mengesahkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sekitar 47% daripada belanjawan kita untuk belanjawan-belanjawan ataupun bajet pembangunan, dan ini menunjukkan komitmen kerajaan negeri untuk menyeimbangkan diantara proses-proses pengurusan pentadbiran kerajaan negeri, sama ada daripada emolumen, pentadbiran dan pengurusan dan juga pembangunan yang berciri-cirikan kepada pembangunan rakyat.

Berulang kali saya dengar ketika perbahasan-perbahasan yang lepas, seolah-olah kerajaan negeri tidak memperuntukkan tetapi bila saya “compare” dengan “federal”, “federal” hanya meletakkan 21% untuk bajet pembangunan berbanding dengan kita

## 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

meletakkan 47% berbanding dengan kerajaan persekutuan, dan ini menunjukkan komitmen yang jelas kerajaan negeri bahawa bajet pembangunan dan belanjawan pembangunan ini adalah satu yang signifikan untuk tahun 2021 paling kurang, bagi perjalanan dan kehidupan kerajaan negeri dan perbelanjaan kerajaan negeri.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin menyentuh tentang apa yang disebutkan oleh Hulu Kelang, sebelum ini mungkin kita membahaskan dalam penggal, dua penggal sebelum ini, kita membahaskan usul-usul pembangunan ini fasal demi fasal. Dan kadangkala kita agak bercampur aduk dengan B ataupun dengan pengurusan.

Pada ketika itu, pengurusan pada ketika itu, pengurusan Dewan terutamanya, Speaker pada ketika untuk menganggap, kadang-kadang kita terlepas, satu dana pembangunan dan sebagainya dan akhirnya kita tidak boleh bincangkan.

Justeru sekarang, fasal demi fasal itu hanya untuk pengurusan dan pembangunan ini saudara-saudara Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, boleh menyemak bagi semua dan boleh membahaskannya dalam bentuk usul dan juga membincangkannya secara lebih terperinci, dan saya lihat kaedah ini lebih baik kerana kita dapat mengasingkan antara B dan P dan sebagainya.

Dan kita tidak lagi terperangkap dengan aturan mesyuarat, aturan perkara-perkara mesyuarat yang kadang kala melengahkan dan membuang masa kita atau menghilangkan peluang kita untuk bercakap di dalam Dewan yang mulia mewakili suara rakyat dan suara masyarakat di peringkat akar umbi.

Tuan-tuan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin sebutkan yang pertama di sini ialah berkenaan dengan Smart Selangor.

Smart Selangor kita ada 12 domain dan kita ada 12 petunjuk dan petunjuk kaedah dan sememangnya Smart Selangor ini adalah satu perkara baru. Di dunia tidak ada lagi satu formula yang, yang “*intake*” berkenaan dengan “*smart city*” apatah lagi kita “*smart state*” dan saya boleh anggap bahawa kita adalah negeri pertama yang cuba menjadi “*smart state*”.

Di tempat-tempat lain mereka menjadi “*smart city*” ataupun dalam “*locality-locality*” yang lebih kecil, dengan ambisi yang agak terlalu besar ini, sudah pasti cabaran kita besar dalam pembentangan belanjawan yang lepas, saya sebutkan cita-cita kita telah mencapai 40% daripada 12 kayu ukur yang telah kita set kan dan kita garapkan.

Namun, saya mengambil maklum cadangan yang diberikan oleh Hulu Kelang bahawa ia bukanlah satu urusan “*top down*” sahaja tetapi ia juga merujuk kepada “*bottom up*” proses di mana kita mendapat maklum balas-maklum balas daripada rakyat dan

## 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

dengan wujudnya STANCO “Smart State” atau “Negeri Pintar” menjelang tahun 2025 ini, kita akan menyelaraskan keseluruhan agensi.

Kalau sebelum ini SSDU sebagai badan induk yang akan memproses, kita ada “*Smart State Council*” dengan izin, atau pun sebuah badan yang bersidang dua (2) kali satu tahun maksimum, tapi kali ini dengan STANCO, kita boleh melihat tindakan demi tindakan, pelan demi pelan, projek demi projek dan mewakili pihak Pihak Berkuasa Tempatan.

Dan mulai tahun lepas lagi, ataupun mulai tahun 2020 lagi, belanjawan tahun 2020 kita telah meletakkan bahawa “*smart state*” ini harus dikongsi sama peranannya, fungsinya dan peruntukannya oleh anak syarikat kerajaan negeri, oleh kerajaan negeri dan juga oleh Pihak Berkuasa Tempatan supaya semua agensi-agensi penting “stake holder” ini dapat berfungsi dan dapat menepati cita-cita yang diharapkan.

Dalam belanjawan tahun 2020, saya sasarkan RM50 juta untuk tahun demi tahun menjelang 2020, 2021, 2022, namun disebabkan oleh COVID-19 dan apa yang saya sebut, kaedah kita untuk hidup dalam suasana COVID-19 digitalisasi menjadi solusi dan menjadi kaedahnya, kita tambah sampai menjadi RM300 juta dengan komitmen daripada anak-anak syarikat kerajaan negeri dan kita tagih komitmen daripada pihak Pihak Berkuasa Tempatan demi mempercepatkan langkah kita menuju “*Smart State*” menjelang tahun 2025.

Bukan itu sahaja, tetapi sebahagian daripada ikhtiar kita, hidup dan juga bersama-sama dengan COVID-19 bukan ertinya sampailah vaksin ditemui ataupun penyakit ini hilang dengan sendirinya.

Justeru, kita juga, bukan berdiri di atas “*blueprint*” sahaja yang telah kita buat pada tahun 2016, tetapi kita juga telah menyiapkan apa yang dipanggil “*action plan*”.

Lebih daripada 50 “*action plan*” yang telah digariskan oleh pihak kerajaan negeri bermula daripada “*blueprint*”, rangka kerja dasar diikuti dengan “*action pelan*” dan diikuti dengan projek demi projek yang akan kita gariskan.

Dan saya harap selepas ini, SSDU atau pihak kerajaan negeri boleh menggariskan, boleh menjelaskan, apakah projek satu (1), dua (2), tiga (3), empat (4), lima (5) yang kita hendak buat dan sekali lagi saya sebutkan bahawa ini, perkara ini tidak ada kayu ukur- kayu ukur tertentu yang digariskan di dunia.

Masing-masing ada kaedah berbeza. Kadang-kadang mereka “claim, we are the Smart State”. Saya dijemput dan saya pergi ke Casablanca, satu ketika dahulu atau dua (2) tahun dahulu, bila kita lihat, berbezanya Casablanca dengan kita itu jauh, tapi mereka sudah “*claim Smart State*”, kita pergi ke Jakarta, Jakarta juga ingin “*claim as a Smart State*”. Kita pergi ke Singapura, mereka tidak cakap mereka ada “*Smart*

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

*State* mereka ada “Smart Port” sebagai contoh, tetapi kehidupannya nampak lebih “smart” lebih pintar berbanding tempat-tempat lain.

Justeru, kayu ukur ini, kita yang tentukan, kita yang setkan dan kita harap akan dapat capai, kerana kita adalah “pioneer” dan saya lihat dari peringkat persekutuan lagi mulai tahun 2018, mereka sudah mula merangka, rangka kerja dan sebagainya, tapi kita telah mulakan lebih awal pada tahun 2015.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Penjelasan, saya menggambarkan begini, kita ada, telah buat IPR, Pejabat DUN disokong oleh syarikat-syarikat yang menjalankan program-program kerajaan negeri dengan selarasnya. Dulu kita ada SMUE semua badan-badan itu. Saya menggambarkan, bila buat “Smart State” ini juga, “we are supported by” ADUN tidak terpisah. ADUN adalah satu “team” yang dibantu oleh satu platform yang dikongsi oleh sama ada UPEN ataupun Dewan untuk memberi “support” daripada awal lagi. Adakah begitu gambarannya?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Hulu Kelang atas permohonan itu, memang pada ketika ini, seperti mana yang dimaklumkan Yang Berhormat Kota Kemuning yang menyebutkan bahawa kita dalam proses melengkapkan SSIPR, apa itu SSIPR?

SSIPR ialah satu pengumpulan “database”, semua maklumat-maklumat program IPR kita, sebab itu kita ada angka, 1.1 juta penerima rakyat di seluruh negeri Selangor dan menjelang akhir tahun ini sebenarnya kita akan dapat melengkapkan dan kita akan mula melaraskan dengan Pusat-Pusat Khidmat, termasuk bagaimana pemprosesan “Jom Shopping” kita, proses SMUE kita dan “database” yang “dasboard” nya saya boleh kesan setiap hari pergerakan peserta-peserta IPR kita, sama ada dari program Skim Air Darul Ehsan sampai lah Didik Anis, Cikgu Anis dan sebagainya. Ataupun perkara-perkara yang dilibatkan antaranya Dana Usahawan Mikro, HIJRAH dan sebagainya.

Sekarang ini, kita ada sekitar lebih 10 yang “go online” ya, atau pun telah “live online” tapi belum lengkap semuanya, bila lengkap semuanya nanti kita akan bersama-sama, malahan diperingkat SSDU dengan izin kita juga ada program yang dinama “COOL” tetapi belum cukup matang, belum cukup matang.

Saya sebutkan dalam penggulungan yang lepas, bahawa “Smart State” ini, pada ketika inilah sebenarnya kita baru sampai satu tahap untuk menganalisa data yang dipanggil Analisa Data Raya, di mana kita pada ketika ini baru boleh melihat, trend jangkaan-jangkaan, SELANGKAH sebagai contoh juga, setelah mendapat lebih daripada 11-12 juta nombor barulah kita dapat trend-trend itu.

Dan daripada situlah yang kita akan tentukan terhadap kehidupan dan kita akan selaraskan, memang pembinaannya di peringkat awal, memang agak “top bottom”,

## 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

ataupun daripada atas ke bawah tetapi bila sampai ini lah, kita telah dapat sebahagian data yang diuruskan untuk operasi melalui Pusat-Pusat Khidmat dan sebagainya.

Itu berkenaan dengan “*Smart State*” yang saya rasa yang telah saya jawab.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, ada juga yang bertanyakan tentang peruntukan untuk sekolah, atau pun peruntukan untuk, yang dibangkitkan oleh Balakong. Mengapa tahun ini kita hendak peruntukkan lagi untuk tahun depan, tahun ini pun kita belum serahkan lagi.

Semua sedia maklum, kita sebenarnya merancang untuk menyampaikan program ini seawal bulan tiga dan bulan empat, dan kita tangguhkan lagi ke bulan Ogos, namun disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat, peningkatan kes dan beberapa isu-isu tertentu pada ketika ini. Untuk makluman semua, tahun ini tidak ada dua “*session*”, sebaliknya satu sesi sahaja.

Saya telah berbincang dengan Yang Berhormat Kajang dan Yang Berhormat Kota Kemuning, kita sudah serahkan sekarang sebenarnya melalui akaun terus kepada sekolah-sekolah yang berkenaan, walaupun tidak ada persekolahan, kerana kita yakin dengan bantuan-bantuan itu kita akan dapat menyelesaikan isu-isu yang berbangkit dan pada ketika ini sekitar, ada sebanyak, tidak banyak RM200-RM300 ribu sahaja.

Mungkin kita boleh lihat senarai-senarai baru yang tidak banyak, tidak banyak yang hampir keseluruhannya, tidak banyak kalau dicampurkan daripada keseluruhan RM24 juta itu, kita ada sedikit sahaja lagi, tetapi semua permohonan itu telah kita semak dan kita telah mula serahkan mulai akhir, mulai bulan Oktober sebenarnya kita selalu kita pasarkan kerana sebelum ini saya merancang sebenarnya untuk hadir sendiri ke Sekolah Jenis Kebangsaan Tionghoa, hadir sendiri ke Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, hadir sendiri ke Sekolah Agama Rakyat tapi malangnya sekolah pun tak sekolah. Jadi macam mana kita nak pergi sekolah? Nanti kena kecam lagi sebab tak ikut SOP dan sebagainya. Justeru, kita dah agihkan, kita dah berikan kepada sekolah-sekolah berkenaan untuk keperluan serta kehidupan rakyat dan masyarakat terbanyak.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Selain itu dalam hal pendidikan tadi, saya dengar semalam Kota Anggerik ada membangkitkan tentang keperluan pembelajaran di atas talian untuk sekolah-sekolah agama, sekolah-sekolah di bawah kelolaan JAIS. Untuk makluman semua khususnya Kota Anggerik di empat buah MITS dan 11 SRAI sekarang diberikan access untuk pembelajaran kendiri melalui id *Portal i-Learns* yang dibiayai oleh pihak kerajaan negeri. Kita dah buat dah melalui MITS dan juga 11 Sekolah Rendah Agama Integrasi yang dibawahkan di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam. Dan itu juga yang terinspirasi dalam ucapan saya dalam Pembentangan Belanjawan yang beberapa

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

minggu lepas yang menyebutkan bahawa kita ingin untuk melihat Program Tuisyen Rakyat juga melalui platform digital kerana ini adalah sebahagian daripada proses berbanding pembelajaran di atas ataupun pembelajaran dengan kaedah fizikal yang ada kita sekarang.

Saya ingin menyentuh tentang Semenyih. Semenyih membangkitkan tentang Sagong Tasi yang setakat ini memang jumlahnya agak rendah. Saya boleh katakan bawah daripada 10. Saya angkanya tertinggal tapi dalam *report* yang kita berikan memang angkanya agak rendah. Sebab itu, mulai tahun 2020, Sagong Tasi kita tidak hanya hadkan untuk sekolah-sekolah atau untuk pendidikan di peringkat ketiga ataupun di IPT ataupun Institusi Pengajian. Kita dah sebarkan dan lebarkan sampai di sekolah menengah untuk pelajar-pelajar yang cemerlang, untuk anak-anak di kalangan kelompok daripada orang-orang asli. Malahan, kita cuba juga berfikir untuk tengok di Institusi-institusi teknikal dan vokasional sebab mungkin di situ adalah *space* dan ruangan yang terbaik kepada mereka untuk melanjutkan serta mendapat pendidikan yang baik dan juga berkualiti dan mereka tidak tertinggal daripada arus pembangunan dan arus kemajuan yang ada dalam Negeri Selangor.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Saya nak beralih pula kepada Banting yang mencadangkan supaya ketua-ketua kampung, PeBT, Ahli-ahli Majlis dan sebagainya dimasukkan sebagai sebahagian daripada rakan digital yang ingin kita laksanakan. Tujuan rakan digital ini adalah transformasi yang sudah pasti sebahagian besar daripada kelompoknya adalah mahasiswa mahasiswi dan juga pelajar-pelajar. Justeru kita akan melatih mahasiswa mahasiswi itu sendiri dan pelajar-pelajar. Selain itu juga, ada kelompok yang lain iaitu golongan B40 yang memerlukan yang mungkin tertinggal. Ada yang B40 dah faham, dah tahu. Jadi tak perlulah kita nak ajar lagi. Tapi mungkin di kawasan pedalaman ataupun mungkin di kawasan mereka yang tertinggal yang kurang faham khususnya warga emas dan sebagainya dan itu kita juga memerlukan kelompok. Biasanya mereka ini lebih selesa dengan *piers* ataupun kelompok sebaya mereka atau rakan sebaya mereka untuk mengalih dan melakukan transformasi ke arah lebih digital dalam kehidupan. Dan sebagaimana saya sebut rakan digital akan melatih digitalisasi ini dan dia akan dibantu melengkapkan rangkaian ataupun *chain* kepada proses penyampaian data untuk rakyat yang kita siapkan dan data itu sekali lagi kita akan hadkan kepada pendidikan dan juga akan hadkan kepada keusahawanan untuk kelangsungan kehidupan dan kelangsungan pendidikan yang akan berjalan di dalam kaedah talian ataupun di dalam talian.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Ada juga soalan yang dibangkitkan berkenaan dengan pembangunan minda rakyat khususnya oleh Bukit Melawati. Saya ingin sebutkan di sini bahawa secara keseluruhannya sekitar 13% digunakan daripada dana pembangunan minda rakyat

## 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

ini untuk pengurusan. Apa yang disebutkan itu ialah perbelanjaan operasi editorial dan yang kedua penyelenggaraan sistem komunikasi. 8.8% untuk operasi editorial dan 4.8% sekitar 13% lebih ada digunakan untuk 13.6% untuk proses-proses atau yang melibatkan pengurusan, editorial dan juga penyelenggaraan komunikasi. Selebihnya adalah untuk mengisi program-program penerangan kerajaan negeri. Sebahagian besarnya adalah melalui cetakan dan edaran Selangor Kini yang diedarkan kepada rakyat termasuk dalam bentuk digital, IPR dan mesej kerajaan negeri. Ini yang meliputi antaranya *bill board* dan juga paparan-paparan secara dalam bentuk elektronik dan dalam bentuk kekal dan juga program Selangor TV sekitar RM300,000 yang angka ini sebenarnya kurang daripada 4% dan juga satu yang kita letakkan bersama-sama ialah Program Hadiah Sastera Selangor Kini yang kita namakan sebagai Hadiah Sastera Selangor yang memberikan penghargaan jumlahnya agak kecil sekitar RM225,000.

Untuk makluman semua, kita telah mencetak sekitar 200,000 setiap minggu dan ada 52 edisi. 52 edisi dan juga setiap suku tahun ada 4 edisi khas tambahan (keseluruhan ada 56 edisi Selangor Kini). Selain daripada tiap-tiap minggu kita ada edisi khas empat kali, merdeka atau sambutan hari raya ataupun belanjawan kita akan keluarkan. Selain dari itu juga ada keluaran *Selangor Journal*. Cetakan sebanyak 70,000 naskhah untuk setiap (untuk sebulan sekali). Kita ada juga versi Mandarin 70,000 yang dicetak (dua kali sebulan *every two weeks*) dengan izin *twice a week* dan juga edisi Tamil yang dipanggil Indru sebanyak 50,000 naskhah dengan sebulan sekali juga kadar kekerapan dan frekuensinya yang merujuk kepada 16 edisi dengan 4 edisi tambahan. Dan juga Tionghoa tadi dua kali seminggu, untuk Tamil sebulan sekali dan kita serahkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Justeru saya percaya kita (perbelanjaan yang kita ada ini) tidaklah terlalu besar dan juga masih lagi berpatutan di kala kita perlu menyampaikan mesej-mesej penting kepada rakyat di saat mungkin pada ketika ini keterbukaan media tidak lagi ada dan kita boleh jangkakan akan berada di dalam keadaan sebaliknya kalau kita bandingkan dua ataupun satu tahun setengah yang lalu.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Justeru saya berharap agar perkara ini dapat difahami bahawa daripada masa ke masa kita masih perlu menerangkan, menjelaskan dan tidak menyampaikan mesej-mesej yang terlalu politik. Kalau sebut tak politik langsung pun tak kena. Tapi tidak terlalu politik sebaliknya menyampaikan fakta, berita dan data kepada rakyat supaya mereka tidak terkeliru khususnya dengan makluman-makluman yang kadangkala mengelirukan dan cuba untuk memburukkan imej kerajaan negeri sebagaimana yang disebut oleh Bukit Lanjan dalam celahannya sebentar tadi.

## 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Saya ingin memberi maklum balas daripada Y.B. Taman Templer. Tapi dia tak ada iaitu berkenaan dengan bangunan Mahkamah Rendah Syariah Gombak yang belum dapat diduduki berikutan isu pembekalan air bersih yang belum selesai. Pihak Pengurusan Air Selangor telah mengarahkan agar pembinaan paip retikulasi disambung ke *tapping point* yang berada 1.1 kilometer dari bangunan Mahkamah Rendah Syariah Gombak. Ini tadi dah sebut kot Pandan Indah ya? Rasanya terngiang-ngiang kat telinga tadi. Jadi, tak apalah. Saya dah jawab.

Seterusnya, ada juga dibangkitkan tentang Program Kenegaraan atau Kesenegaraan (Kenegaraan) yang diperuntukkan sebanyak RM10juta dalam PK01, PK18005 dan sesungguhnya program ini telah berjalan sejak daripada tahun 2017 dan sebahagian besar daripada program-program ini adalah mengajak rakyat dan masyarakat khususnya generasi muda untuk sama-sama terlibat dan partisipasi dengan program pembangunan sosial di kalangan komuniti dan masyarakat. Dan ada beberapa sektor dan bidang yang kita tumpukan antaranya adalah anak muda dan mahasiswa, pembangunan komuniti dan kejiranan, kerohanian, alam sekitar, pendidikan kenegaraan. Dan dalam anak-anak muda ini, kita wujudkan program seperti bengkel, seminar, kebajikan mahasiswa, program bakti-bakti siswa, program modal insan kerjaya, siri dalam talian pelbagai topik dengan mahasiswa, program kepimpinan dan pemantapan perintis *team* Selangor program kepimpinan dan pelaksanaan aktiviti. Sementara itu dengan komuniti, kita libatkan pelbagai program antaranya bengkel dan latihan dan sebahagian mereka ini berfungsi dan bergerak ketika Covid-19 yang lalu ataupun dalam musim PKP yang lepas dan pada masa sekarang untuk membantu menyampaikan bantuan-bantuan kerajaan negeri sebagai sukarelawan dan mengajak kesukarelaan. Dan dalam program kerohanian sudah pasti melibatkan moral dan keagamaan sama ada di atas talian ataupun secara fizikal. Alam sekitar ini merujuk program-program penjagaan dan pemeliharaan alam sekitar, mendidik dan melatih mereka agar pelihara alam sekitar termasuk menanam pokok dan aktiviti-aktiviti lain dan pendidikan kenegaraan ini adalah pembinaan modul dan *knowledge transfer module* permainan kenegaraan dan demokrasi yang menjadi salah satu daripada asas penting memperkenalkan mereka tentang asas-asas kenegaraan, tentang institusi-institusi penting, tentang institusi-institusi raja berperlembagaan, institusi-institusi parlimen, institusi-institusi dewan undangan negeri dan saya percaya bahawa ia bukan satu kerja yang mudah. Ia adalah satu proses yang panjang dan kita tidak boleh mengharapkan lagi di sekolah kerana mungkin sebahagian daripada faktanya berubah dan kondisi-kondisinya pun berubah lebih-lebih lagi pada tahun 2020 yang keadaan politiknya berubah setiap saat dan setiap masa.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Saya ingin beralih berkenaan dengan pembinaan ataupun isu yang berkenaan dengan perpustakaan yang cukup banyak dibangkitkan. Yang Pertama ialah status

## 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

Perpustakaan Awam Taman Sri Medan Daerah Kuala Langat. Perpustakaan Taman Sri Medan Sijangkang Daerah Kuala Langat akan dibangunkan menggunakan konsep kontena seperti mana Perpustakaan Awam Selangor (PJ Kita *Community Library* Kampung Lindungan) yang merupakan projek usaha sama bersama Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Status semasa projek ini adalah sedang dalam proses menghantar semula permohonan kebenaran merancang disebabkan oleh kelewatan pihak kontraktor dan perubahan sistem OSC *online* di pihak Majlis Perbandaran Kuala Langat pada suatu ketika dulu.

Manakala Y.B. Meru bertanyakan tentang dua soalan. Soalan yang pertama ialah berkenaan dengan Perpustakaan Daerah Klang yang telah ditubuhkan pada tahun 1948 ataupun 1973. Perpustakaan ini menerima jumlah pengunjung yang ramai dan padat dengan premis berkeluasan 6,627 kaki persegi. Projek menaik taraf perpustakaan ini telah dipohon untuk Bajet RMK-12 ataupun Rancangan Malaysia Ke-12 namun belum dapat dipenuhi kerana mengambil kira keperluan daerah lain yang masih mempunyai perpustakaan (yang masih belum mempunyai perpustakaan) seperti contohnya adalah Daerah Sepang.

Yang kedua, Perpustakaan Awam Selangor Meru Daerah Klang merupakan perkhidmatan perpustakaan desa yang menggunakan ruang pejabat Dewan Serba Guna Meru. Majlis Perbandaran Klang melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.6 Tahun 2019 bertarikh 19 Jun 2019 telah memperaku dan meluluskan menggunakan premis tersebut kepada PPAS bagi tujuan perpustakaan Awam Selangor dalam tempoh 1 Julai 2019 hingga 30 Jun 2021. PPAS (Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor) mengambil maklum untuk cadangan penambahbaikan perpustakaan tersebut dan akan diusulkan untuk bina baru di Meru sebagaimana yang dipohon.

Yang keduanya atau yang seterusnya adalah berkenaan dengan Perpustakaan Taman Sri Medan Sijangkang. Bukan, maafkan saya. Perpustakaan Daerah Kuala Langat yang dibangkitkan oleh Banting. Sehingga kini sebenarnya sebenar di tapak sehingga 31 Oktober adalah sebanyak 46.27%. Dan ia sebenarnya lebih daripada sangkaan dan jadual yang kita tetapkan. Dalam jadual yang kita tetapkan, kemajuan projek ialah 44.2% tetapi hari ini kemajuan projek lebih awal telah mencapai 46.27 projek dan ia mencatatkan 13 hari awal daripada apa yang kita sasarkan dan *Insya Allah* kalau ia berjalan dengan pantas atau berjalan dengan baik, kita akan dapat siapkan menjelang 26 Jun 2021 dan sebagainya EOT ataupun berlaku *extra over time* nya adalah ataupun *extra time* nya adalah disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan selama 3 bulan yang telah menyebabkan sedikit gangguan terhadap pembesaran ataupun projek naik taraf Perpustakaan Awam Daerah Kuala Langat.

Ini dah disebutkan tadi. Seterusnya berkenaan dengan Perpustakaan Awam Selangor Bangi Daerah Hulu Langat akan mula dinaiktaraf berdasarkan maklumat berikut iaitu bermula tarikh SST (Surat Setuju Terima) pada 4 November (baru saja),

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

tarikh milik tapak pada 23 November 2020, tempoh pembinaannya ialah 96 minggu dan tarikh siap di Hulu Langat ini adalah pada 26 September 2020 sebagaimana diuruskan. Perpustakaan ini akan dinaiktaraf dengan menggunakan konsep *rebranding* Perpustakaan Awam yang telah dimulakan sejak tahun 2009 bersesuaian dengan gelaran ‘Bangi Bandar Ilmu’. Perpustakaan ini nanti akan dinaiktaraf menggunakan konsep *rebranding* Perpustakaan Awam yang telah dimulakan sejak tahun 2009 bersesuaian dengan gelaran Bangi Bandar Ilmu. Perpustakaan ini nanti akan dilengkapi dengan kemudahan bersesuaian dengan keperluan masyarakat setempat seperti ruang bacaan dewasa, bilik bacaan kanak-kanak, *playhouse*, bilik penyusuan, bilik perbincangan 1 hingga 3, bilik bacaan, bilik kuliah, surau dan beberapa kemudahan-kemudahan lain. Seterusnya saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Taman Medan berkenaan dengan Perpustakaan Taman Seri Manja, Taman Medan Daerah Petaling yang telah pun disenaraikan untuk cadangan naiktaraf perpustakaan bagi tahun 2020. Namun disebabkan pandemik Covid-19 menyebabkan tarikh penyediaan dan tawaran sebut harga berubah. Projek naik taraf ini bermula November 2020 dan dijangka akan siap pada penghujung Januari 2021, tak ada juga Taman Medan. Januari 2020 siap Taman Medan di luar sana, jiran Taman Medan pun boleh tanya apa yang dibangkitkan. Yang terakhir saya ingin merujuk kepada Perpustakaan Awam Ampang Waterfront yang dibangkitkan Taman Medan, dah sebut dah, 2021 ya akan siap di Taman Medan. Seterusnya Perpustakaan Awam di Ampang Waterfront. Perpustakaan Awam Selangor Ampang Waterfront Daerah Hulu Langat telah dipindahkan ke kawasan Taman Seri Ampang bagi memberi laluan kepada projek penswastaan Lebuhraya EKVE. Namun projek pembinaan perpustakaan ini mengalami kelewatan daripada perancangan asal iaitu Disember 2020. Pihak EKVE menjangkakan tarikh baru siap pembinaan projek perpustakaan ini ialah pada Julai Tahun 2021. Sehingga kini kerja-kerja penyediaan tapak untuk memulakan kerja cerucuk jenis *ausipile* di kawasan tapak perpustakaan. Kelewatan ini berpunca akibat perubahan reka bentuk substruktur bangunan akibat kelemahan struktur tanah asal di tapak tersebut. Walau bagaimanapun perubahan reka bentuk telah siap dan dikemukakan kepada pihak MPAJ untuk kelulusan pelan bangunan dan pelan infrastruktur. Ahli Yang Berhormat sekalian, saya percaya saya telah menjawab sebahagian besar daripada apa yang dibangkitkan khususnya berkenaan dengan port folio pendidikan dan juga perkara-perkara yang dibangkitkan di bawah kelolaan Pejabat Menteri Besar dan juga STANDCO-STANDCO yang terbabit. *Insya Allah* segala perkara-perkara yang timbul pun dapat kita leraikan, dan dapat kita jelaskan untuk pembinaan dan kemajuan negeri kita. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Yang Amat Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di dewan ini ialah suatu Usul yang berbunyi bahawa menurut seksyen 9, sub seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini ada ketetapan bahawa peruntukan sebanyak Satu Bilion, Satu Ratus Tiga Juta Ringgit (RM1,103,000,000.00) yang dinyatakan di dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut

## 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

seksyen 4 (1) Akta yang sama seperti mana yang terdapat di jadual hendaklah diluluskan.

### **Jadual Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2021**

<b>Maksud</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Amaun (RM)</b>
P.01	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	738,795,350.00
P.04	Perbendaharaan Negeri Selangor	280,000.00
P.08	Jabatan Pertanian Negeri Selangor	14,000,000.00
P.10	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	5,225,000.00
P.12	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	170,000,000.00
P.13	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor	78,000,160.00
P.14	Jabatan Agama Islam Selangor	89,989,490.00
P.16	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor	1,710,000.00
P.17	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor	5,000,000.00
<b>JUMLAH</b>		<b>1,103,000,000.00</b>

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan urusan mesyuarat seterusnya Usul No.17 Tahun 2020, Usul Penggantian Ahli Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS)

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, bahwasanya menurut Peraturan 68 C(2) dan 68 (2), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan yang pertama Y.B. Tuan Mazwan bin Johar, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Ramal dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, Ahli Dewan Negeri Kawasan Tanjung Sepat di dalam Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri atau pun JP-ABAS.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong, saya buka Usul ini untuk dibahaskan kalau ada. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu Usul yang berbunyi :-

“ Bahwasanya menurut Peraturan 68 C(2) dan 68 (2), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan bahawa Y.B. Tuan Mazwan bin Johar, Ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Ramal dilantik menjadi

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, Ahli Dewan Negeri Kawasan Tanjung Sepat di dalam Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS)”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini **dipersetujui**.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan Usul Mesyuarat seterusnya, Usul No.18 Tahun 2020, Usul Penggantian Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, bahwasanya mengikut Peraturan Tetap 71, Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan pertama Y.B Tuan Lai Wai Chong, Ahli Dewan Negeri Kawasan Teratai dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni, ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Kandis di dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong, saya buka Usul ini untuk dibahaskan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Saya nak ucapkan sebagai Penggerusi Jawatankuasa ini Selamat Datang kepada ADUN Teratai ke dalam jawatankuasa kami.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu Usul yang berbunyi :-

“ Bahwasanya mengikut Peraturan Tetap 71, Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan bahawa Y.B Tuan Lai Wai Chong, Ahli Dewan Negeri Kawasan Teratai dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa menggantikan Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni, ahli Dewan Negeri Kawasan Sungai Kandis di dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan mesyuarat seterusnya Usul No. 19 Tahun 2020, Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Sentosa.

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE :** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut ;

“Bahwasanya mengikut Peraturan Tetap 76(5), peraturan-peraturan tetap Negeri Selangor Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat Bilangan 34 Tahun 2020. Menurut Peraturan 69(3) Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor adalah menjadi kewajipan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap menimbang dari satu masa ke satu masa dan mengeluarkan penyata kepada dewan berkenaan perkara-perkara berkaitan dengan peraturan-peraturan tetap yang diserahkan dewan kepadanya bagi dibentangkan. Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor selaras dengan amanah yang diberikan oleh dewan telah mengadakan mesyuarat bagi mengkaji dan meneliti ke semua cadangan pindaan kepada peraturan-peraturan tetap bagi Dewan Negeri Selangor seperti yang diserahkan kepadanya pada 17hb Mac 2020 dan 15hb Julai 2020 yang lalu. Senarai Ahli-ahli Jawatankuasa adalah seperti yang telah dilampirkan. Penelitian Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor mendapati pindaan yang dicadangkan melibatkan peraturan-peraturan berikut:-

Peraturan 11(1), Peraturan 15 (1) dan (2), Peraturan 16(6), Peraturan 17 (3) dan (4), Peraturan 56, Peraturan 66(2), Peraturan 68(1) dan Peraturan 72 (2).

Ulasan dan syor jawatankuasa berhubung cadangan pindaan peraturan tetap yang dinyatakan pada perenggan 5 adalah seperti dilampirkan. Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap mengesyorkan cadangan pindaan Peraturan Tetap Dewan Negeri diluluskan mengikut ulasan dan syor jawatankuasa seperti dilampirkan. Sentosa ingin bercadang. Terima kasih Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE :** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong, saya buka Usul ini untuk dibahaskan sekiranya ada. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu Usul yang berbunyi :-

“Bahwasanya mengikut Peraturan Tetap 76(5), Peraturan-Peraturan Tetap Negeri Selangor Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat Bilangan 34 Tahun 2020.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini **dipersetujui**.

## 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan mesyuarat seterusnya Usul No. 20 Tahun 2020, Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Sungai Air Tawar.

**TUAN SPEAKER :** Silakan.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera, terima kasih Tuan Speaker kerana mengizinkan Sungai Air Tawar untuk mewakili Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan *Public Account Community* PAC Dewan Negeri Selangor untuk membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut :-

“Bahwasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan PAC berkaitan Yayasan Selangor seperti di dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 35 Tahun 2020. Tuan Speaker, menerusi aduan yang telah dibuat mengenai tadbir urus Yayasan Selangor semasa Mesyuarat Jawatankuasa Bilangan 5/2020 pada 29 Julai 2020, Jawatankuasa PAC telah memutuskan satu sesi pendengaran tertutup diadakan bersama pihak pengurusan Yayasan Selangor bersama pihak Pesuruhjaya Pencegah Rasuah Malaysia SPRM dan Jabatan Audit Negara Negeri Selangor untuk menyiasat dan meneliti isu tadbir urus pada Mesyuarat Jawatankuasa Bilangan 7 / 2020 bertarikh 26 Ogos 2020. Hasil dapatan dan laporan ini dirumuskan dari sesi pendengaran tertutup dan dialog bersemuka dengan Jawatankuasa PAC bersama Jawatankuasa Audit Negeri Selangor dan SPRM menerusi penelitian dan penyiasatan Jawatankuasa PAC, saya dapat terdapat perkara-perkara yang harus diambil serius dan peduli oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana Yayasan Selangor ini melibatkan kantung Kerajaan Negeri Selangor. Sebelum saya pergi dengan lebih lanjut, saya ingin memaklumkan kepada semua Ahli Dewan bahawa status pendaftaran Ahli Lembaga Pegangan Amanah Yayasan Selangor ALPAYS di peringkat Suruhanjaya Syarikat Malaysia iaitu SSM tidak dikemas kini sejak tahun 2016. Oleh yang demikian apa-apa kelulusan Yayasan Selangor tidak dapat diluluskan dan disahkan pada Mesyuarat ALPAYS. Seharusnya semua keputusan Yayasan Selangor hendaklah dihentikan buat masa ini termasuk penjualan aset Yayasan Selangor sehingga rekod pendaftaran ALPAYS di SSM dikemas kini. Kami dari Jawatankuasa PAC juga, dimaklumkan juga Setiausaha Yayasan Selangor yang baru dilantik pada 1 Julai 2020 sedang berusaha untuk membetulkan keadaan supaya Yayasan Selangor boleh mengadakan Mesyuarat ALPAYS jika ingin melengkapkan prosedur penjualan aset Yayasan Selangor iaitu pindah milik aset yang telah dijual. Buat masa kini saya dimaklumkan Setiausaha Yayasan Selangor yang baru dilantik 1 Julai 2020. Minta maaf. Kami juga kesal terhadap Yayasan Selangor kerana penyata kewangan bagi tahun 2016, 2017 dan 2018 masih di dalam draf akhir untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah pada bulan September 2020 ini. Bermaksud bahawa, Yayasan Selangor sudah tidak diaudit selama empat tahun sejak tahun 2016. Antara sebab yang dilaporkan adalah, yang ini penukaran *standard* perakuan daripada PERS dan MFRS di mana Yayasan

## 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

Selangor tidak mempunyai kakitangan berpengalaman dan berpengetahuan mengenai MFRS.

Penilaian harta tanah bagi 52 aset melibatkan enam cawangan JPPH, kos pelaksanaan yang tinggi, siasatan LHDNM ke atas cukai taksiran Yayasan Selangor bagi tahun 2014 hingga 2017. Hal ini tidak boleh dijadikan alasan kerana Yayasan Selangor perlu diaudit setiap tahun, selaras dengan Seksyen 9 Akta Audit 1957 agar tiada berlakunya ketirisan dalam sebarang urus niaga. Jabatan Kuasa mengambil maklum juga berkenaan hasil pengauditan tadbir urus Yayasan Selangor yang melibatkan Pengerusi Lembaga Pengarah dan juga pengerusi jawatankuasa lain di peringkat Lembaga Pengarah Syarikat. Dan penyediaan kertas kerja bagi pihak pengurusan Yayasan Selangor mengenai pelantikan pengerusi jawatankuasa untuk dibentangkan di dalam mesyuarat ALPAYS sebelum akhir 2020. Jawatankuasa mengambil maklum, Yayasan Selangor mempunyai jumlah aset bernilai 701 Juta dan penjualan aset Yayasan Selangor adalah bagi aset-aset tidak strategik yang tidak menghasilkan keuntungan kepada Yayasan Selangor. Yayasan Selangor juga didapati menanggung beban masalah kewangan memandangkan baki aliran tunai Yayasan Selangor buat masa ini adalah RM4.4 Juta. Manakala, kos pengurusan Yayasan Selangor mencecah RM1.5 Juta sebulan termasuk kos pengurusan harta dan pengurusan perkhidmatan *facility*. Untuk pengetahuan semua ahli dewan, Yayasan Selangor telah mengikat perjanjian pembangunan harta tanah di kampung pandan sebanyak RM300 Juta yang akan memberi pulangan secara berperingkat bagi tempoh 10 tahun hingga tahun 2029. Oleh itu kami berpendapat, hasil pembayaran ini boleh menampung beban hutang Yayasan Selangor tanpa perlu menjual sehingga 77 aset Yayasan Selangor. Selain itu, kami dapat konsep penjualan aset adalah secara *first come first serve* dan telah pun ditetapkan harga minimum sebanyak *reserved price*. Pihak Yayasan Selangor memaklumkan sistem tersebut bertujuan untuk memudahkan proses penjualan aset terutama di peringkat mendapatkan kelulusan bagi pihak bank. Harga minimum unit kediaman dan rumah kedai berdasarkan rujukan *assist rate* dan juru nilai profesional yang akan dilantik. Hal ini tidak seharusnya berlaku kerana konsep ini akan memudahkan ketirisan berlaku dalam transaksi. Seharusnya setiap penjualan aset perlulah mendapat kelulusan ahli Lembaga Pegangan Amanah Yayasan Selangor. Bukanlah melalui konsep *first come first serve*. Jawatankuasa mengambil maklum buat masa ini, Yayasan Selangor tidak mampu memberi bantuan kerana tabung pendidikan tidak mempunyai dana yang mencukupi. Oleh sebab kegagalan Yayasan Selangor dalam pengurusan kewangan yang dimaklumkan juga telah pun berdaftar dengan CTOS untuk mendapatkan maklumat lanjut peminjam bagi urusan kutipan bayaran balik pinjaman. Kami juga mendapat laporan bahawa pendapatan Yayasan Selangor diagihkan mengikut *retirer 70/30* bagi tabung pengurusan dan tabung pendidikan tetapi ia hanya bagi terimaan hasil bernilai lebih daripada RM100 ribu. Jawatankuasa juga mengambil maklum Yayasan Selangor mempunyai hutang operasi berjumlah RM2.9 Juta dengan bayaran balik hutang berjumlah 500 ribu sebulan. Pengurusan yang teruk ini perlu diselesaikan segera agar Yayasan Selangor tidak diceburi masalah hutang yang membebankan. Penemuan jawatankuasa,

## 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

jawatankuasa berpendapat, kegagalan Yayasan Selangor mengadakan mesyuarat ahli lembaga pegangan amanah Yayasan Selangor secara optimum membawa kepada masalah urus tadbir dan pengurusan kewangan Yayasan Selangor kini. Mengikut rekod jumlah mesyuarat ALPAYS dari tahun 2016 hingga 2019 adalah seperti berikut:-

2016 hanya sekali  
2017 tiada mesyuarat  
2018 hanya dua kali  
2019 hanya sekali

Jawatankuasa status pendaftaran ahli lembaga pemegang amanah Yayasan Selangor di peringkat SSM adalah di bawah tanggungjawab utama setiausaha syarikat untuk mengemas kini data pendaftaran di peringkat SSM dari masa ke semasa. Terutamanya apabila terdapat perubahan senarai ahli, Yayasan Selangor tidak boleh membuat sebarang keputusan baru mengenai pengurusan atau operasi Yayasan Selangor sehingga ahli lembaga pemegang amanah Yayasan Selangor yang baru telah didaftarkan secara rasmi di dalam SSM. Jawatankuasa mendapati konsep penjualan aset secara *first come first serve* dan ketiadaan tarikh tutup tawaran adalah tidak mengikut prosedur pelupusan aset yang betul. Ini adalah berdasarkan kepada pandangan-pandangan berikut. Penjelasan daripada Jabatan Audit Negara Negeri Selangor tentang prosedur jualan aset kerajaan di mana tawaran akan diberi kepada penawar paling tinggi dan penawaran hanya akan dibuka dalam tempoh yang tertentu. Pandangan daripada SPRM terdapat penjualan aset Yayasan Selangor yang banyak yang ini melibatkan 77 unit. Di mana kepentingan pengesahan sebarang keputusan mengenai kaedah penjualan aset seharusnya dibincangkan dan diluluskan di mesyuarat ALPA bagi mengelakkan urus niaga haram. Jawatankuasa PAC berpandangan, bahawa pembahagian hasil Yayasan Selangor mengikut nisbah 70:30 yang hanya disyaratkan pada hasil yang melebihi RM100 ribu sahaja adalah tidak wajar dan harus dikaji semula memandangkan pendidikan adalah teras perkhidmatan utama Yayasan Selangor. Jawatankuasa mendapat bahwasanya Yayasan Selangor telah mempunyai perancangan pembangunan semula jangka panjang dengan syarikat-syarikat **JV** di mana Yayasan Selangor berpotensi mendapat jumlah pulangan sekurang-kurangnya 300 Juta seawal 2029.

Berdasarkan lampiran 1, jawatankuasa mendapati bahawa ringkasan minit mesyuarat yang dibekalkan oleh Yayasan Selangor bertarikh 19 Disember 2019 mengenai penjualan aset Yayasan Selangor tiada bukti pengesahan oleh ALPAYS, namun berdasarkan memo yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Harta pada 14 Mei 2020 menyatakan urusan penjualan aset Yayasan Selangor telah mendapat kelulusan ALPAYS pada 19 Disember 2019 dan sarat penjualan aset Yayasan Selangor yang dinyatakan di dalam memo tersebut adalah bersalahan dengan tatacara pelupusan aset yang betul.

## 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

Oleh yang demikian, penjualan aset Yayasan Selangor adalah tidak sah. So jawatankuasa, jawatankuasa menggesa Yayasan Selangor untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan pendaftaran Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor di SSM dikemas kini dengan segera. Dan jawatankuasa mendapati status tersebut telah pun dikemas kini pada 14 September 2020. Jawatankuasa juga menyarankan supaya Yayasan Selangor sentiasa mengemas kini maklumat berkaitan di dalam SSM setiap kali berlakunya sebarang perubahan. Jawatankuasa berpandangan Yayasan Selangor tidak harus meneruskan proses penjualan aset dan keputusan berkaitan pembangunan harta tanah di tangguh sehingga proses kemas kini Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor di SSM diselesaikan dan sehingga cadangan tersebut dibawa dan diputuskan oleh Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor yang baru. Jawatankuasa tidak bersetuju, keputusan Yayasan Selangor untuk meneruskan penjualan aset memandangkan Yayasan Selangor mempunyai kontrak jangka panjang pembangunan harta tanah yang dijangka akan membawa pulangan sekurang-kurangnya RM300 juta dalam tempoh 7 tahun dari tahun 2019. Jawatankuasa menggesa Yayasan Selangor sekiranya penjualan aset diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah Amanah Yayasan Selangor yang baru, kaedah penjualan aset perlu mematuhi tatacara pelupusan aset yang betul supaya tidak berlaku urus niaga haram.

Majoriti ahli jawatankuasa menggesa kerajaan negeri melantik ahli lembaga pengarah yang terdiri daripada Ahli Dewan Negeri Selangor dan juga wakil yang bebas dan profesional di dalam yayasan supaya berlakunya semak imbang dalam keputusan pengurusan. Dan Yayasan Selangor dapat kembali ke era kegemilangan serta membantu lebih ramai Anak Selangor. Jawatankuasa juga menggesa ALPAYS baru memantau operasi aktiviti dan perolehan keuntungan yang disasarkan diperoleh dalam tempoh yang ditetapkan. Jawatankuasa menyarankan Yayasan Selangor memberi agihan peruntukan yang lebih tinggi kepada pendidikan dan bukan kepada pengurusan. Jawatankuasa menggesa agar penyata kewangan perlulah diaudit setiap tahun selaras dengan Seksyen 9 Akta Audit 1957 agar tiada berlakunya ketirisan dalam Yayasan Selangor.

Saya percaya jika Yayasan Selangor diurus dengan cekap dan amanah ini bukan sahaja dapat memberi nilai yang baik kepada Kerajaan Negeri Selangor, malah dapat berkongsi hasil keuntungan yang dijana kepada seluruh rakyat Negeri Selangor. Yang Berhormat Speaker, rumusan saya sedikit, saya melihat apa yang berlaku di dalam Yayasan Selangor ini di mana Ahli Lembaga Pemegang Amanah tidak berfungsi seperti man yang diharapkan. Kita dapat tengok tadi, kadar mereka bermesyuarat, saya kira tidak logik. 2016 hanya satu kali. Kali terakhir 2019 hanya satu kali dalam masa setahun. Sedangkan kita tahu Ahli Lembaga Pengarah adalah mereka yang diberi amanah untuk mengurus tadbir anak syarikat ataupun Yayasan Selangor ini.

Jadi, saya mohon kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, sekiranya mereka yang diberi amanah untuk menjalankan tugas ini tidak mampu, tukar sahaja

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

kepada yang baru. Ni di kalangan Ahli Dewan Negeri Selangor ni banyak, bagi lah mereka peluang untuk sama-sama berbakti, mencerah tenaga membina Negeri Selangor. Bukan sekadar berkhidmat di dalam DUN masing-masing, lepas itu di dalam sidang dewan setahun tiga kali, lepas itu duduk dalam jawatankuasa. Ini duduk dalam jawatankuasa, orang lain buat masalah, kita jawatankuasa yang kena fikir. Apakah tindakan yang perlu di bentang untuk menyelesaikan masalah. Jadi saya rasa adalah lebih baik di kalangan Ahli Berhormat ini diberi sendiri peranan untuk sama-sama berbakti dalam Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor mahupun yayasan. Sebab perkara ini dah berlaku, kita tengok kadang-kadang, dia nya bagus, pandangan nya bagus tetapi pelaksanaan nya tak dapat dipantau.

Mungkin betul, cadangannya untuk menjual 77 aset tapi pelaksanaan dilaksanakan secara *first come first serve*. Ini saya tengok ahli lembaga pengarah tak bermesyuarat. Kalau bermesyuarat, perkara seperti ini tak akan berlaku. Saya kira ini satu perkara yang memalukan lah. Perlu menjadi pengajaran kepada Kerajaan Negeri Selangor agar ianya tidak berulang pada masa akan datang. Jadi saya kira itu sahaja rumusan saya. Sekian.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, USUL ini pun telah pun disokong. Saya buka USUL ini untuk di bahaskan. Meru.

**Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI MOHD MOKHTAR :** Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker. Sikit saya nak bahaskan di sini daripada penyata yang telah dibentangkan oleh Jawatankuasa PAC. Walaupun dibentangkan oleh pihak Ketua Pembangkang sendiri tapi saya menyokong kerana perkara ini cukup serius dan penting untuk kita perhalusi sebab melibatkan kepentingan Kerajaan Negeri sendiri dan juga kepentingan warga Negeri Selangor khususnya dan saya melihat di sini daripada apa yang dibentangkan oleh Ketua Pembangang seolah-olah berlakunya kepincangan tadbir urus yang menyebabkan timbul perkara-perkara ini dan saya bersetuju dengan beberapa pendapat, cadangan daripada Jawatankuasa untuk beberapa gesaan yang telah dibentangkan saya rasa tak perlu panjang lebar saya nyatakan untuk kita kaji dan juga saya bersetuju untuk dapat dilibatkan juga ADUN-ADUN di dalam perjalanan Yayasan Selangor supaya kita lebih jelas dan tahu apa yang berlaku dan juga lebih mudah untuk kita menerangkan kepada rakyat dan juga menerangkan isu-isu yang dibangkitkan khususnya daripada Pihak Pembangkang sendiri mungkin juga berlaku sekadar persepsi yang sedangkan kita tidak mendapat jawapan yang tepat ataupun jawapan yang jelas daripada pihak pengurusan yang boleh menyebabkan timbul fitnah dan juga mencemarkan imej kerajaan negeri itu sendiri. Termasuk berkaitan dengan penjualan aset dan sebagainya itu setakat ini kita nampak daripada media-media tetapi masih belum dapat lagi jawapan secara jelas daripada pihak kerajaan sendiri yang saya rasa perlu

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

sekiranya berlaku salah faham untuk rakyat keseluruhannya mengetahui apa yang berlaku sebenarnya di dalam Yayasan Selangor. terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ya Jeram.

**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya selaku salah seorang Ahli Jawatankuasa PAC ingin memberi pandangan peribadi saya sendiri ya. Kerana selama empat tahun tidak audit itu merupakan satu kesilapan yang besar yang dilakukan Ahli Lembaga Yayasan itu sendiri. Dan saya juga dimaklumkan yang berada dalam Ahli Jawatankuasa Lembaga Pengarah itu ialah terdiri daripada kakitangan tertinggi kerajaan. Sepatutnya mereka diletakkan di Yayasan itu untuk menasihati Jawatankuasa tersebut untuk mentadbir urus dengan cara yang elok ataupun berkesan. Dan saya juga mendapati apabila 70% pengurusan ataupun untuk pentadbiran dan 30% hanya untuk pembiayaan. Adakah formula ini telah dibuat zaman sebelum Pakatan Rakyat kerana contohnya kalaular sejuta 700,000 kepada pengurusan Yayasan 300,000 sahaja pergi kepada pembiayaan. Matlamat diwujudkan Yayasan ini ialah untuk membiayai anak-anak Selangor iaitu biasiswa. tetapi kalaular dalam sesuatu *business* ataupun apa-apa objektifnya ialah menuhuhan Yayasan itu untuk membiayai pelajar itu dengan memberikan biasiswa. Jadi sepatutnya 70% kepada pembiayaan, 30% kepada pengurusan. Jadi yang ini saya rasa Ahli Lembaga Yayasan itu perlu kaji semula sebab benda-benda ini tidak dapat dikaji kerana seperti yang dikatakan pengurusi PAC iaitu Yang Berhormat Ketua Pembangkang tidak berlakunya mesyuarat untuk membincangkan. Kerana mesyuarat itu perlu paling kurang pun mungkin dua atau tiga bulan sekali untuk mengenal pasti sejauh mana perjalanan Yayasan itu sendiri. Dan kita dapati apabila kita memanggil untuk bertanyakan berkenaan dengan statusnya memang keadaannya agak tenat. Tetapi memang akan perolehi 300juta. 300juta itu dalam tempoh beberapa tahun. Dan kita nak tahu 300juta itu bagaimanakah masih lagi nak jadikan dia sebagai 70/30. 300juta itu satu jumlah yang besar sepatutnya boleh membiayai ramai anak-anak Selangor ini memberikan pinjaman biasiswa ataupun pinjaman dan sebagainya untuk mereka melanjutkan pengajian. Jadi, saya rasa benda ini perlu diteliti dan saya juga menyokong, dulu saya dibelah kerajaan tetapi sekarang ini di Bebas tetapi saya tetap menyokong juga kepada Ketua Pembangkang memberikan ruang dan peluang kepada Yang Berhormat ADUN-ADUN untuk duduk di anak-anak syarikat untuk mengimbangi keputusan-keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa kerana Ahli-ahli Yang Berhormat juga ada kepakaran masing-masing dalam *background* yang tertentu untuk memperbetulkan memberi input idea tambah baik untuk tidak lain tak bukan untuk memajukan anak-anak syarikat dan negeri Selangor itu sendiri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ijok.

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya sebagai anak Selangor, Yayasan Selangor ini ialah satu GLC kemegahan masyarakat Selangor. Saya nak tanya Jawatankuasa berapa tahun tidak menghantar penyata kewangan ke SSM yang diaudit? Kalau dah bertahun-tahun tak hantar, saya nak tanya lagi sekali adakah Yayasan Selangor ini masih wujud? Sebenarnya SSM kalau masalah begini telah dibatalkan organisasinya.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Terima kasih Yang Berhormat Ijok. Yang Berhormat Speaker saya ingin menjawab. Saya difahamkan empat tahun tidak beraudit. Dan Yang paling saya nak bagi contoh ya. Yang paling mengejutkan saya sewaktu pendengaran dibuat pada 11hb.08 nama Ahli Lembaga Pengarah di dalam SSM sendiri masih belum ditukar. Waktu ketika itu masih lagi Mohd Kushrin bin Haji Munawi, Ismail bin Haji Idris sebagai *Director*, lepastu Dato' Nordin bin Sulaiman, Mohd Azmin Ali, Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Mohd Shah bin Hashim pada 11hb.08 2020. waktu pendengaran kita buat. Bila kita dah jumpa dalam masa sebulan 18.09 barulah penama-penama baru dimasukkan iaitu Mohd Amin bin Mohd Ahya pada 14hb.09, Dr. Mahanom bin Maksam, Maznah binti Abu Bakar, Dato' Nor Azmi bin Diron, Eddy Adriantor bin Ahmad, dan Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin bin Shari pada 14hb.09 tetapi berkenaan dengan Mohd Sah bin Hashim dia boleh pula dimasukkan pada 01hb.06.2020. Kalau kata terlepas 01.06.2020 boleh dimasukkan-masukkan nama baru. Tapi yang *director* ni tak masuk. Jadi saya rasa ini memang satu kecuaianlah mungkin sebab *board* tadi tak bermesyuarat. Seperti yang saya cakapkan tadi, tak bermesyuarat tak beraudit pula empat tahun. Jadi kita cerita integriti negeri maju. Sepatutnya SSM batallah ni. Tapi saya pun tak pasti tetapi penemuannya begitulah. Jadi memang mengejutkanlah. Memang mengejutkan.

**TUAN SPEAKER :** Ya, saya minta...

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Penjelasan. saya ingin tapi saya tak berapa sihat..

**TUAN SPEAKER :** Ya Hulu Kelang nak.

**Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB :** Bismillahirrohmannirrahim. Tuan Speaker, saya memberi satu perspektif pengalaman saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas ABBAS dan kemudian Pengerusi Jawatankuasa Pilihan ABBAS selepas dia dimasukkan dalam peraturan tetap. Jadi mula-mula memang kita menghadapi masalah ketika saya mengetuai Jawatankuasa Pilihan Khas ABBAS, saya telah membuat lawatan mengadakan pendengaran tertutup dan akhirnya saya melaporkan kepada SELCAT. SELCAT membuat kajian terus dan membuat pendengaran terbuka. Memang ada beberapa peraturan yang tidak diguna pakai terutamanya kaedah pemilihan pengurus besar yang banyak melakukan kesilapan termasuklah memerintahkan agar penyewa di bangunan itu dikeluarkan dan akan dikenakan buka tender. Itu cerita lamalah *detail*. Tetapi apa yang berlaku adalah

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

apabila kita mengatakan pengurusan itu tidak lancar dan tidak berjalan dengan baik dia mengatakan dia telah diperdaya oleh timbalannya. Itu satu kes mahkamah dan telah selesai. Kemudian berlaku Pilihan Raya 2015 kemudian kita angkatkan JK ABBAS dan PADAT, PBT sebagai Jawatankuasa yang terkandung dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri. Maka merupakan tiga Jawatankuasa tambahan kepada apa yang diadakan ditugaskan pada PAC. Pada masa itu kita mengamalkan bahawa PAC adalah satu yang memang yang termaktub dalam Jawatankuasa Tetap dan ada juga kita letakkan di situ ABBAS, PADAT dan PBT sebagai audit. Dan tindakan ini telah mendapat pujian daripada Ketua Juruaudit Negara, Ketua Audit Negara kerana memudahkan pembahagian tugas-tugas pengauditan, pengurusan agensi kerajaan. Jadi kemudian, saya dapat pada masa itu pengurusan kalau dipindahkan kepada Ismail, yang penting pengurus. Ismail pengurus besar baru. Ismail Idris yang baru lah. Tak masa tahun pertama yang pada masalah tu adalah Ilham Mazuki. Jadi masa itu pun telah menghadapi masalah kerana dia digantikan oleh Timbalannya dan kemudian dia dapat bahawa dia tidak menguruskan dengan baik dan mendapati bahawa Lembaga Amanah tidak bermesyuarat. Mereka mengadu kepada saya dan saya telah membuat pernyataan dan kita kemukakan dalam Dewan Negeri perihal pentingnya diadakan mesyuarat. Kerana menurut Perlembagaan atau Peraturan Yayasan Selangor, Ahli Lembaga perlu bermesyuarat tiga kali atau empat kali setahun. Jadi memang itu telah bermasalah sejak itu dan kemudian kita ada Pilihan Raya 2018 dan itu adalah satu kisah yang terabai dan terbiar. Jadi itulah minta maaflah penyakit saya datang. Jadi itu yang boleh saya kongsi kerana memang telah dimaklumkan kerana secara rasmi dan tak rasmi masa dalam Dewan perlunya diadakan mesyuarat kalau tidak kita akan menghadapi masalah sebagaimana yang kita hadapi sekarang ini. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Yang Berhormat Speaker, boleh? Saya sedikit lagi.

**TUAN SPEAKER :** Satu-satu.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Tuan Speaker saya rasa peraturan tetap Yang Berhormat Sungai Air Tawar selaku Pengerusi PAC telah membentangkan usul ini dan memberiuraian rumusan dan sebagainya. Jadi saya rasa seorang boleh bahas sekali sahajakan. Saya tak nak. Saya nak mungkin *ruling* daripada Yang Berhormat Speaker.

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Ini sebenarnya cadangan. Cadangan dan nasihat saya nak bagi.

**TUAN SPEAKER :** Baik-baik. Saya terima pandangan daripada Bukit Lanjan mencelah. Daripada Bukit Lanjan saya meminta Sungai Air Tawar biar sekejap sahaja, ya.

## **10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL :** Terima kasih, Yang Berhormat speaker. Saya minta supaya Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar supaya lebih berhati-hatilah ya. Sebab saya ambil contoh sebab saya nak beritahu ini, nasib baik PAC buat pendengaran. Cuba haritu tawaran kenyataan tender dah dikeluarkan. Pula *fist come first serve*. Tetapi dalam masa yang sama di SSM Board tak ditukar lagi kalau benda berlaku maksudnya ianya diputuskan oleh sapa? Maksud saya inilah maksud saya, yang ini kena dijadikan pengajaranlah orang kata.

**TUAN SPEAKER :** Silakan pihak kerajaan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Ketika saya membuat penggulungan pakej rangsangan saya rasa kita telah menyentuh sedikit sebanyak isu ini dan saya bangkitkan tentang isu *management* dan pengurusan. Untuk makluman semua antara perkara besar yang berlaku adalah di antara *period* 2016 sampai 2019 kerana pada ketika itu Yayasan Selangor tidak mempunyai pengendali bahtera dan sebab itulah unjur-anjur mesyuarat itu tidak diadakan jadi makanya 2017 kosong. 2018, satu ataupun dua. 2017 tak silap saya satu. Eh 2017, kosong. 2016, kosong ya. Dan pada ketika itu saya dimaklumkan kita sedang memuktamadkan. Bukan saya pada ketika itu kena tanya dua tiga sesiapa nanti kenapa tak buat mesyuarat itu ya. Kita betulkan. Kemudian tahun 2019 kita telah melantik CEO dan mulai Januari tahun 2020 sebenarnya fakta ini ataupun isu ini telah mula diketahui oleh pengurusan pihak Yayasan Selangor dan dibawa kepada Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah. Pada bulan Mei 2020 kita mula telah menghantar laporan kepada pihak SSM untuk mengeluarkan nama-nama Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang tidak sah. Bila kita dah keluarkan dan urusan itu hanyalah selesai pada bulan November ataupun pada maafkan saya November pada tahun pada bulan September tahun 2020. Jadi kalau kita tak tahu atau tak tahu tu sebenarnya kita tahu. dan nak sebutkan tahun 2019 kita tak buat mesyuarat sebenarnya tidak betul. Itu mungkin dalam fakta yang tak berapa tepat. Dalam 2019 sendiri ada empat mesyuarat yang telah dianggotai yang telah dihadiri oleh saya, dua mesyuarat adalah Mesyuarat Khas dan dua Mesyuarat Adalah Ahli-ahli Lembaga Pengarah. Bahawa ini...

**TUAN SPEAKER :** Yang berhormat, sambung esok.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** 5.30?

**TUAN SPEAKER :** Ya. Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Masa telah menunjukkan 5.30 petang. Dengan ini saya menangguhkan Dewan sehingga hari esok 11hb November 2020 (Rabu), 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**( DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 5.30 PETANG )**